

Jilid II
Bil. 40



Hari Selasa
1hb November, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6977]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 7033]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 7033]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.H.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri, Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S, (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Peiancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SUUMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH(Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA JIUMENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO* HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERJ HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- " DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., 'S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.K. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar),
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong),
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu),
- „ ., TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
 - „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
 - „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
 - „ PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
 - „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
 - „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
 - „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
 - „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 1hb November, 1988

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****Timbalan Yang di-Pertua (Tuan
D. P. Vijandran):** Yang Berhormat
Datuk Bernard Giluk Dompok.*(Soalan No. 1 Y.B. Datuk Bernard
Giluk Dompok tidak hadir).***STESYEN SUKATAN AIR
PASANG SURUT****2. Tuan Haji Mohd. Zain bin
Abdullah** minta Menteri Kemajuan
Tanah dan Kemajuan Wilayah
menyatakan:

- (i) (a) dalam penyediaan data-
data sukatan air pasang
surut berapa banyakkah
stesyen-stesyen sukatan
air pasang surut yang
telah didirikan di
Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak.
Nyatakan nama-nama
stesyen itu.
- (b) sama ada Kerajaan
berpuas hati dengan
tempat-tempat dan
jumlah bilangan yang
sedia ada atau bercadang
mendirikan beberapa
banyak lagi stesyen
seperti itu; dan

- (ii) sejauh manakah kemajuan
yang telah dicapai melalui
Automatik Komputer CALS
(Computer Assisted Land
Survey System) yang
diperkenalkan (dirasmikan)
dalam tahun 1985, sebagai
projek printis moden, yang
bertujuan bagi memper-
cepatkan lagi proses per-
mohonan ukur.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Kemajuan Tanah dan Kemajuan
Wilayah (Tuan Adam bin Abdul
Kadir):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) (a) Jumlah stesyen sukatan
air pasang surut yang
telah didirikan di
Semenanjung Malaysia
ialah 12 di Sabah 7 dan di
Sarawak 3.

Nama-nama stesyen di
Semenanjung Malaysia ialah:

1. Pulau Langkawi
2. Kedah Pier, Pulau
Pinang
3. Pengkalan Tentera
Laut Di Raja
Malaysia Lumut
4. Pengkalan No. 25,
Pelabuhan Klang
5. Tanjung Keling,
Melaka
6. Kukup
7. Jeti Lembaga Letrik
Negara, Johor Bharu
8. Tanjong Sedili

9. Pulau Tioman
10. Pelabuhan Baru
Tanjong Gelang,
Kuantan
11. Kompleks Perikanan,
Cendering, Kuala
Terengganu; dan
12. Geting, Kelantan

Nama-nama stesyen di Sabah ialah:

1. Labuan
2. Kota Kinabalu
3. Kudat
4. Sandakan
5. Lahad Datu
6. Semporna
7. Tawau

Nama-nama Stesyen di Sarawak ialah:

1. Pulau Lakei
2. Bintulu
3. Miri

(b) Kementerian adalah berpuas hati dengan tempat-tempat dan jumlah bilangan yang sedia ada di Semenanjung Malaysia dan Sabah tetapi bilangan stesyen sukatan air pasang surut tidak mencukupi untuk Sarawak. Adalah dicadangkan bahawa 2 stesyen lagi didirikan di Sarawak..

(ii) CALS, ataupun Computer Assisted Land Survey System, dengan izin, telah diperkenalkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan pada tahun 1985 di Negeri Johor sebagai projek perintis moden dengan matlamat mempercepatkan proses mengukur tanah dan yang terpenting sekali ialah

mewujudkan pengkalan data ukur graphic Kadastra untuk Negeri Johor.

Pencapaian projek CALS pada tahun 1985 adalah tertumpu kepada perancangan dan penyusunan kerja. Dalam tahun 1986, kakitangan adalah terlibat dalam latihan penyesuaian, penggunaan, pelaksanaan dan perisian sistem komputer tersebut. Hanya mulai bulan Januari 1987, CALS telah beroperasi sepenuhnya. Kemajuan yang telah dicapai melalui sistem ini adalah penjimatan masa sebanyak 40% jika dibandingkan dengan sistem manual sekarang. Produktiviti penghasilan jumlah lot seorang kakitangan cara manual berbanding dengan CALS menunjukkan peningkatan kerja dari 120 lot ke 170 lot setahun. Produktiviti ini boleh meningkat lagi pada tahun-tahun akan datang berdasarkan pengalaman kerja.

Tuan Yang di-Pertua, CALS juga menjalankan kerja-kerja memasukkan data ukur kadastra ke dalam Pengkalan Data Ukur dan dalam bulan Januari 1987 hingga September 1988 telah berjaya menyiapkan pemasukan sebanyak 103,000 lot daripada jumlah 644,117 lot untuk negeri Johor.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya bahawa mengikut Computer Assisted and Survey System ini telah dapat mempercepatkan pengukuran smpadan bagi tanah-tanah yang berbangkit tetapi saya ingin tahu adakah sudah selesai

permasalahan pengukuran sempadan di antara Malaysia/Thai, Sabah Sarawak dengan Brunei dan Indonesia serta Singapura.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, masalah itu masih ada. Sebab itulah untuk menyempurnakan masalah itu daripada satu masa ke satu masa di antara negara-negara Yang Berhormat sebutkan itu, sistem itu diperkenalkan. Ini merupakan satu masalah yang "on queuing" yang terus-menerus maka usaha-usaha itu terus dilaksanakan dan mudah-mudahan masalah itu akan dapat kita atasi tidak sepenuhnya tetapi pada tahap yang memuaskan kepada pihak-pihak yang terlibat mengenai sempadan antara negara kita dengan negara-negara jiran.

SYARIKAT INSURANS BERLESEN

3. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah syarikat-syarikat insurans berlesen di negara ini pada masa sekarang. Adakah pihak Kementerian membuat kajian sama ada terdapatnya syarikat-syarikat insurans yang tidak memenuhi perjanjian membayar kepada waris-waris pemegang insurans yang meninggal dunia. Apakah tindakan yang diambil ke atas syarikat-syarikat insurans yang tidak mematuhi peraturan ajtau perjanjian seperti ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat-syarikat insurans berlesen di negara ini sekarang inilah 60 buah kesemuanya. Bilangan ini tidak termasuk syarikat Takaful yang telah ditubuhkan di bawah Akta Takaful 1984.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak membuat penyiasatan yang khusus ke atas

syarikat-syarikat insurans bagi mengenalpasti syarikat-syarikat insurans yang tidak mematuhi perjanjian membayar kepada waris-waris pemegang insurans yang meninggal dunia.

Masalah berhubung dengan perkara ini sekiranya ada, boleh diatasi atau diawasi dengan kerjasama orang ramai secara membuat aduan kepada pihak yang berkenaan.

Pihak Bank Negara sentiasa mengalu-alukan dan melayan aduan daripada orang ramai ke atas syarikat-syarikat insurans tersebut. Aduan-aduan yang diterima akan disiasat dengan teliti dan syarikat-syarikat yang didapati melambat-lambatkan pembayaran tanpa sebab yang munasabah akan diarahkan untuk menyelesaikan masalah dengan segera.

Dalam 1988 sebagai contoh, kita telah menerima aduan sebanyak 15 semuanya iaitu mengenai kes-kes yang melambatkan menyelenggarakan tuntutan insurans nyawa. Dalam 1987, 18 kes. Kesemua kes-kes tersebut telah pun diambil tindakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Sejak Bank Negara diberi kuasa untuk mengawasi perjalanan semua syarikat-syarikat insurans mulai 1hb April pada tahun ini, saya hendak bertanya tentang sejauh mana keberkesanan Bank Negara dalam menjalankan tugasnya untuk mengawasi syarikat-syarikat insurans dan sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan butir-butir tentang beberapa buah syarikat insurans yang telah dikenalpasti yang mana mereka telah melakukan kesalahan dan sebagainya?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, pada masa ini pada amnya, pada umumnya kita bolehlah sifat apa yang

dilakukan oleh Bank Negara mengikut kadar masa yang telah pun diberi kepadanya untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam industri insurans adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, masih lagi banyak kerja-kerja yang perlu dibuat untuk memperkemas lagi supervision, dengan izin, ke atas syarikat insurans yang mempunyai masalah.

Mengenai soalan yang kedua telah pun saya jawab dalam sesi ini juga dalam seminggu dua yang lepas. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mengenalpasti beberapa buah syarikat insurans yang telah mempunyai masalah kewangan, walaupun pada umumnya ia masih berdaya maju iaitu masih viable oleh kerana itulah kita membenarkan syarikat-syarikat ini meneruskan kerja mereka dengan penguasaan yang lebih ketat daripada Bank Negara.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soal pembayaran balik kepada waris-waris si mati. Saya ingin bertanya ada ahli-ahli yang bertanya kepada saya iaitu mereka ini telah masuk insurans nyawa atau life insurance dengan seumur hidup. Mereka telah membayar dengan pujuk rayu oleh wakil-wakil insuran ini. Setelah dibayar tiga atau empat tahun, mereka tidak mampu lagi membayar bulanan kepada insurans ini, selepas itu mereka meminta balik wang yang dibayar. Tetapi apa yang dijawab oleh pihak syarikat insurans ini, ia tidak memberi satu sen pun kerana katanya tidak ada undang-undang, betul atau pun tidak, perkara ini.

Tuan Mohamed Parid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya kontrak yang ditandatangani oleh syarikat insurans dengan pemegang polisi akan menentukan butir-butir yang ditandatangani di antara kedua-dua pihak. Tentu sekali semasa seseorang itu menandatangani

perjanjian kontrak yang disifatkan sebagai satu kontrak, dengan uberrima fides ataupun satu kontrak yang of utmost honesty, dengan izin, maka tentu sekali semua soat-soal yang berkaitan dengan pemegang polisi itu ataupun calon pemegang polisi itu akan diberitahu ataupun perlu diketahui oleh bakal pemegang polisi tersebut. Ini adalah bergantung kepada undang-undang kontrak. Watau bagaimanapun, pada umumnya jika seseorang itu tidak mampu meneruskan pembayaran premiumnya selepas beberapa tahun, beliau ataupun pemegang polisi itu membayar premium tersebut, pada umumnya saya tidak menyatakan bahawa ia khusus pada satu-satu kes yang tertentu pada umumnya, jika sekiranya ia melebihi 3 tahun kemungkinan dia ada satu nilai iaitu nilai pulangan di mana dipotong beberapa peratus daripada nilai tersebut untuk dibayar kepada syarikat insurans sebagai service charges dan yang bakinya boleh dipulangkan. Tetapi ini saya ulangi sekali lagi adalah bergantung kepada kontrak ataupun perjanjian di antara policy holder dengan syarikat insurans tersebut.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa sebuah syarikat insurans terkemuka iaitu Arab Malaysian Eagle Assurance Bhd. yang beribu pejabat di Kuala Lumpur telah melambat-lambatkan pembayaran atau masih tidak membayar kepada waris-waris seorang si mati yang menjadi pemegang polisinya walaupun tuntutan telah dibuat oleh waris si mati tersebut sejak 7 bulan yang lalu. Adakah tindakan boleh diambil terhadap syarikat ini memandangkan bahawa sudah lama tuntutan dibuat tetapi masih mereka enggan membuat pembayarannya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu kes yang terlalu khusus. Walau

bagaimanapun, pada umumnya kita telah menerima banyak aduan-aduan kelambatan yang telah pun dibawa oleh pembayar-pembayar premium atau policy holders tetapi jika dipandang secara am, pembayaran yang lewat 7 bulan itu adalah satu pembayaran yang tidak begitu teruk pada umumnya. Ada kes-kes yang lebih teruk daripada itu lagi. Walau bagaimanapun, saya meminta supaya pihak yang berkenaan bertemu dengan peguam masing-masing ataupun menulis kepada Kementerian Kewangan ataupun kepada Bank Negara untuk membuat komplen yang tertentu.

INDUSTRI KECIL HARAM DI KUALA LUMPUR

4. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak tapak telah dikenalpasti dan dijadual untuk dibangunkan setakat ini bagi perindustrian kecil di Kuala Lumpur. Juga nyatakan bilangan industri kecil haram dalam Kuala Lumpur dan dasar dan program penempatan semula Dewan Bandaraya bagi mereka masakini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengenalpasti kawasan-kawasan baru industri di Kuala Lumpur seperti:

- (i) Batu 7 1/2 Jalan Kepong;
- (ii) Jalan Chan Sow Lin;
- (iii) Jalan Sungai Besi;
- (iv) Jalan Ipoh, berhampiran dengan Jalan Wahyu;

Bagi Fasa Pertama, Kerajaan telah pun memulakan projek di Batu 7 1/2 Jalan Kepong seluas 164 ekar dengan tujuan menempatkan semula industri-industri di tanah haram dan juga pengilang-pengilang kecil yang terletak di kawasan pertumbuhan dan komersial. Pembangunan di kawasan

164 ekar ini bolehlah menempatkan sebanyak 714 unit industri yang terdiri daripada 298 unit lot industri kos rendah, 348 unit lot industri teres kos sederhana dan 68 unit industri jenis berkembar dan sesebuah.

Bagi kawasan industri di tempat-tempat lain yang disebut di atas ianya akan dimajukan dari masa ke semasa apabila diperlukan.

Pada masa sekarang terdapat kira-kira 3,084 industri haram di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dasar Kerajaan terhadap industri haram di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah tidak menggalakkan wujudnya industri haram di kawasan yang sedia ada kerana ianya menimbulkan ancaman-ancaman keselamatan dan kesihatan penduduk.

Pemindahan industri-industri haram ini akan dilakukan secara berperingkat ke kawasan yang terancam dan lebih selamat kepada penduduk di sekitarnya. Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengadakan tempat-tempat baru bagi kilang-kilang haram tersebut dengan harga yang berpatutan bersesuaian dengan pendapatan kilang-kilang tersebut. Adalah diharapkan pihak kilang yang terlibat dapat memberi kerjasama dan tidak membantah atas asas bahawa sekarang ini mereka perlu membayar bagi khidmat dan kemudahan yang disediakan selepas menduduki secara percuma di tempat sekarang.

Tuan S. S. Subramaniam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kawasan-kawasan yang telah dibangunkan oleh pihak Dewan Bandaraya ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan harganya begitu tinggi sehingga sebahagian besar peniaga industri kecil tidak mampu untuk membeli tapak-tapak yang telah diadakan di kawasan-kawasan tersebut? Saya ingin mendapat tahu bagaimanakah pihak

Kementerian akan menyelesaikan masalah sebahagian besar industri-industri kecil yang tidak mempunyai kemampuan untuk membeli tanah ataupun kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian ataupun peniaga kecil yang masih tidak mempunyai kawasan-kawasan yang tertentu untuk menjalankan perniagaan-perniagaan mereka?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor tidak bermaksud pekilang-pekilang atau industri kecil setingan, kerana penempatan setingan seperti yang saya sebutkan akan hanya dapat dipindahkan apabila tapak di batu 71/2 Jalan Kepong siap untuk penempatan semula industri haram ini. Bagaimanapun saya sukalah hendak sebutkan di sini bahawa penjualan kilang-kilang kecil yang dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah dengan harga yang berpatutan dan munasabah dan saya kira tidaklah terlalu tinggi untuk mana-mana pihak untuk membelinya.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal kilang haram tadi yang dikatakan berjumlah lebih 3,000 yang ada di Wilayah Persekutuan, malahan di kawasan saya sendiri di Lembah Pantai saya rasa lebih daripada 400 kilang haram, oleh itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau masih menantikan dan menunggu kilang-kilang itu siap sebagaimana yang disebutkan tadi, tidakkah ada cadangan oleh kerana sebelum mereka mendirikan kilang haram itu, mereka telah meminta lesen kepada Dewan Bandaraya ataupun pihak yang berkenaan tetapi tidak diluluskan. Apakah salahnya sementara kilang itu siap mereka diberi lesen iaitu lesen sementara kepada mereka itu supaya dapat kita kawal? Jikalau kita tidak memberikan lesen, kita akan

membiarkan begitu sahaja kemungkinan itu sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi kawalan tidak dapat diadakan. Oleh itu saya mengesyorkan supaya diberi lesen sementara kerana mereka itu semuanya berkehendakkan tapak kilang tetapi malangnya tidak dibenarkan oleh pihak yang berkuasa.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang kita berikan lesen sementara iaitu sebanyak 244 buah tetapi ini bergantung dengan sekitar di mana mereka berada tetapi dalam usaha kita untuk lebih menyusun supaya zon industri ini akan lebih komprehensif di dalam Wilayah Persekutuan, maka kita tidaklah menggalakkan supaya mereka diberi tanah rizab sementara atau T.O.L. Saya suka menyatakan bahawa sehingga sekarang ini mereka yang menempati tanah-tanah secara haram, Kerajaan samasekali tidak mengenakan sama ada cukai dalam bentuk apa pun dan ini memanglah merugikan Kerajaan tetapi sebaliknya bagi pihak pekilang-pekilang atau industri kecil ini menguntungkan bagi mereka. Walau bagaimanapun, saya hendak sebutkan bahawa jika kita memberikan tanah T.O.L. ini, maka mereka akan dikenakan cukai Ouit Rent dan sebagainya dan adalah lebih baik daripada pemberian T.O.L. kalau kita tempatkan mereka di tempat yang lebih tersusun dan teratur.

AKTA PERIKANAN—KAJIAN SEMULA

5. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian bercadang mengkaji semula peraturan undang-undang perikanan terutama yang melibatkan nelayan-nelayan pantai yang miskin dengan tindakan Jabatan Perikanan kerana melanggar peraturan-peraturan tertentu seperti kawasan-kawasan yang dihadkan dan lain-lain hingga tidak

termampu mereka membayar denda atau kompon yang akhirnya ke penjara.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan-peraturan Perikanan yang telah digubal tidak menyusahkan nelayan-nelayan pantai, bahkan ianya bertujuan untuk melindungi sumber-sumber perikanan dan mengkhaskan perairan pantai untuk nelayan tradisi. Satu daripada cara menghindarkan bot-bot pukut tunda daripada mencerobohi perairan pantai adalah dengan mengenakan denda yang tinggi dan peraturan-peraturan yang ketat. Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan tetap mengambil kira pandangan-pandangan dan teguran-teguran terhadap pelaksanaan Akta ini yang diterima daripada persatuan nelayan dan pengusaha-pengusaha bot perikanan.

Pindaan ke atas Peraturan Undang-undang Perikanan hanya akan dibuat sekiranya didapati perlu.

Puan Ling Chooi Sieng: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Jabatan Perikanan mengambil masa yang melebihi satu minggu untuk menetapkan kompaun dan apabila nelayan tidak mengaku salah bot-bot mereka akan ditahan sehingga kes perbicaraan dihabiskan. Oleh kerana bot-bot mereka ditahan pending compounding ataupun pending hearing, dengan izin, nelayan-nelayan itu tidak dapat meneruskan menangkap ikan dan ini telah menyusahkan nelayan-nelayan itu kerana rezeki mereka bergantung kepada tangkapan ikan. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk membaiki keadaan ini seperti melepaskan bot-bot

itu selepas bayaran "bail" atau jaminan; jikalau ada, sila berikan butir-butir, dan kalau tidak, mengapa?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar ada kes-kes bila bot-bot yang ditangkap oleh Jabatan Perikanan atau Marin Polis ditahan lebih kurang satu minggu sebelum kompaun ditentukan atau dibayar oleh nelayan yang berkenaan, tetapi Jabatan Perikanan telah memberi arahan kepada semua Jabatan-jabatan Perikanan di peringkat Negeri untuk menentukan kompaun dalam tempoh tiga hari supaya nelayan-nelayan boleh dapat balik bot-bot masing-masing selepas membayar kompaun yang ditentukan di dalam tempoh tiga hari. Tetapi ada kemungkinan kes-kes yang lambat diselesaikan. Saya harap kalau ada kes-kes yang lambat, Yang Berhormat, silalah beri laporan kepada saya.

Berkenaan kes-kes yang di mana nelayan-nelayan tidak mengaku salah dan kes ini perlu dipindahkan ke mahkamah untuk diselesaikan, syarat-syarat yang diadakan dalam Akta Perikanan ialah bot-bot yang terlibat mestilah ditahan sehingga kes diselesaikan, tetapi ada peraturan di mana bot itu boleh dijamin dan kalau nelayan atau pemilik bot itu memberi jaminan yang diperlukan dalam Akta Perikanan, bot boleh dijamin dan dibebaskan.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan di perairan Kedah seringkali operasi nelayan-nelayan dibuat oleh Jabatan Perikanan, bukan sahaja bot-bot yang ditangkap itu tidak boleh dijamin dalam tempoh tiga hari, malahan berbulan-bulan sehinggakan kes yang sudah berjaya oleh nelayan sekalipun bot yang ada itu hanya tinggal badan bot sahaja, sedangkan enjin dan lain-lain perkakasnya telah hilang.

Satu perkara yang menyedihkan, terutamanya pekerja-pekerja bot ini yang terdiri daripada nelayan-nelayan kecil yang miskin, yang tidak mampu membayar denda di mahkamah, sehingga mahkamah menghukum \$6,000. Kepada nelayan \$6,000 itu adalah terlalu tinggi. Mereka lebih sanggup masuk penjara. Kalaulah nelayan kecil ini mendapat satu bebanan yang sebegini, tidakkah Kementerian boleh mengkaji semula peraturan-peraturan yang dapat melindungi kepentingan nelayan kecil ini. Saya harap soalan tambahan saya iaitu adakah Kementerian benar-benar sedar bahawa operasi yang dibuat oleh Jabatan Perikanan selama ini di Kedah khususnya, di perairan Kedah amat mengeciwakan nelayan-nelayan kecil dan tidakkah satu perubahan peraturan ini dapat dibetulkan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi iaitu kalau kompaun ini boleh dibayar memanglah bot ini dibebaskan dalam tempoh kita harap 3 hari. Tetapi kalau pemilik ini tidak sanggup bayar kompaun dan tidak mengaku salah, kes ini dihantar kepada mahkamah untuk diselesaikan. Inilah yang mengambil masa yang panjang dan masalah ini tidak boleh dikawal oleh Jabatan Perikanan atau Kementerian Pertanian, kerana soal metambat-lambatkan kes ini adalah urusan mahkamah.

Kita memang sedar ada kes-kes di mana nelayan-nelayan tidak boleh membayar kompaun dipenjara dan ini adalah satu beban yang berat kepada nelayan-nelayan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan kes ini melibatkan bukan nelayan kecil tetapi pada pemilik bot-bot besar.

Saya tidak tahu satu kes pun di mana seorang neiyen tradisi telah dihukum penjara pada tahun ini ataupun tahun lepas atau selepas Akta Perikanan ini dilaksanakan. Kita dalam

Kementerian Pertanian sekarang sedang mengkaji semula supaya kita meringankan beban sekarang yang ditanggung oleh pemilik bot bila bot-bot ini ditangkap dan bila pemilik ini tidak mengaku salah dan meringankan jaminan supaya bot ini boleh dikeluarkan dengan cepat dan kes ini boleh dijalankan dalam mahkamah dan boleh diambil masa yang panjang dan ini tidak dikiralah.

BEKALAN AIR KAWASAN SABAH

6. Dato' Haji Zainal Abidin bin Zin minta Menteri Pertanian untuk menyatakan adakah Kerajaan akan mengadakan peruntukan tambahan bagi memperbaiki beberapa kawasan sawah yang tidak mendapat air dan kawasan yang tenggelam yang tidak dapat dikeringkan di Rancangan Bersepadu Kean-Sungai Manik kerana kawasan yang terlibat ini jika dikumpul agak luas ukurannya dan mungkin tidak boleh diatasi dengan menggunakan peruntukan pembangunan biasa.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 1,200 hektar atau 5% dari jumlah keluasan bendang di Projek Krian-Sungai Manik didapati masih menghadapi masalah bekalan air atau masalah saluran. Masalah-masalah sedemikian botehlah dianggap sebagai masalah setempat (teething problems) dan memang telah dijangkakan berlaku di dalam sesebuah projek yang besar seperti Projek Krian-Sungai Manik ini.

Pihak Kementerian Pertanian yakin kebanyakan masalah-masalah yang timbul dapat diatasi melalui kerja-kerja pembaikan dan kerja-kerja jayaguna yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair di bawah baki peruntukan projek yang masih ada.

Bagaimanapun, tidak semua masalah ini boleh diatasi dengan penyelesaian teknikal. Bagi tanah yang tidak rata, petani-petani perlu memainkan peranan dengan membina batas-batas bendang dan meratakan kawasan-kawasan sawah yang tinggi rendah bagi mudah dan menjamin pembekalan air yang sempurna ke sawah-sawah. Kos melaksanakan kerja-kerja ini dianggarkan kira-kira \$4,000 sehektar dan Bank Pertanian Malaysia telah bersedia mengadakan pinjaman bagi maksud ini.

SEKOLAH DI LUAR BANDAR— MELENGKAPKAN

7. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diusahakan oleh Kementerian ini bagi melengkapkan sekolah-sekolah di luar bandar mahupun di pendalaman agar tahap pencapaian pendidikan dapat dipertingkatkan ke taraf yang lebih baik.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah diambil dan sedang diusahakan oleh Kementerian Pendidikan bagi melengkapkan sekolah-sekolah di luar bandar dan di pendalaman supaya pencapaian pendidikan dapat di peringkatkan ke taraf yang lebih baik adalah seperti berikut:

Dari segi kewangan, bantuan kewangan dan lain-lain kemudahan asas adalah disediakan berdasarkan kepada enrolment.

Dalam kemudahan fizikal, sekolah-sekolah yang baru dibina sama ada di bandar ataupun di luar bandar pada amnya adalah sama dari segi bentuk, ukuran dan jenisnya

oleh kerana pelan yang seragam adalah digunakan. Alat-alat dan kelengkapan yang sama diberi kepada semua sekolah dan dari segi tenaga pengajar pula, guru-guru terlatih ditempatkan di sekolah-sekolah mengikut keperluan sekolah yang berkenaan dan bukannya mengikut kawasan bandar atau luar bandar.

Dalam aspek bukan fizikal, kita menyediakan sukatan pelajaran yang sama bagi semua sekolah. Bantuan Skim Buku Teks juga diberi di atas dasar kemampuan ibu-bapa dan bukannya di atas dasar kawasan. Khidmat bantu seperti projek susu, rancangan makan dan pemakanan dan perkhidmatan mata dan gigi juga merangkumi sekolah-sekolah di luar bandar dan pendalaman. Penyediaan dilakukan melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Ini merangkumi semua sekolah tidak kira di luar bandar atau pendalaman.

Bagi murid-murid di luar bandar dan pendalaman diberi pendedahan melalui beberapa rancangan dan kegiatan seperti rancangan radio dan TV pendidikan, lawatan sambil belajar yang dikelolakan oleh pihak sekolah ataupun PIBG ke bandar-bandar, kilang-kilang, " tempat-tempat bersejarah dan lain-lain tempat yang difikirkan akan memberi manfaat kepada murid-murid, pertandingan/perlawanan antara sekolah dan daerah melalui gerakerja ko-kurikulum, ceramah-ceramah yang diberikan oleh jempunan khas ke sekolah-sekolah melalui bimbingan kerjaya. Begitu juga, bahan-bahan bacaan yang disediakan di perpustakaan sekolah dan juga digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan bergerak sekiranya perkhidmatan tersebut terdapat di kawasan berkenaan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada betiau sedar bahawa pada keseluruhannya kedudukan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan-kawasan luar bandar Semenanjung Malaysia amatlah tidak memuaskan jika dibandingkan dengan kedudukan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Rendah Kebangsaan.

Misalnya, di daerah Nibong Tebal, 10 dari 11 buah sekolah Tamil masih belum dilengkapi dengan kemudahan asas yang minima iaitu sekurang-kurangnya satu bilik untuk satu darjah. Akibatnya murid-murid dari berbagai-bagai darjah terpaksa kongsi satu bilik dan kebanyakan murid-murid sekolah Tamil di daerah Nibong Tebal gagal peperiksaan Kerajaan dan menjadi "drop-out".

Sekiranya Yang Berhormat sedar akan kedudukan ini, sediakah Kementerian Yang Berhormat mengkaji masalah ini dengan mendalam dan mcluluskan peruntukan yang sewajarnya untuk sekolah-sekolah Tamil di Nibong Tebal dan kawasan-kawasan luar bandar yang lain.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua; untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang dari perbandingan kita yang menyeluruh banyaklah masalah di dalam infrastruktur dan kekurangan-kekurangan di kawasan-kawasan dalam negara kita ini. Dan kerana Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan satu keadaan yang spesifik, saya ingin kalau Yang Berhormat dapat mengemukakan masalah ini dan kita sanggup mempertimbangkan dan mengikut cara-cara peruntukan yang kita biasa jalankan kerana kekurangan ini adalah dihadapi oleh kebanyakan di luar bandar di mana kawasan-kawasan sekolah yang telah dibina lebih

daripada 20 tahun dan di mana kawasan-kawasan yang kita katakan masih mundur dalam pembangunan. Jadi ini kita sentiasa dari segi menyeluruh kegiatan-kegiatan kita dalam Kementerian memang meneliti secara mendalam kekurangan fizikal dan kita akan terus berusaha untuk menyediakannya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas bagi mengkaji tentang kedudukan sekolah-sekolah di luar bandar dari segi keperluan asas yang minima supaya ianya tidak perlu dibangkitkan oleh mana-mana pihak secara case by case mengenalpasti secara terperinci.

Kedua, apakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan ciri-ciri iaitu keperluan perpustakaan setiap sekolah di luar bandar sebagai satu asas penting dalam melengkapkan sekolah-sekolah di luar bandar kerana tidak akan bererti kita menghebahkan ke seluruh negara mengenai dengan tradisi membaca, tradisi berilmu tetapi buku-buku teks tidak mencukupi di sekolah-sekolah malah hanya pelajar-pelajar miskin yang terpilih yang tidak keseluruhannya, tidak diberi buku-buku teks sebagaimana yang kita sedia maklum sebelum ini. Maka cara mengatasinya ialah memastikan setiap sekolah mempunyai perpustakaan yang lengkap selain daripada kita menumpukan kepada taman sains keindahan di sekitar sekolah dan sebagainya,

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, di peringkat Kementerian kita memang ada satu bahagian yang sentiasa menumpukan dari segi bekerjasama dengan bahagian pembangunan untuk sekolah-sekolah baru dan juga

sekolah-sekolah di mana yang perlu kita pertingkatkan dan rancangan-rancangan telah dijalankan dan juga tempat-tempat di mana kawasan sekolah yang mana untuk dibaharui, diganti, ditambah bilik darjah dan kemudahan-kemudahan asas itu telah dikenalpasti dan kita adalah melaksanakan bergantung kepada peruntukan yang kita dapati tahun demi tahun.

Untuk menjawab soalan kedua, kita tidak perlu task force baru kerana badan-badan yang tertentu sudah ada di dalam Kementerian. Keduanya, dari segi kesediaan perpustakaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli yang Berhormat tadi, bahawa sekarang kita ada juga rancangan-rancangan yang telah di jalankan dan masih berjalan di mana kita menyediakan dalam satu-satu daerah itu dari segi untuk mengatasi kekurangan buku-buku ialah dari rancangan-rancangan pusat sumber diperingkat daerah dan di peringkat pusat-pusat sekolah dan dari peruntukan pinjaman World Bank dan lain-lain dan juga dari peruntukan Kerajaan. Juga kita telah mendapat sumbangan dari badan-badan swasta untuk memberi perkhidmatan perpustakaan di luar bandar, di pekan-pekan kecil dan badan-badan tertentu telah selama ini menyumbangkan dari segi buku-buku dan alat-alat pandang dengar untuk sumber pendidikan kita.

Begitu juga kita telah mendapat sumbangan-sumbangan dari badan PIBG dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ahli-ahli yang tertentu dari masyarakat kita yang menyedari bahawa ini adalah satu sumbangan kerana perkhidmatan pendidikan adalah tanggungjawab kita semua.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan masalah yang dicerminkan oleh Yang Berhormat dari Nibong Tebal iaitu masalah sekolah-sekolah

rendah di luar bandar masih menghadapi masalah yang teruk. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Presiden MIC iaitu Yang Berhormat Dato' Samy Vellu mencerminkan masalah ini di Jemaah Menteri? Kalau ada, bilakah dan mengapa tiada tindakan yang wajar diambil?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sebagai Timbalan Menteri, tidak duduk dalam Kabinet. *(Ketawa)*

PESTA PERINGKAT NEGERI

8. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan Kementeriaannya menjadualkan "Pesta-pesta" dan "Karnival-Karnivar raksaksa secara peringkat-peringkat di seluruh negara untuk mengelakkan percanggahan tempoh masa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memang mengambil tindakan untuk menyelaraskan jadual pesta-pesta peringkat negeri melalui mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelancongan yang diadakan di antara Kementerian dengan lain-lain EXCO Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal pelancongan. Pada umumnya pesta-pesta yang dianjurkan sekarang diperingkat negeri tidaklah berlaku percanggahan yang begitu ketara dari segi tarikh-tarikh yang diadakan. Walau bagaimanapun, oleh kerana faktor-faktor tempatan tertentu maka bagi setengah-setengah pesta kebanyakan negeri telah memilih tarikh yang tersendiri dan terdapat juga sedikit-sedikit tarikh yang hampir serupa oleh kerana jangkamasa pesta-pesta

tersebut diadakan adalah berlainan, umpamanya ada yang satu minggu, dua minggu atau satu bulan, ini adalah mengikut kemampuan, keupayaan dan faktor-faktor tempatan seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, salah satu tujuan mengadakan program pelancongan di tiap-tiap negeri ialah untuk mendedahkan kebudayaan negara kita dengan pelancong-pelancong. Dalam pengaturan pengagihan masa untuk program di peringkat negeri-negeri, daerah-daerah ini, apa yang menjadi prioriti pihak Kementerian? Adakah prioritinya penyesuaian dengan program-program negeri-negeri ataupun penyesuaian dengan program-program para pelancong yang datang ke negara kita supaya apa yang kita adakan dapat didedahkan kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita.

Kedua, sejauh manakah setakat ini penonjolan kebudayaan kita itu telah berjaya kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita setelah mengadakan program-program seperti yang telah disebutkan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatur program-program pelancong sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat pusat, Kementerian berpendapat bahawa tekanan yang akan diberikan ialah kebudayaan di negara ini yang mana boleh menjadi tarikan utama kepada pelancong-pelancong kerana dalam konteks kebudayaan itu sendiri termasuklah sama ada dari segi kebersihan, dari segi sifat penduduk negara ini semuanya akan dimasukkan di dalam program pelancongan negara kita. Ini akan diberi tekanan khusus di dalam satu program yang sedang diatur oleh Kerajaan iaitu "Visit Malaysia Year" ataupun "Tahun Melawat Malaysia" pada tahun 1990. Di samping itu

projek pelancongan yang lain akan juga di ketengahkan bagi menarik pelancong-pelancong yang tersebut.

Mengenai penonjolan kebudayaan kepada pelancong-pelancong memanglah ini hasrat kita, tetapi kita tidak akan mahu melihat bahawa kebudayaan yang kita paparkan kepada pelancong-pelancong semata-mata untuk memuaskan hati pelancong sahaja tetapi sebenarnya jika kita paparkan kebudayaan kita ia adalah menjadi satu perkara yang unik kepada pelancong-pelancong dan inilah pada anggapan Kementerian akan menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen beritahu tarikh-tarikh yang telah ditetapkan oleh negeri-negeri untuk mengadakan pesta-pesta ini dan setakat ini negeri manakah yang belum memberi jawapan persediaan untuk mengadakan pesta-pesta tersebut?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya semua negeri di dalam Malaysia telah pun memberikan tarikh pesta-pesta yang akan dianjurkan oleh negeri masing-masing, kecuali Perlis Indera Kayangan.

Ingin saya maklumkan bahawa tarikh-tarikh pesta yang telah ditetapkan oleh negeri-negeri:

Kedah Darul Aman	—	18hb hingga 31hb Januari
Kelantan Darul Naim	—	30hb Mac hingga 1hb April
Selangor Ehsan	Darul	— Mac hingga Ogos
Perak Darul Ridzuan	—	November (tarikh tetap tidak ditentukan)
Sabah	—	1hb hingga 3hb Mei
Sarawak	—	Mei hingga Ogos

Terengganu Darul Iman	—	29hb Julai hingga 5hb Ogos
Melaka	—	1hb hingga 31hb Ogos
Johor Darul Takzim	—	Ogos
Negeri Sembilan Darul Khusus	—	21hb Julai hingga 8hb Ogos
Pahang Darul Makmur	—	16hb hingga 26ht Oktober
Pulau Pinang	—	1hb hingga 31hb Disember.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sebilangan besar pesta-pesta dan karnival-karnival ini mengalami kerugian besar berpunca daripada kekurangan bilangan orang pelawat dan pelancong ke pesta dan karnival ini, Ketua Menteri Melaka pun mengakui satu sebab antara lain adalah sebab orang-orang yang melawat pesta-pesta dan karnival-karnival ini hanya berasal dari satu kaum sahaja dalam negara ini. Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah rancangan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan-kerajaan Negeri kenakan syarat-syarat kepada semua penganjur pesta-pesta ini mempelbagaikan semua pameran kebudayaan, permainan dengan pameran daripada semua kaum, terutamanya kaum Cina, kaum India, kaum Melayu, kaum-kaum daripada Sarawak dan Sabah. Adakah rancangan Kerajaan kenakan syarat-syarat kepada semua penganjur-penganjur ini?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercakap mestilah ada fakta-fakta yang boleh mempertahankan percakapan kita dan inilah menunjukkan bahawa sikap kita tidak mahu melihat dengan sebenarnya. Sebenarnya dari segi pesta-pesta yang dianjurkan oleh sesuatu Kerajaan ianya tidaklah boleh kita lihat keuntungannya pada satu tahun ataupun dua tahun. Bukti jeias ialah umpamanya negara jiran kita

menganjurkan Tahun Melawat Thailand yang dianjurkan dalam tahun 1987. Sebenarnya keuntungan daripada anjuran program tersebut tidak diperolehi dalam tahun 1987, tetapi aliran keuntungan dan perolehan dari segi pelancongan yang dapat ataupun jelas kelihatan pada tahun 1988, iaitu tahun ini. Jadi, dari segi menganjurkan pesta-pesta untuk menarik pelancong-pelancong datang, kita tidaklah boleh dapat melihat kesannya dalam satu dua bulan ataupun setahun dua sahaja, tetapi ia adalah merupakan jangka panjang.

Mengenai yang kedua, sama sekali kita tidak bersetuju dengan Yang Berhormat yang berkenaan yang mengatakan bahawa pesta-pesta yang kita anjurkan tidak disertai oleh semua kaum. Adalah jelas kalau Yang Berhormat dapat melihat umpamanya Malaysia Fest 88 yang kita anjurkan baru-baru ini bahkan kaum Cina lebih ramai lagi yang mengambil bahagian daripada kaum-kaum lain. Ini adalah menunjukkan bahawa dari segi penarikan pelancongan terbuka dalam soal mempamerkan kesenian-kesenian di negara kita. Tetapi dari segi penarikan pelancongan bukan sahaja kesenian yang menjadi tarikan termasuk watak, sikap rakyat negara ini, ini juga penting. Sebab itu bagi pihak Kementerian, kita akan menentukan bahawa semua pihak sama ada Kerajaan, swasta dan sebagainya mestilah memainkan peranan bersama-sama bukan sahaja hanya dari segi pameran yang dapat kita lihat tetapi sikap kita sendiri.

BAHASA ARAB DI SEKOLAH-SEKOLAH

9. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah Kerajaan belum menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang utama diajar di sekolah-sekolah memandangkan bahasa tersebut

adalah bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas di badan-badan dunia sekarang ini.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang utama diajarkan di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, Bahasa Arab telah pun diajarkan di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh di seluruh negara.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dinyatakan sebab-sebabnya kenapa Bahasa Arab tidak mahu dijadikan bahasa kedua utama?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi bukan tidak mahu, tetapi belum bercadang untuk menjadikan bahasa utama diajar.

IMPORT BERAS DARI THAILAND

10. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pertanian bagi mengelakkan penyeludupan beras yang berleluasa dari negara jiran tidakkah ada cadangan dari pihak Kerajaan mengemukakan permit-permit khas untuk mengimport beras dari Thailand ke negara ini dan begitu juga tidakkah ada rancangan supaya Lembaga Padi dan Beras Negara diswastakan.

2-11-88

27. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mempertimbang semula pengharaman yang dikenakan ke atas beras "supergrade" dari Thailand dan Australia untuk membolehkan

"Malaysian Rice Wholesalers Association" berdagang dengan bebas supaya kegiatan haram seperti penyeludupan beras dan adanya pasar gelap dapat diberhentikan. Jika tidak, mengapa. Dan sama ada Kementerian beliau akan mengubah Ordinan Beras 1974 di masa akan datang. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan pada 2-11-88 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Aru kerana soalnya adalah lebih kurang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan kuasa import beras yang diberi sepenuhnya kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) semenjak krisis beras antarabangsa 1974. Importan beras mestilah dikawal supaya tidak menjejaskan pengeluaran dan industri beras tempatan yang akan melibatkan petani-petani, pengilang-pengilang dan peniaga-peniaga. Mutu beras import juga perlu dikawal bagi menjaga kepentingan pengguna-pengguna. Beras melibatkan kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara yang memerlukan ia terus dikendalikan oleh agensi Kerajaan.

Beras-beras yang diimport adalah jenis bermutu tinggi termasuk dari Thailand dan Australia. Beras-beras yang dimport ini adalah bebas untuk dibeli oleh pemborong-pemborong daripada Lembaga Padi dan Beras Negara. Penyeludupan beras dari negara jiran tidak berleluasa. Keadaan penyeludupan di sebelah utara Semenanjung Malaysia hampir terhapus dengan tiadanya perkhidmatan keretapi dari Padang Besar ke Arau, manakala di sebelah

Pantai Timur jumlahnya jauh berkurangan dengan bertambah ketatnya penguatkuasaan dan tingginya harga beras di Bangkok.

Kementerian ini sentiasa mengkaji peraturan-peraturan Ordinan Beras 1974 di mana perubahan akan dibuat sekiranya didapati perlu. Walau bagaimanapun, setakat ini pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengubah Ordinan tersebut. Cadangan mengubah harga-harga beras seperti di dalam Perintah Beras (Kawalan Harga 1974) perlu mengambilkira semua aspek dan kesan semua golongan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah/miskin seperti petani, penoreh getah dan nelayan.

Berkenaan penswastaan adalah dimaklumkan bahawa LPN memainkan 3 peranan utama dalam industri padi dan beras:

- (i) Memainkan peranan tambahan kepada pengilang-pengilang padi, di mana sebahagian besar padi dikilang oleh pihak swasta. LPN akan mengilang baki padi yang tidak dapat dilaksanakan oleh pihak swasta. Walau bagaimanapun pihak swasta adalah digalakkan untuk mengilang lebih banyak padi;
- (ii) LPN juga mengadakan skim upah kisar/upah kering di mana padi belian LPN dikering dan dikisar oleh kilang-kilang swasta dengan diberi upah;
- (iii) LPN juga bertindak sebagai pembeli terakhir padi dalam apa jua mutunya yang dijual oleh petani dengan harga minimum terjamin. Peranan ini tidak mungkin dapat diambilalih oleh pihak swasta kerana ini akan menyebabkan pengilang-pengilang swasta mengalami kerugian.

Oleh kerana sebab-sebab (ii) dan (iii) di atas, Kementerian ini tidak dapat menswastakan LPN.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian, khususnya Timbalan Menteri sedar bahawa di antara sebab utama kenapa terdapat penyeludupan beras yang berleluasa dari negara jiran ialah oleh kerana beras daripada negara jiran itu lebih cantik, wangi dan sedap untuk dimakan selain daripada harganya yang murah. Jadi, selagi beras keluaran dari negara jiran itu murah, cantik, sedap, panjang dan elok, selagi itulah penyeludupan akan berlaku. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, apakah tahap penyelidikan yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian untuk meninggikan lagi mutu beras negara kita supaya ia lebih elok, lebih cantik dan panjang dan dengan itu mungkin boleh mengurangkan penyeludupan daripada negara jiran.

Dato' Alexander Yu Yung Lee: Tuan Yang di-Pertua, beras yang bermutu lebih tinggi dan lebih wangi daripada beras yang dikeluarkan di negeri kita ialah beras dari negeri Thailand, tetapi di dalam kajian Kementerian saya, kami memutuskan bahawa kos pengeluaran padi yang bermutu tinggi ini tidak cukup pada petani-petani berbanding dengan beras yang dikeluarkan di tempatan kita dan lebih baik kalau kita import beras yang bermutu tinggi ini daripada negara jiran.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawasanya beras yang diimport itu adalah beras bermutu tinggi. Satu ketika dahulu saya ada membawa contoh beras yang diimport dari negeri Thailand, yang mendapat sungutan daripada pihak-pihak penjual kerana beras yang diimport dari Thailand

berwarna merah kerana sistem pembelian beras di Thailand yang dibuat secara kuotation terbuka, di mana kita dapati oleh kerana harga-harga yang dibeli mengikut kuotation itu rendah, maka beras yang kita beli adalah bermutu rendah, manakala beras Thailand yang bermutu tinggi diimport ke negara-negara lain. Jadi, sejauh manakah benarnya kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan beras yang kita import itu adalah beras yang baik.

Kedua, mengenai dengan penyeludupan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang banyak diambil tindakan ialah mereka yang kais pagi, makan pagi, iaitu sekampit, dua kampil yang dibawa dari negara jiran. suatu benda yang tidak perlu kita sembunyikan. Manakala agen-agen besar, penyeludup-penyeludup besar walaupun kadang-kadang kita lihat ada sekali sekala yang diambil tindakan, tetapi sejauh manakah usaha Kerajaan dalam mengawal penyeludupan taukeh-taukeh besar ini yang kita lihat terlepas daripada tindakan-tindakan yang sepatutnya. Terima kasih.

Dato' Alexander Yu Yung Lee: Tuan Yang di-Pertua, LPN mengimport beras dari Thailand adalah mengikut satu perjanjian antara Kerajaan dengan Kerajaan atau government to government, dengan izin. Kerajaan Thailand memberikan nama-nama pembekal-pembekal kepada LPN dan melalui sistem tender ini LPN memutuskan bahawa satu pembekal dipilih. Tetapi kalau ada kemungkinan mutu beras yang diimport itu ada kurang, maka pembekal-pembekal ini mestilah namanya akan dibatalkan dari senarai yang diberikan oleh Kerajaan Thailand.

Berkenaan dengan penyeludupan, tindakan pencegahan adalah begitu ketat dan Pegawai-pegawai LPN sentiasa melawat kilang-kilang atau

pemborong-pemborong besar supaya mereka boleh menyiasat rekod-rekod dan juga stok-stok yang diadakan di dalam stor-stor pemborong-pemborong atau kilang-kilang dan kalau disyaki ada bukti bahawa ada kemungkinan pemborong-pemborong tersebut adalah terlibat dalam aktiviti penyeludupan, tindakan mestilah diambil dan oleh sebab tindakan-tindakan yang diambil oleh Pegawai-pegawai LPN begitu ketat, penyeludupan beras-beras dari negara-negara jiran telah dikurangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 11 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

ARTIS DARI SABAH/SARAWAK DALAM RANCANGAN RTM

1. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Penerangan menyatakan bolehkah RTM memberi peluang kepada artis-artis dari Sabah dan Sarawak untuk turut menyertai rancangan bersama di antara TV Malaysia dan TV Republik Indonesia. "TITIAN MUHIBAH", di masa akan datang; dan juga sekali sekala memperkenalkan tarian-tarian tradisi dari Sabah dan Sarawak khususnya kepada penonton di negeri jiran kita.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): RTM senantiasanya berusaha untuk memperbanyakkan lagi peluang artis-artis dari Sabah dan Sarawak dalam semua rancangan-rancangannya tergantung kepada kemampuan artis-artis tersebut supaya persembahan mereka dapat menonjol dan mempopularkan seni budaya tanah air pada tahap kebangsaan dan

antarabangsa. Walaupun seni budaya nasional adalah diutamakan dalam persembahan-persembahan rancangan TV. Senibudaya tempatan tidak pernah ditinggalkan asalkan ia sudah menjadi popular diperingkat negara.

SISTEM MAKLUMAT ISLAM (SISMI)

11. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan, setelah Kerajaan mewujudkan Sistem Maklumat Islam (SISMI) apakah strategi untuk mengatasi kelemahan di bidang-bidang:

- (i) Sistem Perundangan;
- (ii) Kemiskinan;
- (iii) Pendidikan;
- (iv) Ekonomi;
- (v) Ajaran Sesat;
- (vi) Kesihatan; dan
- (vii) Perpaduan yang telah dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Sistem Maklumat Islam (SISMI) adalah suatu kaedah mengumpul maklumat berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negara dan maklumat penting yang lain yang berkaitan untuk tujuan penyelidikan, perancangan dan penyelarasan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini. SISMI itu pada masa ini berada di peringkat awal penubuhan dan sedang disusun.

Sementara itu perkara-perkara seperti sistem perundangan, kemiskinan, pendidikan, ekonomi dan lain-lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan disediakan fakta-fakta yang perlu dalam konteks pentadbiran Jabatan-Jabatan Agama Islam dan seterusnya akan diselaraskan cara-cara mengatasinya.

RAWATAN KELAS 3 DI HOSPITAL

12. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab apakah pihak Kementerian masih mengenakan pembayaran dari rakyat yang mendapat rawatan dari kelas 3 di Hospital-hospital kita. Adakah benar sebahagian besar yang dapat rawatan dari kelas tersebut tidak mempunyai kemudahan untuk membayar taraf tersebut dan Hospital-hospital kita masih mengadakan sebahagian besar rakyat yang belum dapat menyelesaikan kehutangan tersebut. Berapakah jumlah hutang tersebut dan bukannya lebih adil pihak Kementeriannya tidak mengenakan apa-apa pembayaran untuk mendapat rawatan dalam kelas 3 tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Semua pesakit yang dimasukkan ke hospital Kerajaan adalah dikenakan bayaran menurut kelas wad yang dilayaki/dipilih olehnya dan tertakluk kepada akta-akta rawatan perubatan seperti Perintah Fee (Perubatan) 1982, Rump Labour Code, Perintah Am dan lain-lain lagi. Walaupun pesakit dari Wad Kelas 3 dikenakan bayaran tetapi mereka yang tidak mampu boleh memohon pengurangan dan pengecualian bayaran daripada Ketua Hospital atau wakilnya yang dilantik. Adalah benar sebahagian besar yang mendapat rawatan di Wad Kelas 3 tidak tampil ke hadapan untuk memohon pengurangan atau pengecualian bayaran. Kementerian Kesihatan tidak menyimpan rekod hutang pesakit mengikut kelas wad. Sebagai makluman jumlah hutang pesakit-pesakit bagi semua kelas di seluruh negara sehingga bulan Disember 1987 adalah sebanyak \$31,720,039.64.

Kementerian berpendapat, adalah lebih adil untuk rawatan Kelas 3 dikenakan bayaran bagi pesakit yang

mampu membayar dan memberikan pengecualian kepada pesakit yang miskin.

KONSEP ILMU DAN AKHLAK MULIA

13. Tuan Haji Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latib minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah dengan membuat penekanan terhadap konsep Ilmu dan Akhlak Mulia itu terhadap murid-murid sekolah memberi kesan positif kepada pembentukan Insan Kamil sebagaimana yang diharap-harapkan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembentukan Insan Saleh melalui pengajaran mata-mata pelajaran yang diajar di dalam bilik-bilik darjah hanya akan tercapai dengan berkesan jika diberi penekanan terhadap konsep Ilmu dan Akhlak Mulia. Dengan memberi penekanan kepada konsep Ilmu dan Akhlak Mulia, sesuai dengan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan melahirkan warganegara yang berdisiplin serta bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat dan juga negara. Ini juga dapat menghindarkan diri dari gejala-gejala buruk yang tidak diinginkan. Matlamat tersebut akan dapat dicapai sepenuhnya jika semua pihak memainkan peranan dan memberi kerjasama sepenuhnya.

MINYAK NEGARA— PENGELUARAN

14. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- berapakah jumlah pengeluaran minyak oleh negara tiap-tiap tahun dari tahun 1980 hingga kini dalam bentuk tong dan nilai;
- berapakah yang dikeluarkan mengikut kawasan—Sabah, Sarawak dan Terengganu;

- dalam jangka masa tersebut, berapakah jumlah nilai, kontrak kerja-kerja PETRONAS yang diberi kepada pengusaha-pengusaha tempatan; berapakah jumlah pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor Sarawak yang mendapat kerja-kerja kontrak PETRONAS dalam masa yang sama; dan
- sejauh manakah usaha telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk menambah sumbangan royalti minyak dan gas kepada negeri-negeri pengeluar kepada peratus yang lebih tinggi lagi (iaitu 10%).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Jumlah pengeluaran minyak negara dalam tempoh tahun 1980 hingga 1987 ialah sebanyak 1,137 juta tong dengan nilai kasarnya sebanyak 73,254 juta ringgit. Jumlah pengeluaran mengikut pembahagian bagi tahun-tahun berkenaan serta nilainya adalah seperti berikut:

Tahun	Pengeluaran (Juta Tong)	Nilai Kasar (M \$ Juta)
1980	101	7,967
1981	94	8,447
1982	110	9,347
1983'	140	9,930
1984	164	11,202
1985	163	10,937
1986	183	7,024
1987	182	8,400
	1,137	73,254

Jumlah minyak yang dikeluarkan mengikut kawasan pengeluaran bagi tempoh tersebut ialah bagi Negeri Sabah sebanyak 222 juta tong; Negeri Sarawak 370 juta tong dan Semenanjung Malaysia 545 juta tong. Peratusan pengeluaran bagi kawasan-kawasan berkenaan adalah 20% bagi kawasan Sabah, 32% bagi kawasan Sarawak dan 48% bagi Semenanjung Malaysia (Terengganu).

Pada masa ini jumlah kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan PETRONAS ialah sebanyak 625 syarikat. Sebanyak 65 daripada syarikat-syarikat berkenaan adalah syarikat-syarikat dari Sarawak. Dalam tempoh tahun 1980 hingga pertengahan tahun 1988 sebanyak 3,902 kontrak yang bernilai lebih kurang 6,911 juta ringgit telah pun diberi kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 623 kontrak, iaitu 15% daripada jumlah kesemuanya, yang bernilai lebih kurang 557 juta ringgit telah diberi kepada pengusaha-pengusaha dari Negeri Sarawak yang melibatkan 192 syarikat.

Berhubung dengan bayaran royalti, Kerajaan buat masa ini masih tidak bercadang menambahkan pembayaran royalti sebanyak 5% kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak. Setakat ini sebanyak 7,327 juta ringgit telah pun dibayar sebagai royalti kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu. Kerajaan berpendapat bahawa sistem Perkongsian Kos dan Keuntungan di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang digunakan pada masa ini berbanding dengan sistem "concessirn" sebelum Akta Kemajuan Petroleum dikuatkuasakan pada tahun 1974 adalah menguntungkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan negeri berkenaan. Adalah didapati bahawa Perkongsian Kos dan Keuntungan ini telah dapat menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menanam modal yang besar bagi kerja-kerja mencarigali dan mengeluarkan petroleum di negeri ini. Bayaran royalti adalah merupakan sebahagian daripada syarat pengeluaran minyak di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran. Kenaikan bayaran royalti berkemungkinan akan memberi kesan negatif kepada pelaburan antarabangsa di masa ini.

Industri petroleum memerlukan pelaburan yang besar. Kenaikan bayaran royalti tentu akan menjejaskan pelaburan masa depan bagi projek-projek petroleum. Faedah daripada industri petroleum tidak seharusnya dilihat daripada aspek kewangan sahaja, tetapi perlu diambil pertimbangan dari segi peluang-peluang pekerjaan. Peluang-peluang perniagaan yang dinikmati oleh warganegara kita serta pembangunan negara, yang lebih pesat keseluruhannya.

AJARAN AGAMA SESAT

15. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Perdana Menteri menyatakan jumlah ajaran sesat yang tersebar di negara ini, serta jumlah pengikutnya. Antara jumlah yang disenaraikan itu ajaran sesat manakah yang dianggap merbahaya sekali dari sudut keselamatan negara dan ketenteraman awam. Apakah usaha bagi membentasi ajaran sesat tersebut.

23-11-88.

14. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) berapa banyakkah ajaran-ajaran songsang yang terdapat di Malaysia;
- (ii) apakah tindakan/hukuman yang diambil terhadap golongan tersebut; dan
- (iii) apakah pandangan pihak Kerajaan terhadap Aurad Muhammadiyah karya Us. Haji Ashaari Muhamad dan apakah tanggapan Kerajaan terhadap Al-Arqam itu, berdasarkan kepada tindakan dan perkembangannya yang banyak meragukan semenjak akhir-akhir ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar pada 23-11-1988 kerana kedua-dua soalan ini mempunyai maksud yang sama.

Setakat ini sebanyak 29 jenis ajaran atau kumpulan telah disahkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Majlis-majlis Fatwa Negeri sebagai menyeleweng atau terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar.

Keputusan sama ada sesuatu aliran ajaran agama Islam yang diikuti oleh sesuatu kumpulan adalah salah atau tidak dan tindakan mengharamkannya itu adalah dibuat semata-mata berdasarkan prinsip akidah Islamiah.

Walau bagaimanapun semua kumpulan yang menganut sesuatu bentuk ajaran agama yang menyeleweng atau yang terkeluar dari norma-norma masyarakat umum adalah mempunyai potensi menjadi ancaman kepada keselamatan negara jika kumpulan itu berkembang sebagai suatu gerakan yang fanatik.

Usaha memerangi ajaran sesat adalah merupakan suatu proses kerja yang berterusan dan tanpa kesudahan. Antara langkah-langkah pencegahan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (a) Memperkuatkan ketahanan keimanan umat Islam melalui program dakwah dan penyebaran ilmu secara formal di sekolah-sekolah dan tidak formal di masjid-masjid, surau-surau, kursus-kursus, ceramah-ceramah dan penerbitan-penerbitan. Ini dijalankan oleh berbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri dan badan-badan dakwah serta alim-ulamak persendirian;
- (b) Menjalankan penyelidikan yang berterusan bagi mengesan kumpulan-kumpulan yang

membawa ajaran sesat. Ini dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri;

- (c) Mendedahkan kepada masyarakat melalui berbagai media mengenai ajaran-ajaran sesat yang dibawa oleh sesuatu kumpulan supaya masyarakat dapat berjaga-jaga tidak terjebak ke dalamnya;
- (d) Mengambil tindakan di bawah undang-undang mengharamkan pengajaran dan penyebaran sesuatu ajaran yang disahkan sesat atau salah dan mendakwa orang yang melanggar undang-undang ini. Ini dijalankan oleh Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri; dan
- (e) Mengadakan kursus pemulihan dan khidmat nasihat kepada pengikut-pengikut ajaran salah yang telah bertaubat.

Mengenai Aurad Muhammadiyah karya Us. Haji Ashaari Muhamad, suka saya maklumkan bahawa jawapan mengenainya telah pun diberi dalam Dewan ini pada 10-10-1988 ketika menjawab soalan daripada Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bi Haji Abu Samah. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan ke atas jawapan yang telah diberi terdahulu.

KEMPEN ANTI MINYAK KELAPA SAWIT

16. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) kemajuan yang telah dicapai setakat ini oleh Kerajaan bagi menindak balas kempen Anti Minyak Kelapa Sawit yang dijalankan oleh Pelobi-pelobi Kacang Soya di Amerika Syarikat;

- (b) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan setakat ini dalam tindakbalasnya terhadap kempen Anti Minyak Kelapa Sawit ini; dan
- (c) sama ada sektor-sektor swasta yang ada kaitan dengan industri minyak kelapa sawit di dalam negara ini ada membantu pihak Kerajaan dalam perjuangan ini. Jika ia, nyatakan apakah bantuan-bantuan yang di-disumbangkan oleh sektor-sektor swasta ini.

14-11-88

4. Tuan Hu Sepang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada American Association untuk memburuk-burukkan minyak kelapa sawit berjaya dan sila nyatakan berjayakah ASA mengurangkan permintaan minyak kelapa sawit atau bahan-bahan yang mengandungi kelapa sawit.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Rasah untuk dijawab pada 14-11-1988 memandangkan kedua-dua soalan itu adalah mengenai perkara yang sama.

Kempen anti minyak kelapa sawit yang ditaja oleh Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA) telah dilaksanakan dalam beberapa bentuk. Ianya termasuk mengemukakan petisyen kepada pihak Pentadbiran Makanan dan Dadah (FDA) supaya agensi itu memperkenalkan peraturan-peraturan yang akan memerlukan apa yang dipanggil "minyak-minyak tropika" dilebel sebagai lemak tepu dan dikeluarkan dari kategori minyak sayuran, mendapatkan ahli-ahli Kongres tertentu untuk membentangkan satu

rang undang-undang bernama "Rang Undang-undang Pengelebelan Minyak-minyak Tropika (Tropical Oils Labelling Bill)" di Dewan Perwakilan dan Senat dan melaksanakan kempen publisiti dengan mengedarkan apa yang dikenali sebagai "fat-fighter kit" kepada para pengguna, badan-badan profesional dan media massa dengan tujuan menakut-nakutkan pengguna-pengguna dari menggunakan minyak kelapa sawit. Pihak ASA juga diketahui ada menjalankan kempen secara senyap dengan mengadakan perjumpaan-perjumpaan peringkat tinggi dengan Syarikat-syarikat pengusaha makanan.

Untuk menentang usaha-usaha lobi anti-minyak kelapa sawit di peringkat Kongres di mana "Rang Undang-undang Pengelebelan Minyak-minyak Tropika" telah pun diusulkan, Malaysia telah berusaha menerangkan pendiriannya mengenai kempen ASA itu kepada pihak Pentadbiran Reagan, ahli-ahli Kongres dan juga industri makanan di Amerika Syarikat. Usaha-usaha itu telah mendatangkan hasil positif. Pentadbiran Reagan dan sebilangan ahli Kongres telah secara terbuka menyuarakan bantahan mereka terhadap rang undang-undang yang berkenaan. Pihak industri makanan di Amerika Syarikat juga telah membantah rang undang-undang tersebut. Ketika Kongres Ke 100 Amerika Syarikat tamat penggalnya pada 15 Oktober baru-baru ini. Rang Undang-undang Pengelebelan Minyak-minyak Tropika itu belum diluluskan dan oleh itu usul itu telah luput. Akan tetapi, ini tidak semestinya bermakna ianya tidak akan dibangkitkan semula pada masa hadapan apabila Kongres Ke 101 Amerika Syarikat bersidang nanti.

Di peringkat Pentadbiran Makanan dan Dadah (FDA), Y.B. Menteri Perusahaan Utama serta pakar-pakar mengenai minyak kelapa sawit telah mengadakan perbincangan secara terperinci dengan pakar-pakar agensi

itu untuk menghalusi fakta-fakta sebenarnya mengenai minyak kelapa sawit. Hasilnya dan juga hasil dari penyelidikannya sendiri, pihak agensi itu telah enggan menyokong rang undang-undang penglebelan minyak-minyak tropika di Kongres apabila dipinta memberikan pandangannya. Pihak FDA difahamkan sedang merumuskan peraturan-peraturan penglebelannya sendiri yang tidak akan membeza-bezakan (discriminate) minyak kelapa sawit secara tidak adil.

Mengenai usaha untuk membanteras kempen publisiti ASA, Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak kelapa sawit (PORLA), sebagai mewakili perusahaan minyak kelapa sawit Malaysia telah membuat aduan kepada "Bureau for Better Business Inc." Amerika Syarikat mengenai pengedaran "fat-fighter Kit" oleh ASA. Berikutan dari itu, pihak ASA telah secara sukarela menarik-balik "fat-fighter Kit" itu dari edaran selanjutnya.

Mengenai perbelanjaan untuk membanteras kempen anti minyak kelapa sawit, jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan ialah \$3.7 juta.

Pihak industri minyak kelapa sawit negara ada mengambil bahagian dalam usaha menentang kempen ASA itu, khususnya melalui penyertaan di dalam Jawatankuasa Pemandu PORLA yang berkenaan. Untuk pihak industri memainkan peranan yang lebih aktif lagi pada masa depan satu Tabung Pasaran Minyak Kelapa sawit (POPF) sedang ditubuhkan dengan menerima caruman-caruman dari pihak industri.

Sungguhpun kemajuan telah dicapai dalam usaha menentang kempen ASA itu, adalah dikhuatiri bahawa kontroversi yang telah ditimbulkan teah membawa sedikit-sebanyak kesan negatif terutamanya di Amerika

Syarikat. Eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke Amerika Syarikat dalam tahun ini telah menunjukkan sedikit kejatuhan. Dalam masa lapan bulan pertama tahun ini, Malaysia telah mengeksport sejumlah 110,299 tonne minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat berbanding dengan 114,388 tonne dalam bulan-bulan yang sama tahun lepas. Akan tetapi, adalah sukar untuk dikatakan bahawa kejatuhan lebih kurang 4000 tonne itu adalah semata-mata disebabkan oleh kempen ASA itu. Ini adalah kerana harga minyak kelapa sawit adalah lebih tinggi pada tahun ini berbanding dengan 1987. Jika dibandingkan nilai eksport minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat, dapatlah diperhatikan bahawa nilai eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke Amerika Syarikat dalam lapan bulan pertama tahun ini sebanyak \$113.9 juta adalah lebih tinggi daripada nilai eksport bagi masa yang sama tahun lepas, iaitu sebanyak \$83.4 juta sahaja. Jika dilihat pula prestasi secara keseluruhan, eksport minyak kelapa sawit terus meningkat tahun demi tahun. Dari bulan Januari hingga Ogos tahun ini Malaysia telah mengeksport sebanyak 2.78 juta tonne minyak kelapa sawit berbanding dengan 2.53 juta tonne dalam tempoh yang sama pada tahun lepas.

SISWAZAH MENGANGGUR

17. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh ini berapa ramaikah siswazah yang telah diambil bekerja secara sementara di sektor awam dan swasta serta berapa ramai pula yang telah berjaya diserapkan terus. Seterusnya apakah kesan daripada skim yang dilaksanakan ini dan dengan kesediaan Kerajaan memulihkan semula jawatan dalam kategori A dan seterusnya; setakat manakah kadar pengangguran akan dapat dikurangkan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Bilangan siswazah menganggur yang telah diambil bekerja sememara di sektor awam di bawah Skim Khidmat Sambilan ialah seramai 4000 orang, Manakala di sektor swasta pula bilangan siswazah yang telah diambil mengikuti skim jatihan bekerja ialah seramai 895 orang.

Dari seramai 4000 orang siswazah yang telah diambil berkhidmat di bawah Skim Khidmat Sambilan di sektor awam, didapati bilangan mereka yang masih lagi berkhidmat sehingga pada 30 September, 1988 ialah seramai 2,168 orang. Ini bermakna seramai 1,832 orang daripada mereka tetappun meninggalkan skim ini dan difahamkan mereka ini telah mendapat pekerjaan tetap sama ada di sektor awam atau swasta dan ada juga yang bekerja sendiri. Bagi mereka yang mengikuti latihan bekerja di sektor swasta pula, adalah difahamkan juga bahawa sebilangan besar daripada mereka ini telah pun dilantik secara tetap di syarikat-syarikat swasta tempat mereka mengikuti latihan tersebut.

Kesan daripada skim-skim yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini sedikit sebanyak telah dapat membantu siswazah-siswazah untuk mendapatkan pekerjaan tetap sama ada di sektor swasta atau awam atau untuk bekerja sendiri. Walaupun perangkaan-perangkaan yang tepat mengenainya sukar diperolehi namun daripada maklumat-maklumat yang diterima perlaksanaan skim-skim berkenaan telah mendatangkan kesan yang positif ke arah mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah-siswazah di negara ini.

WANG KERTAS CONTENG

18. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan

apakah rationale Kerajaan yang mengarabkan bank-bank supaya wang conteng tidak diterima sebagai wang yang tidak laku baru-baru ini. Adakah Kerajaan bercadang supaya masa untuk menukarkan wang conteng ini dilanjutkan sehingga bulan Disember, 1988 dan juga sama ada Kerajaan bercadang supaya bank-bank komersial di setiap bandar diberi kebenaran mewakili Bank Negara dalam menerima dan menukar wang conteng ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama Kerajaan mengeluarkan arahan berkaitan dengan wang kertas conteng baru-baru ini adalah untuk memastikan bahawa wang-wang kertas kita sentiasa berada dalam keadaan bersih dan terpelihara bentuknya. Pada wang kertas terdapat gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama, dan beberapa lambang negara yang lain. Adalah penting lambang-lambang ini tidak tercemar. Kita perlu mendisiplin dan mengajar rakyat Malaysia supaya menghormati lambang-lambang negara untuk menjaga imej negara. Kita patut bangga dengan lambang-lambang ini.

Tarikh tempoh untuk orang ramai menukar wang-wang kertas conteng itu telah pun dipinda sebagaimana berikut:

- (i) Wang-wang kertas yang diconteng dengan serius boleh ditukar di mana-mana bank perdagangan dan syarikat kewangan sehingga 31hb Oktober, 1988. Selepas tarikh itu ia perlu dirujuk ke mana-mana cawangan Bank Negara untuk dipertimbangkan sama ada wang

kertas itu perlu diberi nilai atau tidak. Tempoh ini adalah dirasakan munasabah dan mencukupi untuk orang ramai menukar wang-wang kertas conteng yang ada dalam simpanan mereka. Di kawasan-kawasan yang tidak terdapat cawangan Bank Negara, bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan telah diarahkan untuk membantu orang ramai bagi menghantar wang-wang kertas yang diconteng dengan serius kepada Bank Negara; dan

- (ii) Bagi wang-wang kertas yang terdapat kesan conteng yang sedikit, ia boleh ditukarkan di bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan pada bila-bila masa dan tidak ada tarikh akhir tertentu yang ditetapkan untuk menukarnya.

METER ELEKTRIK DI BUKIT MERTAJAM—KEKURANGAN

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan meter elektrik telah menyusahkan para pengguna di kawasan Bukit Mertajam. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kekurangan bekalan meter elektrik kepada para pengguna dan bilakah masalah kekurangan ini dapat diatasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Kementerian saya sedar tentang kekurangan meter elektrik di kawasan Bukit Mertajam dan Lembaga Letrik Negara telah berusaha untuk mengatasi perkara ini dengan membuat pesanan untuk dibekalkan sebanyak 45 ribu meter oleh pembekal dari seberang laut pada

awal bulan September lalu dan bekalan ini dijangka akan tiba bila-bila masa sahaja. Di samping itu dua pengilang tempatan yang mengeluarkan meter-meter elektrik jua telah mula beroperasi pada awal tahun 1988 ini dan satu lagi dijangka akan beroperasi dalam bulan November ini. Dengan adanya tindakan-tindakan sedemikian, adalah dijangka kekurangan meter elektrik akan dapat diatasi pada akhir tahun ini.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—PEMBERHENTIAN

20. Tuan James Jimbun anak Pungga minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah askar-askar yang telah meninggalkan Pasukan Angkatan Tentera selama empat tahun semenjak tahun 1985 dan apakah langkah yang diambil bagi memperbaiki atau membetulkan perkara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dan Dewan yang mulia ini iaitu terdapat dua jenis pemberhentian di dalam pasukan Angkatan Tentera Malaysia iaitu berhenti biasa dan berhenti luar biasa. Berhenti biasa, bermakna anggota-anggota berhenti apabila cukup tempoh perkhidmatan. Tiada sebarang langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan pemberhentian seumpama ini kerana ianya adalah pemberhentian yang berdasarkan kepada syarat-syarat perkhidmatan.

Pemberhentian luarbiasa untuk anggota lain-lain Pangkat (LLP) dan pemberhentian dengan cara perlucutan tauliah untuk pegawai-pegawai akibat dari salahlaku semasa di dalam perkhidmatan.

Jumlah anggota-anggota tentera yang meninggalkan perkhidmatan sejak tahun 1985 adalah seperti berikut:

BERHENTIBIASABERHENTILUAR- UNTUKLAIN-BIASAUNTUK EAIN ANGKATAN				LAIN-LAIN PANGKAT	
Tahun	Jumlah	G	K	Jumlah	
1985	—	4663	—	1642	
1986	—	5571	—	941	
1987	—	4647	—	596	
1988	—	2374	—	178	

JU'MLAH PEGAWAI YANG BERSARA DAN TAMAT TAULIAH JANGKA PENDEK				TAULIAH DILUCUT	
Tahun	Jumlah	G	K	Jumlah	
1985	—	319	—	10	
1986	—	244	—	22	
1987	—	171	—	7	
1988 (Ogos)	—	148	—	10	

Dari jumlah pemberhentian luarbiasa dan perlucutan tauliah yang saya nyatakan itu adalah didapati gejala ini tidaklah membimbangkan dan ianya tidak menjejaskan mutu perkhidmatan Angkatan Tentera. Walau bagaimanapun langkah-langkah untuk mengurangkan pemberhentian luarbiasa ini sentiasa dijalankan seperti melalui memberi kesedaran tentang ertika kerjaya tentera juga melalui penerangan berkaitan dengan makluman yang akan dikenakan akibat salah laku.

TRAGEDI BOM MELETUP SEMASA LATIHAN

21. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan akibat daripada letupan, contohnya, yang berlaku pada 13 Julai yang

lalu di Kem Hobart di mana seorang askar terbunuh dan sebelas yang lain cedera, pada setiap tahun sejak sepuluh tahun yang lepas. Bagi setiap kejadian letupan, sila berikan maklumat-maklumat berikut:

- (1) bilangan askar yang tercedera;
- (2) bilangan askar yang terbunuh;
- (3) lain-lain orang yang cedera selain daripada askar. Sila sebutkan bilangan yang cedera, dan bilangan yang terbunuh secara berasingan;
- (4) tempat terjadinya letupan; dan
- (5) sebab-sebab mengapa terdapat bom ditanam di situ.

- (b) apakah hasil penyiasatan yang dijalankan oleh suatu Jawatankuasa Siasatan yang dianggotai oleh pakar-pakar bom ke atas letupan di Kem Hobart pada buian Julai lalu. Apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk mengesyorkan kemalangan-kemalangan seperti ini tidak berlaku lagi.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sejak 10 tahun yang lalu hanya terdapat dua tragedi bom meletup semasa anggota-anggota tentera menjalani latihan di Lapang Sasar Kem Korbart, Gurun, Kedah. Dalam kejadian pertama yang berlaku pada 9 Julai 1987 di mana seramai 9 orang anggota tentera dari Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu DiRaja telah terkorban. Setelah disiasat dan diselidiki kemalangan tersebut adalah berpunca dari kelalaian dan kecuaiannya seorang anggota tentera kerana tidak

mematuhi peraturan-peraturan tertentu semasa mengendalikan bom-bom yang tidak meletup.

Manakala dalam kejadian kedua yang berlaku pada 13 Julai 1988 yang melibatkan seorang anggota tentera dari Batalion Ke-10 Rejimen Askar Melayu DiRaja telah terkorban. Kemalangan tersebut bukanlah disebabkan oleh kecuaiian ataupun kelalaian anggota tentera, tetapi adalah berpunca daripada bom lama yang tertanam dan telah meletup semasa anggota tersebut bersama anggota-anggota yang lain menunggu giliran untuk latihan menembak lorong hutan.

Berlanjutan kejadian tersebut, kegunaan Lapang Sasar lorong hutan di Kem tersebut telah dibekukan daripada sebarang latihan untuk membolehkan siasatan yang menyeluruh dibuat bagi menentukan aspek-aspek keselamatan. Adalah ditegaskan di sini bahawa kejadian seperti ini tidaklah berleluasa dan apa jua kejadian yang boleh mengakibatkan korban nyawa dipandang berat dan kajian teliti dilakukan untuk menentukan ianya tidak akan berulang. Kemalangan letupan bom yang berlaku semasa anggota tentera menjalani latihan tidak pernah melibatkan orang-orang awam.

TARIF ELEKTRIK DI SABAH

22. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Lembaga Letrik Sabah yang kini terletak di bawah Kementerian beliau boleh menimbangkan menurunkan tarif bagi hotel-hotel di Sabah sebagai langkah membantu memajukan industri pelancongan.

Tuan Ong Tin Kim: Kerajaan memang sentiasa bersedia menimbangkan penurunan kadar tarif

elektrik di Sabah sekiranya keadaan mengizinkan. Malahan Kerajaan telah pun berbuat demikian dalam tahun 1986 setelah Lembaga Letrik Sabah (LLS) memperolehi penjimatan akibat kejatuhan harga minyak. Dalam penurunan tarif berkenaan, industri-industri termasuk pelancongan telah menikmati pengurangan sebanyak 10% secara purata. Sebagai sumbangan tambahan kepada industri pelancongan, khususnya sektor hotel, Kerajaan juga telah memutuskan supaya hotel-hotel, walaupun diletakkan di bawah kategori perdagangan tetapi dikenakan kadar tarif di bawah kategori tarif perindustrian yang lebih rendah.

Pada masa sekarang keadaan dan kedudukan kewangan LLS tidak mengizinkan Kerajaan mengurangkan kadar LLS lagi kerana ini akan membebankan tanggungan kewangan LLS.

PERNAS—PEMBELIAN SAHAM UMBC

23. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menjelaskan berapakah jumlah tanggungan pinjaman PERNAS setakat ini setelah membeli tambahan saham dalam UMBC dari sebuah syarikat tempatan dan dari sumber manakah pinjaman tersebut diperolehi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Jumlah pinjaman yang diperolehi oleh PERNAS pada 30hb. September 1988, setelah membeli saham tambahan dalam UMBC, adalah sebanyak \$794.5 juta. Pinjaman tersebut diperolehi dari sumber-sumber dalam negeri sebanyak \$332.0 juta dan dari luar negeri sebanyak 23 ribu juta Yen. Dari pinjaman luar negeri tersebut, 11 ribu juta Yen adalah pinjaman untuk membeli tambahan saham dalam UMBC,

Pinjaman dalam negeri diperoleh daripada beberapa sumber iaitu Kerajaan Persekutuan (\$142.0 juta), Overseas-Chinese Banking Corporation (\$100.0 juta) dan Malayan Banking Berhad (\$90.0 juta). Manakala kesemua pinjaman luar negeri diperolehi daripada konsortium bank-bank Jepun yang diuruskan oleh The Mitsubishi Bank.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—SYARAT PERKHIDMATAN

24. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sejak bilakah syarat perkhidmatan, kenaikan pangkat serta tanggungaji anggota tentera Darat, Laut dan Udara negara kita dikaji dan diperolehi. Apakah di antara perubahan-perubahan yang dibuat;
- (b) berbanding dengan syarat perkhidmatan, kenaikan pangkat serta tanggungaji yang diperolehi oleh ketiga-tiga angkatan tentera Malaysia dengan Singapura, apakah di antara persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan yang wujud; dan
- (c) di rantau ASEAN dan negara-negara Asia, apakah pangkat (ranking) masing-masing yang diduduki oleh angkatan tentera Darat, Laut dan Udara dari segi:
 - (i) teknologi
 - (ii) syarat perkhidmatan (service conditions); dan
 - (iii) saiz.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Syarat perkhidmatan, kenaikan pangkat serta

tanggungaji anggota tentera untuk ketiga-tiga perkhidmatan dikaji dan diperolehi pada tarikh-tarikh berikut:

- (a) Laporan Tan Sri Sheikh Abdullah pada tahun 1972
- (b) Kabinet Committee Report 1 pada tahun 1977
- (c) Kabinet Committee Report 2 (minor adjust) pada tahun 1980

Memang ada terdapat perbezaan kenaikan pangkat, tanggungaji dan juga syarat-syarat perkhidmatan di antara negara kita dengan negara Singapura. Kita harus ingat bahawa tiap-tiap negara mempunyai dasar serta peraturan yang tersendiri mengenai perkhidmatan dalam Angkatan Tenteranya. Oleh itu tidaklah wajar untuk kita memperbandingkan perkara ini di antara satu negara dengan negara yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan tidak membuat "ranking" kedudukan Angkatan Tentera negara-negara ASEAN dan negara-negara Asia lainnya dari segi perkara-perkara yang disebutkan iaitu teknologi, syarat perkhidmatan dan saiz. Kementerian juga tidak bercadang membuat kajian atau perbandingan perkara yang disebut. Perlu dijelaskan yang perkara-perkara seperti teknologi, syarat perkhidmatan dan saiz Angkatan Tentera sesuatu negara itu adalah hasil daripada pertimbangan berbagai faktor tentang keadaan keselamatan dan keperluan yang berkaitan yang unique kepada negara berkenaan. Oleh kerana keadaan yang berlainan dan ketiadaan asas yang sama maka tidaklah adil dibuat perbandingan dan juga tidak begitu bermakna kepada kita.

Suka saya jelaskan di sini iaitu walaupun kita tidaklah membuat "ranking" seperti yang dimaksudkan, Kementerian sentiasa mengambil perhatian pada faktor tentang teknologi, keupayaan serta saiz

beberapa negara di rantau ini yang ada kaitan dengan kepentingan negara. Maklumat-maklumat ini dijadikan panduan untuk penilaian ancaman serta pembinaan keupayaan Angkatan Tentera.

HARI KEBANGSAAN DISARAWAK

25. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebabnya Kerajaan membatalkan serta-merta pengumuman untuk mengadakan Hari Kebangsaan tahun ini di Kuching, lalu tiba-tiba dialihkan ke Johor Bahru;
- (b) bersetujukah beliau bahawa perubahan mengejut itu dibuat untuk menghadapi kemungkinan pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru kerana sebelumnya terdapat ura-ura Anggota Parlimen kawasan itu hendak meletakkan jawatan; dan
- (c) adakah pembatalan itu bererti selepas ini Kuching tidak akan diberi peluang untuk menjadi tuan rumah perayaan itu.

Dr Suleiman bin Mohamed:

- (a) 1. Memang benar pada mulanya Kerajaan telah mencadangkan negeri Sarawak sebagai tempat untuk mengadakan Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Tahun 1988. Cadangan ini dibuat kerana Kerajaan berpendapat ianya akan menjadi lebih meriah lagi sekiranya digabungkan Perayaan Hari Kebangsaan dan Sambutan 25 Tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia.
2. Walau bagaimanapun setelah berunding dengan Kerajaan negeri dan meneliti beberapa

perkara dengan lebih mendalam, adalah didapati bahawa objektif sambutan Kerajaan negeri Sarawak adalah sangat berbeza dengan objektif Sambutan Perayaan Peringkat Kebangsaan. Tema sambutan di negeri Sarawak ialah "WARISAN KEBUDAYAAN (Cultural Heritage)" sedangkan Sambutan Hari Kebangsaan ialah "BERSATU".

3. Kerajaan negeri Sarawak telah pun menyusun aturcara-aturcara yang tertentu dan ada di antaranya telah pun berjalan seperti yang telah dijadualkan sebelum pengumuman di atas dibuat. Sekiranya Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan 1988, diadakan juga di negeri Sarawak, maka banyak aturcara-aturcara yang telah disusun dan persiapan-persiapan yang telah dibuat terpaksa dirombak dan diubah semula mengikut format, objektif dan tema Hari Kebangsaan 1988.
 4. Kos bagi mengadakan perayaan di Kuching termasuk Kos di luar jangkaan dijangka meningkat dengan begitu tinggi dan mungkin akan membebankan kerajaan negeri Sarawak.
 5. Masalah-masalah lain yang dikenalpasti ialah masalah logistik dan penglibatan pegawai-pegawai Persekutuan dan Negeri.
- (b) Berdasarkan faktor-faktor di ataslah maka Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan 1988 yang telah dicadangkan untuk diadakan di negeri Sarawak ditukar ke satu tempat

yang lain. Keputusan ini dibuat bukan bertujuan menghadapi kemungkinan pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru ataupun bertujuan mengeciwakan Kerajaan dan rakyat negeri Sarawak.

- (c) Kuching dan semua ibu-ibu negeri lain mempunyai peluang untuk menjadi tuan rumah kepada Perayaan Hari Kebangsaan sekiranya ibu-ibu negeri tersebut mempunyai kemungkinan-kemungkinan yang diperlukan untuk menjayakan majlis ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud

Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (31hb Oktober, 1988).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat dari Kimanis.

3.36 ptg.

Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya berkaitan dengan kesihatan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan telah merancang untuk membina sebuah hospital di Daerah Tuaran dan tapak untuk maksud ini telah pun ada, saya mencadangkan supaya Kerajaan meneruskan rancangan pembinaan sebuah hospital di daerah Tuaran. Sekurangnya hospital ini kelak boleh menampung para pesakit dari beberapa buah daerah kecil yang berhampiran. Mengenai doktor pula dan sebagaimana yang dijanjikan oleh Kerajaan Pusat, Sabah akan dibekalkan dengan 72 orang doktor, saya berharap kesemua doktor ini akan dihantar ke Sabah dengan secepat mungkin, jika Kerajaan belum berbuat demikian, untuk mengisi kekosongan di negeri Sabah. Saya tidak mengulang satu persatu mengenai masalah kesihatan selain dari apa yang saya telah sebutkan tadi kerana pihak Kementerian Kesihatan lebih mengetahui kesemua masalah itu. Cukuplah jika saya katakan di sini bahawa masalah ini telah pun berlarutan untuk sekian lama dan masanya telah tiba di mana Kerajaan harus mengambil apa juga tindakan

yang difikirkan perlu untuk mengatasi masalah ini. Saya percaya dengan jumlah wang yang besar yang diperuntukkan bagi tahun 1989, sedikit sebanyak masalah ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan adalah memainkan peranan yang agak penting dalam kehidupan kita sehari-hari, tanpa perhubungan yang baik kita tidak akan dapat menghubungi tempat-tempat yang indah dan menarik. Untuk ini sistem perhubungan jalan raya mestilah baik dan sempurna. Saya sudah berkali-kali menyuarakan tentang masalah perhubungan di Sabah, khususnya di pedalaman, di mana jalan-jalanraya yang ada berkeadaan buruk dan amat susah dilalui. Masalah ini juga sudah berkali-kali dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan adalah diharapkan Kerajaan akan bertindak dengan segera untuk mengatasi masalah ini.

Saya berasa puashati bahawa Kerajaan telah memberi perhatian ke atas jalanraya yang menghubungkan Beaufort, Kuala Penyu dan Menumbuk. Saya berharap pelaksanaannya akan dapat dipercepatkan memandangkan ramai yang telah berulang-alik menggunakan jalan raya tersebut. Di kawasan-kawasan lain juga saya rasa perlu bagi Kerajaan memberi perhatian kerana Sabah boleh dikatakan yang paling tertinggal jauh dari segi perhubungan jalan raya jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang menjadi isu utama di Sabah ialah masalah keselamatan. Sebenarnya masalah keselamatan di Sabah bukanlah satu perkara yang baru ia telah wujud sekian lama dan sentiasa berulang. Masalah ini juga telah dibawa di Dewan yang mulia ini dan telah juga dibincangkan dengan panjang lebar. Berbagai-bagai cadangan telah pun dikemukakan, namun masalah pendatang haram

semakin hari semakin bertambah. Kehadiran mereka ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial yang kini telah mengancam kedudukan serta keselamatan penduduk-penduduk tempatan. Sudah banyak kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku yang mana telah menyebabkan kehilangan harta-benda dan juga nyawa. Telah juga terbukti bahawa sebilangan besar kejadian-kejadian jenayah seperti rompakan, rogol dan pembunuhan adalah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram ini. Demi rasa perikemanusiaan kita tidak kisah jika pendatang-pendatang ini mencari rezeki dengan secara yang halal dan dengan jalan yang baik mengikut syarat-syarat, peraturan-peraturan serta undang-undang. Akan tetapi jika mereka merompak, merogol anak dan isteri orang serta membunuh orang yang tidak berdosa hanya semata-mata untuk mendapatkan wang ringgit, saya kira tiada Kerajaan di dunia ini yang boleh membiarkan perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dengan aktiviti maksiat mereka di darat, mereka ini juga melakukan perbuatan yang serupa di laut. Beberapa nelayan kita yang tidak berdosa telah dirompak dan ada yang dibunuh ketika mereka sedang mencari rezeki di perairan pantai timur Sabah iaitu Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau. Saya tidak mahu memperkecil-kecilkan usaha pihak Polis dan Tentera, mereka sedang mencuba dengan sedaya upaya untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan kita di perairan Sabah, akan tetapi oleh kerana tidak cukup peralatan serta kemudahan-kemudahan yang lengkap, pihak pertahanan kita tidak dapat membanteras penjenayah-penjenayah ini yang dengan mudah dapat melarikan diri. Saya berharap pihak berkenaan akan sedar akan hakikat ini dan berusaha untuk

melengkapkan pertahanan kita dengan alat-alat moden yang boleh memperkuat dan mematahkan pihak penjenayah dengan senang.

Saya sedar Kerajaan Negeri Sabah sedang berusaha untuk mengatasi masalah pendatang haram ini, akan tetapi usaha ini belum cukup untuk mengatasi segala masalah yang ada. Campurtangan daripada Kerajaan Pusat juga amat perlu demi untuk menyelesaikan masalah ini. Misalnya, dalam soal pengeluaran kad pengenalan palsu yang berleluasa di Sabah, Kerajaan Pusat boleh memainkan peranan yang positif ke arah membanteras mereka yang bertanggungjawab. Saya minta agar penukaran bentuk kad pengenalan daripada yang ada sekarang dicepatkan dan juga proses permohonan diketatkan. Ini akan mengelakkan pemalsuan dibuat dengan mudah.

Kita sedar salah satu kelemahan pihak Polis ialah kekurangan kakitangan dan juga bertambahnya bilangan penjenayah yang berlaku di Sabah. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengisikan semua jawatan yang masih kosong. Jumlah yang ada di Sabah juga harus ditambah supaya kawalan keselamatan boleh diperlipatgandakan. Hanya dengan berbuat demikian, maka masalah itu boleh diatasi. Saya mengucapkan syabas kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang berusaha membantu membanteras kegiatan penjenayah yang meningkat di Sabah dengan langkah-langkah yang positif seperti menempatkan tebih ramai lagi anggota Polis untuk membuat kawalan rapi khasnya di pantai timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia bermastautin dan dilahirkan di negeri Sabah, saya merasa bimbang atas tuntutan negara Filipina ke atas negeri Sabah yang belum lagi digugurkan hingga

sekarang. Walaupun Malaysia tidak mengiktirafkan tuntutan tersebut, tetapi rakyat Malaysia khasnya di Sabah berasa tidak senang hati dengan keadaan ini. Saya berharap Kerajaan kita dapat membincangkan perkara ini secepat mungkin supaya negara Filipina dapat menggugurkan tuntutan tersebut buat selama-lamanya. Saya berharap bahawa negara Filipina adalah ikhlas berkaitan dengan perkara ini dan bukan disengajakan melambat-lambatkan proses penguguran itu.

Apa yang membimbangkan lagi berkaitan dengan tuntutan tersebut ialah keputusan Mahkamah Borneo pada satu ketika dahulu iaitu pembayaran pampasan kepada warisan Sultan Sulu. Setakat ini Kerajaan Negeri Sabah membayar lebih kurang \$12,000 setahun kepada waris Sultan Sulu. Saya berharap supaya Kerajaan Pusat boleh memberi penjelasan untuk pengetahuan rakyat khasnya di Sabah dan amnya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula beralih kepada soal jawatan-jawatan di Jabatan Persekutuan di Sabah. Baru-baru ini satu kenyataan dibuat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengulas kenyataan Ketua Menteri Sabah yang mencadangkan supaya sebahagian daripada Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah diketuai oleh anak-anak tempatan dari Sabah. Dalam kenyataan itu JPA telah memberi alasan bahawa belum ada calon yang layak serta mempunyai pengalaman yang cukup yang boleh dilantik sebagai Ketua Jabatan Persekutuan di Sabah. Saya berpendapat bahawa kenyataan itu adalah tidak logik dan dibuat tanpa usul periksa.

Saya tidak dapat menerima hakikat ini dan tidak percaya di antara ribuan pegawai-pegawai Kerajaan di Sabah yang telah berkhidmat sekian lama serta mempunyai kelulusan akademik

dan profesional yang cukup tidak boleh menjawat jawatan-jawatan yang dimaksudkan. Jika apa yang dikatakan itu benar, sudah tentu jentera Kerajaan Negeri Sabah tidak boleh berjalan dengan licin dan teratur, malah di sebaliknya kita telah berpuashati dengan pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah di mana hampir kesemuanya jawatan-jawatan penting dan Ketua-ketua Jabatan Negeri Sabah dipegang oleh anak-anak tempatan. Saya fikir soal layak atau tidak bukannya satu masalah. Apa yang perlu ialah mereka diberikan peluang supaya dengan pendedahan yang diberikan kepada mereka menjalankan tugas dengan lebih sempurna dan berkesan.

Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan menimbangkan perkara ini dan memberi petuang kepada anak-anak tempatan Sabah dalam jawatan-jawatan yang dimaksudkan. Dengan berbuat demikian bukan sahaja akan memberi peluang kepada mereka yang mempunyai potensi dan bakat untuk berkhidmat dengan lebih berkesan lagi, ini juga akan membantu kita mempercepatkan proses integrasi nasional yang sama-sama kita usahakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Tni saya menyokong Belanjawan Negara bagi tahun 1989 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21hb Oktober, 1988. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Puchung.

3.48 *ptg.*

Dr V. David (Puchung): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pendapat-pendapat di atas anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi kita amatlah teruk dan Bank Dunia juga telah melaporkan keraguannya di atas pelaksanaan ekonomi kita. Menurut Pengajian Ekonomi dan Sosial bagi Asia dan Pasifik, hutang luar negeri kita sehingga bulan Oktober 1987 ialah \$70,000 juta dan faedah sebanyak 9% hendaklah dijelaskan. Jumlah hutang luar negeri kita mungkin bertambah kepada \$75,000 juta pada masa ini, memandangkan bahawa nilai membeli ringgit kita telah pun menurun sebanyak 10% dalam tempoh setahun. Walaupun negara kita dibebankan oleh masalah kewangan, Kerajaan seterusnya membelanjakan wang rakyat di atas projek-projek boros. Perbendaharaan telah ditialiarkan dan Kerajaan tidak mampu membayar balik kepada negara-negara si piutang kerana masalah rasuah dan menyalahgunakan kuasa oleh pihak Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, media massa dengan gaya biasa berleterinya, telah mengasalkan kenyataan-kenyataan hebat di atas kadar perkembangan ekonomi kita, iaitu 9%, dan haluan positif ini akan meneruskan dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menghairankan rakyat ialah tiap-tiap pihak pakar di negara kita memberi angka-angkanya sendiri bagi perkembangan ekonomi kita. Misalnya, menurut Bank Negara Malaysia, pertumbuhan ekonomi kita ialah 5.3%, Institusi Pengkajian Ekonomi Malaysia yakin di atas 5.9% Universiti Malaya menetakannya 6.5% dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat bahawa kadar perkembangan ekonomi kita ialah 9%. Jika semua contoh-contoh ini dikaji dengan teliti, bolehlah dikatakan bahawa segala anggaran ekonomi ini dibuat secara agak-agak sahaja dan tidak berasas kepada statistik-statistik yang dipercayai, jadi

semua kenyataan-kenyataan ini bertujuan menipu dan mengelirukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Kerajaan sedang mengiklankan bahawa ekonomi kita sedang berkembang dengan kadar lebih kurang 6%, tetapi pertumbuhan ini jika ada tidak memberi sebarang sumbangan ke arah kemajuan dalam sektor pekerjaan. Memandangkan dari keadaan yang sedia ada iaitu keadaan pengangguran yang telah melebihi 11%, maka negara kita sedang menghadapi masalah sosial yang begitu kuat di mana lebih daripada 200,000 orang belia sedang mengetuk pintu syarikat-syarikat dan agensi-agensi pekerjaan. Di samping itu lebih kurang 70,000 orang siswazah dan universiti-universiti tempatan dan luar negeri telah menganggur lebih daripada 3 tahun sehingga masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ekonomi kita menunjukkan perkembangan dengan kadar 9% sepertimana dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, jadi mengapa belia kita yang sedang menghadapi masalah pengangguran tidak diberikan peluang-peluang pekerjaan dan mereka dilihat berlengah-lengah dan membuang masa di perhentian-perhentian bas dan kompleks-kompleks membeli-belah, apakah jawapan Kerajaan di atas keadaan seperti ini?

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawan beliau telah mengucapkan, saya petik seperti berikut:

"Sebanyak 1,147 juta ringgit diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan termasuk pembinaan bilik-bilik darjah dan meluaskan kemudahan-kemudahan tempat belajar di pusat-pusat pengajian tinggi. Bagi tahun 1989 sebanyak 4,190 buah bilik

darjah sekolah rendah, dan sebanyak 4,300 bilik darjah sekolah menengah akan dibina.

Peruntukan sebanyak \$305 juta telah disediakan bagi Program Pendidikan Tinggi supaya lebih ramai lagi belia dapat menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi. Di samping itu bagi membolehkan lebih ramai lagi tenaga kerja mahir dikeluarkan pada tiap-tiap tahun, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$100 juta bagi memperluas dan meningkatkan Program Pendidikan Teknik dan Vokasional."

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lihat di sekolah-sekolah bahasa Tamil dan Cina terutamanya di sekolah-sekolah bahasa Tamil sangatlah, dengan izin, disgraceful, memalukan. Kita melihat bumbung sekolah yang telah runtuh serta membahayakan nyawa penuntut-penuntut. Ini telah berlaku beberapa kali kerana pihak berkenaan tidak menyelia atau mengurus dengan baik sekolah-sekolah Cina dan Tamil ini. Sudah beberapa tahun kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah ini tidak diperbaiki, negara kita sudah mencapai kemerdekaan 30 tahun dahulu, tetapi sekolah-sekolah ini tidak berkembang, di manakah semua wang bagi pembaikan ini dibelanjakannya? Adakah Kerajaan ingin tidak memperdulikan sekolah-sekolah ini dan menutupnya secara beransur-ansur.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan peruntukan sebanyak \$305 juta telah disediakan bagi Program Pendidikan Tinggi supaya lebih ramai lagi belia dapat menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi. Siapakah yang akan mendapat hasil dah peruntukan ini? Adakah semua penuntut-penuntut Malaysia yang tayak mendapat peluang-peluang pendidikan ini akan mendapat tempat tanpa sebarang

diskriminasi? Tabung ini hendaklah diedarkan dan dibahagikan di antara semua penuntut yang layak dan tempat-tempat pusat-pusat pengajian tinggi hendaklah dikhaskan di atas kelayakan akademik mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah juga memberitahu Dewan bahawa peruntukan sebanyak \$100 juta bagi memperluas dan meningkatkan Program Pendidikan Teknik dan Vokasional telah pun disediakan. Peruntukan ini hendaklah membantu program-program vokasional dan teknik di sektor awam dan swasta kedua-duanya, dan institusi-institusi teknik Kerajaan dan swasta kedua-duanya hendaklah dibantu secara adil.

Institusi-institusi teknikal swasta yang memenuhi dan membantu usaha-usaha Kerajaan ke arah perkembangan tenaga manusia hendaklah diberi bantuan kewangan oleh Kerajaan, Segala hal-hal ini hendaklah ditimbangi tanpa sebarang maksud politik, kerana pada masa ini beberapa keputusan Kerajaan adalah berbau politik, Kementerian-kementerian yang terlibat hendaklah berusaha mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembelian alat-alat pertahanan bernilai \$4,600 juta baru-baru ini telah memeranjatkan rakyat Malaysia, terutamanya pada ketika ekonomi negara kita merosot dan tujuan asas rakyat ialah mencari cara hidup dalam keadaan yang paling susah. Memandangkan keadaan ekonomi Malaysia yang sedia ada, Kerajaan tidaklah dikehendaki membeli alat-alat pertahanan yang begitu mahal ini yang bernilai \$4,600 juta. Jadi, soalan yang berbangkit dari pembelian ini ialah adakah Malaysia menghadapi ancaman luar kepada keselamatan negara, jika ada rakyat Malaysia hendaklah diberitahu dengan cepat ancaman seperti ini berasal dari mana?

Apakah tujuan Kerajaan membeli alat-alat pertahanan dengan membelanjakan wang yang begitu banyak ini? Kami juga ingin diberitahu apakah alat-alat pertahanan yang dimiliki oleh Pasukan Keselamatan kita buat masa ini dikehendaki diganti? Jika ada maka kami harus mengambil perhatian bahawa pembelian bernilai \$4,600 juta tidak diperuntukkan dalam Anggaran Belanjawan pada tahun yang lalu dan bagaimanakah Kerajaan mencari wang yang begitu besar ini.

Adakah betul bahawa Kerajaan Malaysia mencuba dengan cemas mendapat bantuan dari Britain memandangkan bahawa Malaysia dalam tempoh dahulu telah menentang Kerajaan Britain dengan menyuruh rakyat Malaysia membeli barang-barang dari Britain secara akhir sahaja. Adakah diterima tawaran bagi bekalan alat-alat pertahanan bernilai \$4,600 juta ini? Adakah persaingan perdagangan antara negara-negara lain dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan alat-alat ini? Apakah telah terjadi kepada "Dasar Pandang Ke Timur" yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah dasar ini dikebumikan secara tetap.

Pembeli alat-alat pertahanan adalah diliputi oleh Akta Rahsia Rasmi, OSA, dengan izin. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menetapkan jika betul atau tidak bahawa urusan ini adalah di bawah kuasa Akta Rahsia Rasmi? Inilah beberapa soalan penting yang harus dijawab oleh Kerajaan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jadi kami gagat memahami bagaimana Kerajaan ingin mengurangkan masalah pengangguran dengan membelanjakan wang rakyat berjumlah \$4,600 juta yang terlampau banyak ini. Tabung ini boleh

membawa lebih faedah kepada kaum belia kita yang menganggur jika mereka diberi pinjaman untuk membuka projek-projek kecil yang akan membolehkan belia kita berdikari serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada 27hb Oktober, 1987 usaha-usaha untuk mencekik semangat demokrasi telah dimulakan oleh Kerajaan dengan menggunakan Operasi Lalang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau dengan izin, ISA. 7 orang Ahli DAP, pakar-pakar pendidikan, pemimpin-pemimpin politik serta sukarelawan masyarakat dan agama ditangkap dan dikenakan perintah penahanan selama dua tahun.

Penyiksaan mental dan fizikal yang telah dialami oleh orang tahanan selama 60 hari akan dirakamkan tetap sebagai kejadian yang paling ketidakadilan dalam sejarah kita. Kerajaan bertindak mendiamkan buah fikiran semua yang membangkang pusat kuasa. Peristiwa buruk ini telah menarik perhatian dunia dan media massa luar negeri memberitahu rakyat sedunia di atas perlakuan-perlakuan kekejaman Kerajaan Malaysia. Tetapi Kerajaan Malaysia tidak mempedulikan pendapat seluruh dunia dan telah menegaskan tindakan-tindakannya tanpa timbang rasa.

Orang-orang tahanan ini ditahan di Kem Penahanan Kamunting walaupun mereka tidak melaku apa-apa kesalahan. Jadi Kerajaan tidak mempunyai sebarang sebab yang sah untuk menahan 18 orang di Ketn Kamunting ini dan orang-orang tahanan ini termasuk juga 5 orang Ahli Parlimen. Mereka hendaklah dilepaskan dengan serta-merta tanpa syarat.

Dua orang Ahli Parlimen yang telah dilepaskan dari penahanan pada 3hb Jun, 1988 dilepaskan dengan beberapa syarat. Syarat-syarat ini terhadapkan

kegiatan-kegiatan mereka di dalam kawasan Polis Petaling Jaya dan Wilayah Persekutuan.

Ahli-ahli Parlimen ini tidak dibenarkan membuat perkhidmatan biasanya kepada rakyat di kawasan masing-masing. Mereka dikehendaki mengambil permit bulanan bagi tujuan ini, dan mereka juga menghadapi masalah kelewatan mendapat permit tersebut dari pihak berkenaan. Ahli-ahli Parlimen ini dikehendaki melaporkan diri bila mereka masuk dan keluar dari kawasannya. Segala kehendak-kehendak ini bolehlah dianggap sebagai gangguan dan penafian hak asasi manusia.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Koram tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Cuba bilang. 16 orang sahaja, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, 28 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 28 orang, sila teruskan Yang Berhormat.

Dr V. David: Sudah beberapa kali Kerajaan kita telah membuat kenyataan bahawa hal-hal seperti ini tidak dapat dibincang di luar negeri. Saya tidak bersetuju dengan keputusan ini. Jika kami tidak berjaya mendapat peluang membangkitkan hal-hal ini dalam negeri, maka tidaklah cara lain tetapi membangkitkannya di pentas-pentas luar negeri.

Satu contoh, kes Bishop Tutu, yang telah memenangi Hadiah Nobel baru-baru ini, telah memberi contoh yang terang di atas isu ini. Beliau mendesak semua negeri seluruh dunia mengenakan had-had ekonomi dan perdagangan kepada Afrika Selatan tahananirnya.

Di samping itu seorang bekas Timbalan Perdana Menteri kita telah membuat kenyataan akhbar di atas keadaan politik kita di Hong Kong, kerana beliau sedar bahawa kenyataannya tidak akan diterbitkan oleh media massa tempatan. Undang-undang Penerbitan kita tidak menggalakkan buah fikiran rakyat yang menentang dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kami mendesak Kerajaan membebaskan semua orang tahanan di Kem Kamunting yang telah ditangkap di bawah ISA, dengan izin. Kami juga meminta Kerajaan membebaskan mereka tanpa sebarang syarat dan syarat-syarat atas kebebasan semua orang-orang tahanan yang telah dilepaskan dahulu hendaklah juga dibatalkan. setiap.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Puchong, sekejap. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, apa yang hendak?

Dr V. David: Belum habis 30 minit!

Tuan Zubir bin Embong: Seminit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Puchong. Apakah beliau sedar dengan menggunakan platform, dengan izin, di luar negeri itu kadangkala kita tidak dapat mengawal perasaan kita dan mengambil tindakan yang kadangkala bertentangan dengan kepentingan negara dan kepentingan rakyat. Misalnya apa yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Puchong sendiri, GSP. Kalaulah ini berlaku dan diterima oleh pihak negeri luar, tentu ia akan menjejaskan 75,000 orang pekerja elektrik di negara kita. Tidakkah ini menunjukkan bahawa

tidak ada taat setia kepada negara. perbuatan ini adalah merupakan satu perbuatan yang sabotaj. mungkin kerana seekor nyamuk, kita bakar seluruh keiambu dan perbuatan ini tidak bertanggungjawab.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka jawab, tetapi saya mahu jawab jugalah. Perkara GSP ada dua hal, dua soal. Satu, kalau boleh bagi kuasa penuh kepada semua orang kerja dalam negeri. kebebasan dijalankan dalam pertubuhan atau kesatuan, GSP telah sampai rumah kita. kedua, dengan izin, human rights, hak asasi manusia. Macam mana kita boleh bincang fasal ini, fasal orang yang dilantik daripada rakyat Malaysia kena tutup di Kamunting, Taiping. Macam mana orang boleh pandang kita ada, dengan izin, practise democracy dalam negara kita. Jadi GSP, soal itu bukan soal baru dalam dunia. Lain-lain negara semua mana tidak ikut undang-undang hak asasi manusia atau tidak beri kuasa penuh kepada semua orang kerja di tiap-tiap negara Kerajaan Amerika Syarikat ada ambil tindakan. Kita sudah tahu ada GSP.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Dr V. David: Tolong jangan kacau sama saya, saya mahu habiskan ucapan, nanti boleh cakap banyak lama. Perkara ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua.

Dr V. David: Tidak boleh. Kalau point of order, saya boleh beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa Yang Berhormat dari Marang?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan. Yang dia sebut GSP tadi, saya tidak berapa jelas. Saya hendak tanyalah, bukan hendak lawan apa-apa.

Dr V. David: Itu semua ahli-ahli Barisan sudah tahu. Berapa orang hilang kerja, mana itu ekonomi, saya pun tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Puchong.

Dr V. David: Mana dia ada siasat?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya sahaja.

Dr V. David: Saya sekarang cakap. Saya ucapkan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya.

Dr V. David: Tolonglah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya, sayang!

Dr V. David: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, dia tidak beri jalan.

Dr V. David: Janganlah kacau. (Ketawa) Dapat 30 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Puchong sahaja bercakap.

Dr V. David: Apa, rakan saya semua kacau.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya sahaja.

Dr V. David: Ini rakan saya juga. (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, dia tidak beri, Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Dr V. David: GSP, perkara itu Kerajaan kalau betul mahu selesai,

boleh selesai. Tetapi salah faham 75,000 orang akan hilang kerja, itu saya tidak menerima. Fasal, mana dia dapat ini 75,000 orang, mana dia siasat, saya pun tidak tahu. Mengenai kita punya ekonomi, hari-hari dia punya statement ada contradictions.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Macam ini syoklah dia cakap seorang.

Dr V. David: Tetapi saya tntina kalau mahu cerita GSP, marilah kita buat satu forum mana-mana boleh buka.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak dapat forum ini.

Dr V. David: Ini tak boleh—kita boleh bincang perkara ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berilah chance.

Dr V. David: Nombor dua, mana ada forum dalam negeri ini. Suratkhbar semua kena tutup. Tiap-tiap tahun minta lesen. Belum sampai 31hb Disember tahun ini semua suratkhbar.

Tuan Haji Abdul Rahraan bin Bakar: Orang hendak cakap, dia tidak beri.

Dr V. David: Suratkhbar semua kena pergi minta permit. Tiap-tiap tahun dia kena ambil permit.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jangan cakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Ambi bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat.

Dr V. David: Suratkhbar sini sehingga.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap. Kedua-duanya duduk! Saya benarkan seorang sahaja bangun bercakap. Kalau dia tidak beri, kita

kena minta kebenaran. Ini giliran Ahli Yang Berhormat dari Puchong. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Puchong benarkan, boleh saya beri. Kalau tidak benar, tidak bolehlah. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dr V. David: Itu fasal bila kita cakap fasal GSP, banyak perkara kita mahu cerita, mahu bincang banyak hal dalam negara kita. Kita mana ada demokrasi, suratkhbar, dia pun dapat amaran. Kalau sedikit lebih sudah tulis fasal Kerajaan, tidak ada betul, tidak keadilan. terus orang telefon—paksa, lesen tahun depan tidak boleh dapat. Macam mana kita boleh jalan. Fasal itu kita mesti ke luar negeri, cakap apa kita mahu cakap. Orang mahu dengar! Tetapi bekas Timbalan Perdana Menteri kita pun ada cakap banyak hal, banyak baik, banyak terang. Kita pun baca.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Puchong, sekejap.

Tuan Alias bin Md. Ali: Point of order. Bahasa apa yang digunakan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham.

Dr V. David: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak faham bahasa Yang Berhormat gunakan.

Dr V. David: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, dia minta penjelasan.

Dr V. David: Tadi saya jawab soal rakan-rakan kita ada tanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia bertanya Yang Berhormat, bahasa apa Yang Berhormat gunakan?

Dr V. David: Bahasa apa? Bahasa apa pun boleh bincang. (*Ketawa*) Apa bahasa mahu tahu. Barangkali kalau tidak faham Bahasa Malaysia, lain bahasa saya boleh cakap.

Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat di atas kebebasan semua orang-orang tahanan yang telah dilepaskan dahutu hendaklah juga dibatalkan. Setiap kali seorang tahanan dihalang menghadiri mesyuarat-mesyuarat di luar negeri maka satu resolusi akan diluluskan di mesyuarat itu yang akan membantah tindakan-tindakan Kerajaan ke arah ini. Jadi, Mataysia sedang mengambil risiko menerima bantahan-bantahan dan pembalikan luar negeri di atas tindakannya dan janganhah menyalahkan orang lain jika peristiwa-peristiwa yang berikut ini tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Ekonomi bagi tahun 1988—1989, 78,927 unit rumah-rumah kos rendah telah dirancang untuk dibina dalam tempoh Julai 1986 hingga Jun 1987, tetapi hanya 11,945 unit atau 15.1% sahaja telahpun disiap sehingga hari ini. Ini menunjukkan kegagalan Kerajaan memenuhi kehendak-kehendak sebagaimana dicatatkan dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat. Memandangkan prestasi sektor pembinaan ini, kami merakamkan keraguan di atas usaha-usaha Kerajaan memenuhi kehendak-kehendak perumahan rakyat sepertimana dianggarkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Langkah-langkah agresif hendaklah diambil untuk membina sekurang-kurangnya 100,000 unit rumah kos rendah tiap-tiap tahun bagi memenuhi kehendak-kehendak rakyat yang kian bertambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun tujuh-puluhan, suatu skim pemilikan rumah diperkenalkan kepada pekerja-pekerja ladang dan lombong. Skim ini belum lagi disempurnakan, kecuali dari beberapa projek pengasingan sahaja. Pekerja-pekerja ladang tidaklah dibekalkan dengan air JKR dan kuasa elektrik LLN di beberapa tempat. Di samping itu, kebanyakan tanah berharga telah diambil oleh ahli-ahli Majlis Tertinggi. Beberapa orang ahli Majlis Tertinggi Negeri Selangor yang bertanggungjawab di atas skim pemilikan rumah ini telah menepikan kehendak-kehendak pekerja-pekerja ini untuk mementingkan kehendak sendiri. Misalnya sudah beberapa tahun pekerja-pekerja di lombong Killinghall telah ditempatkan di rumah-rumah sementara. Keadaan seperti ini telah juga dilihat di Ladang Bukit Hitam, Ladang Puchong dan beberapa ladang dan lombong di sekitar kawasan itu. Semua pekerja-pekerja miskin ini dinafikan sebuah atap di atas kepala mereka, maka ahli-ahli tertinggi sibuk mencari tanah bagi kepunyaan sendiri dan menghimpunkan kekayaan di atas alasan membantu orang-orang miskin.

Saya mendesak Kerajaan melaksanakan dengan sepenuhnya skim pemilikan rumah tanpa sebarang kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah gagal menentukan secara teguh dasar-dasar luar negeri, khususnya mengenai perkembangan di dunia baru-baru ini dalam isu Sri Lanka, Malaysia tidak membantah dengan sebulat suara di atas hak-hak kemanusiaan yang telah dinafikan kepada rakyat Tamil oleh Kerajaan Sri Lanka. Di Fiji, sebuah Kerajaan pengundi telah dijatuhkan oleh pihak angkatan tentera dan Perdana Menteri kita belum lagi mengambil pendirian yang kukuh. Memandangkan fakta-fakta ini, bolehlah dikatakan bahawa

dasar luar negeri Malaysia akan memburukkan keadaan dan kestabilan kita.

Konsep ASEAN tidaklah praktik dan pertubuhan ini membentangkan mesyuarat-mesyuarat dan majlis-majlis adat-istiadat sahaja dan hingga kini pertubuhan ini belum mencapai sebarang keputusan yang menggalakkan. Jika keadaan ini tidak diubahsuaikan, maka ASEAN akan gagal seperti SEATO. ASEAN hendaklah berusaha dalam bidang-bidang perdagangan, kebudayaan dan perkembangan masyarakat. Malaysia tidak mengikuti dasar tidak berat sebelah atau "Non-Alignment" seperti mana yang ditentukan di Bandung dalam tahun 1955. Saya berharap suatu perbincangan di atas hal ini akan dibentangkan di Dewan ini supaya dapat mengambil keputusan yang teguh di atas dasar luar negeri kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr V. David: Sedikit lagi tambah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat. gulunglah.

Dr V. David: Menggulung bolehlah, tidak banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pihak hospital-hospital awam sedang meminta pesakit-pesakit wad kelas tiga pun membayar kos dan rawatannya. Mereka telah juga dikenakan bayaran-bayaran rawatan oleh pakar-pakar perubatan. Pesakit-pesakit dikeluarkan dari hospital sebelum mereka mencapai kesihatan penuh kerana kekurangan katil. Hospital-hospital awam hendaklah memberi perkhidmatan perubatan percuma kepada pesakit-pesakit wad

kelas tiga kerana kemudahan ini ialah untuk yang kurang berada dan yang menganggur di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

4.24 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1989.

Saya ingin menyentuh tentang sistem judiciary kita. Sebagai seorang peguam dalam sektor swasta, saya terlalu menaruh perhatian tentang pentadbiran keadilan. Pada tahun yang lepas, saya telah bercakap dengan panjang lebar mengenai kes-kes back-log dan diberitahu bahawa langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dengan meningkatkan dalam bidang kuasa di Mahkamah Sesyen, jumlah kes-kes tertunda di Mahkamah Tinggi telah berkurangan. Saya juga dibehtahu bahawa ramai lagi Hakim-hakim Mahkamah Sesyen telah dilantik untuk menyelesaikan kes-kes yang disampaikan kepada mereka. Saya juga mengetahui bahawa peruntukan kewangan sebanyak \$46 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Kehakiman untuk memperbaiki bangunan mahkamah lama dan untuk membina bangunan mahkamah yang baru. Langkah ini memang tepat pada masa ini. Walaupun keadilan tidak menghasilkan ringgit dan sen, ia tetap merupakan harta yang tidak terpegang yang paling bernilai sekali di dalam sesebuah masyarakat yang bebas dan demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini saya memperhatikan bahawa emosi para peguam makin membara mengenai perlucutan Ketua

Hakim Negara serta dua orang Hakim Mahkamah Agung. Penggantungan dan perlucutan selanjutnya.

Tuan Sim Kwang Yang: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching, hendak apa?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah saya diberikan injury time?

Tuan Sim Kwang Yang: Bukan minta penjelasan. Ini on a point of order—Dewan tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Setiausaha, sila bilang. 20 Ahli, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, -27 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
27 orang hadir—sudah ada kuorum, teruskan Ahli Yang Berhormat.

Puan Lim Chooi Sieng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penggantungan dan perlucutan selanjutnya telah berjalan mengikut Perlembagaan dan segala peruntukan undang-undang tertinggi negara.

Di sini saya ingin menekankan bahawa keadilan mesti mengikut undang-undang dan bukan mengikut persepsi seseorang itu. Jika semua peruntukan Perlembagaan dan undang-undang telah dipatuhi, tiada seseorang pun boleh dianggap sebagai lebih tinggi daripada undang-undang, tak kira betapa tinggi jawatan (*Tepuk*) yang dipegangnya.

Dalam Perlembagaan kita telah tersirat "checks and balances", dengan izin. Checks and balances ini

adalah seperti brek (brake) yang lebih berkuasa memerlukan brek yang lebih besar. Brek ke atas seseorang Ketua Hakim Negara dan para hakim ialah Yang di-Pertuan Agong dan para penasihatnya iaitu satu Tribunal yang diantik oleh Baginda dan brek ke atas Perdana Menteri ialah rakyat jelata. Jika seseorang Ketua Hakim Negara atau seseorang Hakim Mahkamah Tinggi berkelakuan tidak baik, beliau boleh dihadapkan ke sebuah Tribunal yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Jika Tribunal mendapati Hakim itu berkelakuan tidak baik dan perlu dilucutkan jawatannya dan mereka sarankan begitu kepada Yang di-Pertuan Agong, Hakim itu akan dilucutkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika Perdana Menteri berkelakuan tidak baik, beliau tidak akan mendapat mandate dan sokongan dari rakyat. (*Tepuk*) Beliau terpaksa menjalani ujian ini setiap 5 tahun.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato flaji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Kluang, nanti sekejap.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada hendak minta penjelasan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Puan Ling Chooi Sieng: Saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua, adakah saya diberi "injury time" kerana saya ada ucapan yang panjang dan saya tidak boleh habiskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Satu minit sahaja.

Puan Ling Chooi Sieng: Tetapi jawapan saya bukan satu minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya akan mengambil masa satu minit sahaja.

Puan Ling Chooi Sieng: Saya ingin bertanya daripada.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat dari Kluang boleh beri atau tidak?

Tuan Sim Kwang Yang: Satu minit sahaja. Boleh beri?

Puan Ling Chooi Sieng: Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri Yang Berhormat. Teruskan.

Puan Ling Chooi Sieng: Brek-brek ini adalah berkuasa seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Kita mesti menghormati Perlembagaan. Kita tidak boleh hanya menyatakan bahawa kita mesti menjunjung Perlembagaan dan pada masa yang sama mengkritiknya apabila keputusan yang dibuat di bawah peruntukan-peruntukannya bertentangan dengan kehendak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa satu seminar mengenai kebebasan kehakiman akan diadakan di Kuala Lumpur tidak lama lagi. Saya berharap semua peserta akan bersikap rasional dan tenang. Saya juga berharap peserta akan mengkaji masalah-masalah yang wujud dengan hati yang terbuka dan tidak dengan emosi. (*Tepuk*)

Kohler, seorang jurist pernah berkata bahawa "taakulan" merupakan asas kepada undang-undang iaitu reason lies at the basis of law, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Perasaan permusuhan telah wujud di antara Pemangku Ketua Hakim Negara dan Majlis Guaman. Keadaan ini patut diselesaikan demi kepentingan rakyat dan negara. Segala usaha mesti ditujukan kepada

penghapusan perasaan permusuhan ini. Suasana harmoni mesti dikembalikan supaya jentera keadilan dan kehakiman akan terus berjalan dengan licin dan lancar demi kepentingan rakyat dan negara.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang disiplin para peguam. Undang-undang yang wujud pada hari ini tidak mencukupi untuk mendisiplinkan para peguam yang menyeleweng dan berkelakuan tidak baik. Misalnya jika seorang peguam itu didapati salah kerana jenayah pecah amanah atau sebarang kelakuan jenayah lain dan walaupun didapati salah, dia masih boleh menjalankan tugasnya sebagai seorang peguam sehingga beliau digantung atau dilucutkan. Aturcara yang digunakan untuk menggantung atau melucutkan seseorang peguam yang menyeleweng adalah sukar dan canggung. Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan Disiplin itu yang juga seorang peguam seringkali merupakan seorang yang sibuk. Beliau terpaksa bermesyuarat dengan dua orang lagi peguam yang juga orang yang sibuk. Sesi yang mendengar penyiasatan disiplin itu biasanya memakan masa beberapa bulan dan mungkin beberapa tahun untuk kesudahannya. Sementara itu, peguam yang menyeleweng itu masih menjalankan tugasnya. Jika dia seorang penjenayah, dia akan meneruskan jenayahnya dan akan membahayakan orang ramai yang tidak mengetahuinya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila wujudnya orang-orang yang menyeleweng dan berjenayah di kalangan kita semua, kita mesti bertindak mengatasinya dengan cepat dan segera. Saya mencadangkan kita meminda Legal Profession Act untuk menyatakan jika seseorang peguam didapati salah melakukan kesalahan-kesalahan yang melibatkan ketidak-jujuran, dia *ipso facto* berhenti menjalankan tugasnya sebagai seorang peguam kecuali beliau dibebaskan

setelah merayu dan mendapat ampun atau mendapat kebenaran daripada mahkamah. Majlis Guaman dan Hakim Negara patut berbincang mencari jalan dan kaedah untuk meninggikan taraf disiplin para peguam kerana peguam juga pegawai-pegawai mahkamah.

Kita telah memansuhkan Privy Council, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah menghapuskan satu tingkat rayuan tanpa menggantikannya. Ini adalah tidak bijaksana, kerana dalam hal-hal yang melibatkan kepentingan Perlembagaan dan undang-undang yang rumit itu, kita dinafikan tingkat ketiga dan terakhir untuk membuat rayuan. Kita patut memperkenalkan semua tingkat ketiga rayuan. Mungkin menjadi praktik bagi kita memperkenalkan semula Privy Council dengan Hakim-hakim Mahkamah Agung kita juga dilantik untuk mendengar rayuan dengan "Law Lords", dengan izin. Dengan memperkenalkan semula Majlis Privy sebagai mahkamah rayuan tertinggi dengan dianggotai oleh Hakim-hakim Mahkamah Agung, kita boleh menghapuskan khabar-khabar angin yang mengatakan kita tidak mempunyai badan kehakiman yang bebas. Kita juga akan mendapat manfaat, kebijaksanaan dari Hakim-hakim England dan lain-lain negara Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tiga perkara di bawah Kementerian Kewangan.

Perkara yang pertama ialah mengenai securities industry, dengan izin. Buat masa ini terdapat terlalu banyak agensi yang terlibat dengan securities industry seperti C.I.C., F.I.C. dan Panel of Take-over, dengan izin. Contohnya jika sebuah syarikat hendak mengambil alih sebuah syarikat yang disenaraikan dalam senarai Bursa Saham Kuala Lumpur, syarikat itu terpaksa memohon kebenaran daripada Jawatankuasa

Pelaburan Asing (F.I.C.) dan seterusnya daripada Jawatankuasa Pelaburan Modal (C.I.C.). Sekiranya kebenaran diperolehi dia terpaksa ditapis oleh Panel of Take-over. Sekiranya institusi kewangan terlibat, kebenaran Bank Negara diperlukan. F.I.C. dan C.I.C. adalah dikawal oleh Kementerian Kewangan dan Panel of Take-over adalah dikawal oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Seandainya syarikat itu memiliki lesen pembuatan (manufacturing licence), kebenaran daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diperlukan. Tetapi Jawatankuasa dan Panel ini tidak sentiasa bermesyuarat. Terdapat jawatankuasa yang bermesyuarat sebulan dan selebihnya dua minggu sekali. Kadangkala kebenaran dari satu agensi tidak bermakna agensi lain akan meluluskan permohonan syarikat itu. Setiap pihak mempunyai garis panduan sendiri dan mengenakan syarat yang jauh berbeza di antara satu sama lain. Proses yang memakan masa yang lama menghalang apa-apa usaha untuk mengambil alih sesebuah syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan perlu diselamatkan.

Jadi, saya menggesa pihak Kerajaan supaya menubuhkan sebuah agensi sebagai satu langkah demi mengatasi masalah ini supaya permohonan dapat diproses secepat mungkin. Kita memerlukan one-stop agency to deal with all approvals, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Menamakannya Suruhanjaya Sekuriti ataupun Securities Commission, dengan izin, yang akan mengandungi wakil-wakil dari semua sektor dalam industri-industri. Jika garis panduan adalah terang dan unequivocal, sektor swasta korporat akan mengetahui apa yang mereka perlu memenuhi. Securities Commission itu mesti menguasai satu masa terhad dan jika bantahan apa-apa tidak diterima dari jawatankuasa berkenaan dalam masa yang ditentukan ia akan bermakna

permohonan itu akan diluluskan. Dengan cara demikian industri-industri akan bergerak dengan licin.

Perkara kedua, saya ingin menyentuh mengenai sistem cukai. Pada masa ini kadar cukai pendapatan kita amat tinggi di rantau ini. Kerajaan mengenakan kadar 6% sampai 40% cukai pendapatan perseorangan. Cukai pendapatan sebagai konsep cukai adalah purba dan antiquated dengan izin, kerana ia mencukaikan seseorang untuk menghasilkan usaha menambah kekayaan. Kadar cukai yang tinggi ini menghapuskan insentif seseorang untuk menambah usaha bekerja kuat. Ia harus dikurangkan kepada kadar ceiling 25%.

Untuk kekurangan pungutan hasil pendapatan, dengan izin, for the shortfall, kita harus menggantikan dengan mengenakan cukai pemakaian, consumption tax seperti VAT yang diamalkan di England dan Latin Amerika. Cukai dikenakan ke atas individual yang membuat perbelanjaan boros. Semakin seseorang itu menambahkan hasil pendapatannya semakin banyak ia dapat menyumbangkan hasil pendapatannya. Semakin ia membelanjakan semakin banyak ia membayar cukai. Dengan demikian kita dapat menghasilkan sebuah negara yang rakyatnya berjimat cermat serta rajin dan tidak akan mengulangi pengalaman rakyat Amerika Syarikat dengan deficit yang tinggi. Demikian kita dapat memerangsangkan usaha menambah kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengurangkan cukai pendapatan korporat ke 35%, Kerajaan pun sedar bahawa cukai yang dikenakan pada pendapatan tidak sebenarnya terlalu melebihi kerana ia akan menawar hati, dengan izin, deter orang dari bekerja kuat. Dengan mengurangkan cukai pendapatan korporat ke 35% tanpa mengurangkan cukai pendapatan perseorangan yang dikenakan kadar

cukai ceiling tertinggi iaitu 40%, Kerajaan akan menggalakkan orang ramai yang mendapat pendapatan tinggi untuk menggunakan sebuah korporat bagi menyembunyi pendapatan mereka. Oleh yang demikian, ia seolah-olahnya hertujuan untuk menghukum orang lain yang tidak dapat menubuhkan satu kprporat untuk mengelakkan cukai pendapatan.

Sebagai contoh, seorang doktor atau peguam yang mendapat pendapatan sebanyak \$300,000 setahun akan dikenakan cukai 40% atas pendapatannya, tetapi seorang arkitek atau profesional lain yang boleh menubuhkan satu syarikat akan pertu membayar cukai sebanyak 35%. Anomali seperti ini mesti dimansuhkan dan saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah secepat mungkin untuk berbuat demikian.

Perkara yang ketiga mengenai bank-bank dan pentadbirannya. Tidak dapat dinafikan ramai pegawai-pegawai bank, ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi telah ditangkap dan didakwa di mahkamah dan dihukum. Tetapi rasuah dalam koperasi masih berleluasa dalam industri kewangan di negara ini. Kickbacks atau komisen 1% hingga 5% pinjaman masih diminta oleh pegawai-pegawai bank daripada peniaga-peniaga. Memandangkan pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri menguatkuasakan undang-undang dengan ketat, peniaga-peniaga menghadapi kesusahan memenuhi permintaan pegawai-pegawai ini. Bagi setiap ringgit yang dibayar kepada pegawai-pegawai sesebuah syarikat terpaksa mencari keuntungan hampir dua ringgit. Ini kerana sesebuah syarikat mesti membayar hampir 50% dukai pendapatan atas keuntungannya. Tambahan pula ramai pengusaha menjalankan urusan buat kali pertamanya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta jalan. Sekejap sahaja. Semalam saya telah beri jalan banyak sangat. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa pegawai-pegawai bank memohon kickback 1% hingga 5%. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat sama ada ini andaian daripada Yang Berhormat ataupun secara praktikal memang berlaku dan dapatkah Yang Berhormat beri cpntoh yang spesifik apa yang berlaku kickback ini kerana tidak begitu baik bunyinya.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak diberitahu perkara ini, saya tidak mahu membangkitkan perkara ini, kerana saya sebagai peguam yang selalu menyedia tegal charge, gandaian dan selalu saya diberitahu oleh pelanggan saya bahawa selain daripada membayar legal fee mereka mesti membayar komisyen kepada pegawai-pegawai bank.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan saya. Tambahan pula ramai pengusaha menjalankan urusan buat kaili pertamanya dengan sumber-sumber kewangan yang terhad, komisyen ini merupakan satu beban kepada mereka. Amalam ini juga menyebabkan peniaga yang tidak bermoral menaikkan nilai projek mereka supaya boleh memperolehi pinjaman yang lebih besar untuk membayar komisyen ini. Oleh yang demikian, ramai pengusaha tidak mampu menjelaskan hutang mereka.

Apabila hal yang demikian berlaku, bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan cuba mengatasi masalah ini. Ini bermakna peniaga-peniaga yang jujur terpaksa membayar faedah yang lebih tinggi untuk menutup kerugian yang diatami oleh bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan. Masa saya menggesa Bank Negara menubuhkan

sebuah Biro Aduan untuk menjalankan siasatan terhadap pegawai-pegawai yang menyeleweng ini. Di samping itu institut bank-bank dan Bank Negara harus mengadakan kelas-kelas etika untuk pegawai-pegawai bank-bank. Orang ramai juga harus digalakkan membuat aduan-aduan terhadap pegawai-pegawai bank yang menyeleweng.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyetujui tentang universiti-universiti kita. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah berulang kali menegaskan bahawa universiti kita mesti mementingkan kecemerlangan, khususnya di kalangan kakitangan akademik. Mereka mesti mempunyai meritokrasi (meritocracy) dan telah mencapai keunggulan atau kecemerlangan dalam bidang tertentu supaya pelajar-pelajar yang diajar oleh mereka akan mencapai meritokrasi. Justeru itu kalau universiti kita diuruskan oleh mediocres, dengan izin, ia akan mengeluarkan pelajar-pelajar mediocres. Kita akan merasa sedih sekiranya universiti kita terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang tidak mempunyai kecemerlangan akademik. Ini bermakna pembangunan potensi manusia akan terjejas. Dengan kata lain, kita akan ketinggalan dalam zaman teknologi tinggi.

Saya faham dan sedar rasional dan logik pengambilan pelajar-pelajar universiti berdasarkan kuota. Cara pengambilan demikian tidak dapat dinafikan akan menyebabkan ramai pelajar yang tidak mempunyai kecemerlangan akademik diterima semata-mata kerana pengagihan berdasarkan kepada komposisi race. Pada jangka pendeknya kita mungkin mencapai kejayaan dalam politik tetapi pada jangka waktu panjang negara kita akan menerima padah buruknya. Oleh kerana sistem kuota, ramai penuntut bukan Melayu yang berkecukupan gagal mendapat tempat di universiti tempatan kerana satu kuota sistem

yang berasaskan kaum dan bukan berasaskan merit. Penuntut-penuntut ini akan merasa frustrasi dan kecewa terhadap apa yang mereka lihat sebagai diskriminasi race.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa sudah sampai untuk membatalkan kuota ini. Yang Berhormat Menteri Pendidikan mesti.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang, nanti sekejap.

Puan Ling Chooi Sieng: Saya tiada masa.

Tuan Hashim bin Safin: Sedikit sahaja penjelasan dalam soal pengambilan, sekadar penjelasan bersama kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebutkan mengenai pengambilan dan ada kaitan dengan kuota yang tentunya melibatkan pelajar-pelajar daripada luar bandar, dengan sendirinya beliau sebutkan pelajar luar bandar yang sebahagian besar dari pelajar-pelajar Melayu. Perkara ini saya suka kaitkan dengan apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu pendemokrasian. Maknanya keadilan. Dalam hal ini saya suka menarik perhatian Yang Berhormat apakah tidak adil kalau pelajar-pelajar dari luar bandar walaupun dari segi prestasinya agak kurang tetapi setelah mereka berada di universiti dengan kemudahan-kemudahan yang tertentu, kadang-kadang sebahagian mereka dapat membuktikan kejayaan yang lebih cemerlang daripada pelajar-pelajar dalam bandar sendiri sama ada dari Melayu ataupun Cina yang pernah mendapat Gred Satu di peringkat SPM atau MCE dari ini adalah satu perkara yang perlu mendapat timbangtara kedua-dua pihak di antara kita bersama.

Jadi, kalau Yang Berhormat menyedari perkara ini, saya rasa samalah kita menerima hakikat bahawa keadilan perlu diberi dalam soal pelajar-pelajar luar bandar di tempat-tempat yang telah ditentukan di peringkat-peringkat universiti atau di pusat-pusat pengajian tinggi. Jadi, saya minta Yang Berhormat untuk mendapat penjelasan daripada ini ataupun apa maklumat yang sebenar Yang Berhormat dapat.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bergaduh dengan kuota-kuota yang saya sebutkan. Bermakna taraf universiti akan turun kepada taraf yang rendah kerana saya tahu murid daripada kawasan luar bandar adalah mempunyai results yang lebih rendah, tetapi dari segi taraf universiti kita mestilah timbang sama ada kita mahu mediocracy atau mahu meritocracy diwujudkan di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan. Masa sudah sampai untuk Yang Berhormat Menteri menyampaikan satu utusan yang jelas kepada semua rakyat Malaysia sama ada mereka orang Melayu, Cina atau India bahawa sesiapa yang layak sahaja dibenarkan memasuki universiti. Ini akan bermakna kita telah berjaya mewujudkan kecemertangan pada peringkat kakitangan akademik dan juga peringkat pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh panjang sedikit mengenai satu bahan yang berbahaya, iaitu asbestos. Telah dibukti di Amerika Syarikat bahawa asbestos adalah satu bahan yang paling berbahaya. Serabut asbestos jika masuk paru-paru manusia akan menyebabkan asbestos cancer dikenali sebagai "asbestosis". Oleh kerana ciri-cirinya ialah memberi perlindungan daripada api dan lain-lain, ia banyak digunakan dalam membuat barangan rumah dan mempunyai ribuan kegunaan dalam

industri. Cara yang paling mudah sekali asbestos memasuki badan manusia ialah melalui pernafasan masuk serabut-serabut yang wujud dalam asbestos. Serabut-serabut yang mikro ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar kita. Sebaik sahaja serabut itu memasuki paru-paru, ia akan berada dalam paru-paru secara tetap. Paru-paru itu menjadi tebal dan berparut. Ia mendatangkan kesukaran bernafas, batuk dan maut. Penyakit itu tidak mempunyai ubatnya. Oleh kerana asbestos mempunyai ciri-ciri yang berbahaya, banyak negara seperti Hong Kong, Taiwan dan Jepun telah melarang ia digunakan. Di Amerika Syarikat, asbestos telah digunakan sebagai bahan rintangan api di kapal.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini saya menghadiri satu Persidangan International Bar Association yang diadakan di Buenos Aires, Argentina. Dalam persidangan itu satu jawatan telah ditubuhkan dalam International Bar Association untuk membantu peguam-peguam membuat tuntutan gantirugi bagi kerosakan kesihatan pekerja dan anak kapal daripada pemilik kapal dan pengeluar asbestos. Saya telah diberitahu bahawa di Amerika Syarikat adalah 30,000 kes telah masuk mahkamah (pending hearing) dan tuntutan itu dijangka lebih kurang US\$1 bilion. Walaupun Malaysia tidak mempunyai lombong asbestos tetapi beribu-ribu tan asbestos mentah diimport ke dalam negara setiap tahun. Sejak tahun 1986 Malaysia telah mengimport asbestos bernilai \$33 juta.

Kerajaan Malaysia merupakan salah satu pengguna simen asbestos yang terbesar di negara ini. Kerajaan menggunakan paip-paip ini untuk menyalurkan bekalan air tempatan, najis dan perairan. Bahan-bahan pembinaan pula digunakan untuk rumah-rumah kos rendah dan bangunan-bangunan sekolah. Di Malaysia tidak wujud sesuatu

penyelidikan mengenai asbestos. Kita tidak tahu kadar yang telah memasuki air dan udara kita. Pihak-pihak berkuasa mesti menyiasat setakat manakah asbestos digunakan di Malaysia dan mengenalpastikan barangan pengguna manakah yang mengandungi asbestos. Orang ramai patut dididikkan mengenai bahayanya habuk asbestos itu. Paip-paip simen asbestos yang digunakan untuk air minuman tidak patut diguna dan yang lama patut ditukarkan kepada bahan yang lain yang tidak mendatangkan bahaya. Kerajaan sendiri mesti berhenti menggunakan bahan-bahan asbestos walaupun bahan-bahan ini murah. Peraturan Pemerosesan Asbestos Tahun 1986 yang diimplementasikan pada tahun ini mewajibkan kilang menyediakan peralatan membuang habuk asbestos dan paras habuk tersebut pula perlu diawasi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Gulung seminit!

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah membenarkan asbestos digunakan sebagai bumbung rumah bagi rumah kos rendah. Beribu rumah di kawasan luar bandar mempunyai bumbung asbestos. Bukan ini sahaja, ia juga digunakan sebagai sekatan bilik dan siling. Akibatnya, bukan sahaja pekerja bina rumah yang terdedah kepada bahan yang merbahaya ini, malahan pekerja di pejabat serta penghuni rumah dan murid-murid sekolah turut menghadapi risiko yang sama. Penyakit yang berhubung dengan asbestos hanya timbul pada akhir 30 atau 40 tahun. Saya bimbang kanak-kanak kita yang duduk di

rumah-rumah kos rendah itu menjadi mangsa asbestos pada umur 30 dan mati kerana kita gagal menjalankan tugas kita untuk melindungi mereka.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian-kementerian berkenaan sama ada mereka sedar akan besarnya masalah ini dan apakah tindakan akan diambil. Mereka harus melakukan pemeriksaan bagi memastikan keselamatan penggunaan asbestos sebelum kemalangan menjadi "national disaster" kerana ia akan melibatkan beribu-ribu orang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut.

4.57 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang. Saya bangun menyokong satu Akta bagi Belanjawan Persekutuan Tahun 1989.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentang Belanjawan dengan bijaksananya. Sebelum itu, saya terpaksa menyentuh dan menjawab ucapan Pemangku Ketua Pembangkang yang sememangnya buat-buat tidak faham akan perbelanjaan yang telah dibentangkan dengan penuh bijaksana itu dan saya juga menafikan apa yang dikatakan oleh Ahli dari Puchong tadi sekeras-kerasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Penolong Ketua Pembangkang pertama sekali tidak mengucapkan terima kasih dan tidak mengalu-alukan langsung Ucapan Belanjawan yang dibuat oleh Menteri Kewangan. Ini pada saya kurang bermoral, tidak mempunyai sifat insan kamil dan tidak mempunyai peradaban di dalam Dewan ini. Kedua katanya, ianya tidak memberi kegembiraan kepada rakyat jelata. Ini

pun tidak benar kerana ianya tidak menentukan kepada kita, dengan izin, tidak "determine" siapakah rakyat jelata yang tidak gembira. Katakan sahaja orang-orang DAP dan kuncukuncunya sahaja supaya tidak mengelirukan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun salah seorang daripada mereka, iaitu Ahli.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Larut, sekejap!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ini baru start.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa ini?

Tuan Ngoi Thiam Woh: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Larut itu tahu, faham atau sedar kami DAP ini mewakili satu juta rakyat Malaysia?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya faham, kami mewakili lagi banyak juta dan memerintah (*Tepuk*) sejak Malaysia merdeka. Sombong! (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya belum habis, yang syok dia tak tunggu, hendak marah sahaja.

Saya terima kasih juga kepada Ahli dari Kepong yang mengatakan dalam televisyen: "saya percaya Belanjawan itu eloklah diberi kepada pendidikan lebih banyak daripada pertahanan", dia kata. Best kan! Adalah sporting sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga Kerajaan mempunyai alasan-alasan kerana kita suka kepada Belanjawan ini. Pemangku Ketua Pembangkang—eloklah naik kepada

Ketua Pembangkang, susah hendak sebut, Pemangku-pemangku—panjang, masa tidak banyak—mengatakan bahawa VAT itu tidak disokongnya kerana katanya cukai VAT, cukai perkhidmatan 5% itu bagi barang-barang makanan, tidak betul. Mengikut apa yang dikatakan oleh Menteri tadi, cukai VAT atau cukai ke atas video 10% itu berpatutan kerana Kerajaan bukan hanya bercakap banyak seperti DAP bahkan membuat kajian sehalus-halusnya. Kerana apa DAP tidak mengemukakan cadangan-cadangannya terlebih dahulu walaupun kami tidak menerimanya?

Tuan Yang di-Pertua, itulah teguran tanpa apa-apa perhitungan kepada jasa-jasa Kerajaan dan tenaga yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi menentukan Belanjawan kita yang mana dibentangkan oleh Menteri yang kita kasihi itu. Saya rasa Pemangku Ketua Pembangkang tidak memahami masalah mengenai daging-daging. Saya tahu orang ramai memang makan daging, tetapi cukai yang dikenakan itu termasuk kategori-kategori daging, dengan izin, yang diimport kerana orang-orang biasa, orang-orang kampung, tidak makan daging import. Perkara seperti ini perlu juga disetujui oleh semua rakyat termasuk DAP. Kerajaan sedar perkara ini dan oleh kerana kesedaran seperti inilah Barisan Nasional terus berkuasa dan menang lagi pada tiap-tiap pilihanraya termasuk di Parit Raja.

Seorang Ahli: Johor Bahru.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan—Johor Bahru, orang tidak sebut, diamlah. (*Ketawa*) Berhubung dengan kata-katanya bahawa kumpulan "C" tidak boleh mengurangkan beban hidup mereka, ini juga tidak betul kerana banyak mana ditambah pun tidak akan mencukupi sebagai tambahan, biarlah tiap-tiap orang itu, dengan izin, cut your coat according to your body,

tidak payah terjemah. Kalau terjemah kena masuk bahasa bakulah, macam-macam, susah. Tuan Yang di-Pertua, ekonomi kita disifatkan sebagai orang yang baharu sembuh dan kalau baharu sembuh dan baru bangun boleh makan kanji dan untuk terus sembuh dan sihat mengambil masa yang lama. Jadi, langkah yang lebih baik akan diberi oleh Kerajaan berperingkat-peringkat mengikut keupayaan dan kebolehan Kerajaan untuk menambah gaji kakitangan Kerajaan. Walau bagaimanapun saya berseru bahawa kakitangan Kerajaan hendaklah meriunggu dan sabar dengan doa yang ikhlas sebagai insan yang soleh untuk ekonomi kita terus maju dan bertumbuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya kadangkang tidak faham, bila dicukai marah, bila dikurangkan cukai tidak setuju, katanya mengurangkan cukai 5% kepada cukai koperat tidak memberi faedah. Sebenarnya ini juga memberi faedah. Saya percaya cukai perkhidmatan 5% adalah patut dikenakan kerana Pemangku Ketua Pembangkang tidak faham ini kerana katanya menyusahkan orang miskin. Sebagaimana yang difahamkan tadi orang-orang miskin tidak pergi makan di restoran-restoran besar-besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak bersetuju apabila ia mengatakan Belanjawan ini tidak memberi faedah kepada keseluruhan golongan berpendapatan kecil dan sederhana. Memanglah DAP ini hanya pandai menafikan sahaja dan tidak mengkaji secara detail.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak setuju dengan pendapat Pemangku Ketua Pembangkang yang menentang Kerajaan membeli senjata berharga \$4 billion dari Britain kerana DAP tidak mengetahui bahawa sebagai negara yang berdaulat kita mesti mempunyai pertahanan yang hebat. Justeru itu kita mengecam DAP yang menghasut di luar negeri.

Sekiranya hasutan ini diberhentikan baharulah negara ini aman dan makmur, bolehlah difikirkan semula tentang pembelian senjata itu sama ada diteruskan ataupun dibatalkan, kerana saya yakin di samping pembelian senjata itu Kerajaan tidak lupa kepada pembangunan masyarakat dan membasmi kemiskinan. Memanglah susah jika kita hendak mengaturkan.

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Adakah beri "injury time", Tuan Yang di-Pertua?

Dr Eng Seng Chai: Ini tidak apa. Minta penjelasan, Yang Berhormat dari Larut. Sedarkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sering kali ada mengatakan Malaysia mengamalkan satu dasar ZOPFAN—Zone of Peace, Freedom and Neutrality, untuk rantau ASEAN. Jika kita hendak beri teladan, bukankah lebih baik kita janganlah amal satu dasar di mana kita hendak membeli lebih-lebih senjata, lebih-lebih kapal terbang pejuang, bukanlah lebih baik kita kurangkan semua alat-alat senjata dan beri satu teladan kepada orang lain yang kita kata kita ikut dan kita beri teladan. Macam mana dasar beli lebih alat-alat senjata api berbanding dengan dasar ZOPFAN?

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Petaling Jaya itu tidak sedar, tetapi Kerajaan sedar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, kalau dia hendak tahu lagi sama ada Kerajaan sedar tak sedar, biar dia tunggu Perdana Menteri jawab—saya bukan Perdana Menteri. (*Ketawa*)

Dr Eng Seng Chai: Kalau ia tidak boleh jawab, jangan ceritalah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Simunjan, ya!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tadi Yang Berhormat kata bahawa dia bukan Perdana Menteri, tidak berniatkan hendak jadi Perdana Menteri? *(Ketawa)*

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya rasa niat itu ada apa Ahli dari Simunjan. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya nasihatkan pembangkang-pembangkang dan yang merasakan dirinya mereka pembangkang tidak usahlah menjadi heboh, tidak usahlah menjadi penyebok dengan urusan-urusan Kerajaan. Duduklah di Dewan ini, terimalah elaun, kerana sebuk-sebuk susah orang lain hendak buat kerja.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tidak beri jalan. Masa tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak beri.

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: I will give you later, not now, dengan izin.

Dr Eng Seng Chai: Later! Saya hendak tanya, siapa yang minta elaun sahaja? Bukan DAP, DAP jalankan tugas-tugas kita, bukan minta elaun. Saya hendak minta dia menjelaskan, siapa yang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat teruskan, dia beri.

Dr Eng Seng Chai: Dia beri?

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Beri.

Dr Eng Seng Chai: Oh, dia beri, mintalah menjelaskan.

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya katakan duduklah di Dewan ini untuk dapat elaun bagi orang-orang DAP yang tidak buat kerja, yang buat kerja itu okaylah. Itu pun hendak marah. *(Ketawa)*

Dr Eng Seng Chai: Oh! Tetapi pihak DAP semua jalankan tugas dengan sungguh-sungguh.

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Kalau semua buat kerja, well, very good, dengan izin.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih.

Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan: DAP juga tidak bertanggungjawab dan tidak sebagaimana yang kita boleh lihat, sedangkan dalam ucapan ini pun DAP hendak kacau, tengok yang sini semua tidak kacau, sana tidak kacau—okay! DAP juga mengatakan tahanan-tahanan ISA tidak mendapat layanan. Saya pun tidak tahu orang salah ini hendak mendapat layanan macam mana pun tidak tahu. Yang kita lepas pun, sudah lepas, banyak juga sudah lepaskan tetapi kita lepas bersyarat. Walau bagaimanapun saya rasa dalam negara yang merdeka ini kita mempunyai, kalau tidak salah saya, mengikut Menteri Dalam Negeri, hanya 69 orang tahanan yang serupa ini dan mereka ini dikaji dari satu masa ke satu masa. Jadi, kalau mereka berperangai elok dan tidak subversif, kita lepaskan semua, tetapi tidak semuanya. Kita mesti faham bahawa apabila kita ditangkap—DAPlah ditangkap, bukan kita—atas Undang-undang ISA, jadi mereka semuanya menyalahkan Kerajaan. Saya

nasihatkan, dengan izin, "In any event, you must look at the root of the problem, who creates the trouble."

Seorang Ahli: Boleh terjemahkan ke Bahasa Melayu?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta izin, tidak payah terjemahkan, semua itu "action" sahaja, semua orang faham perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya bersetuju 100% dengan Belanjawan yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa sokongan padu diperolehi oleh penduduk-penduduk bandar dan di luar bandar mengenai Belanjawan ini adalah menunjukkan bahawa peruntukan-peruntukan yang dibuat di dalam Belanjawan itu adalah munasabah, istimewa sekali 2/3 daripada peruntukan itu diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar. Dengan peruntukan sebanyak itu, saya berharap Kerajaan dapat melaksanakan projek-projek dengan lebih segera seperti bekalan elektrik di Kampung Pantai Besar dan di kampung-kampung berhampiran dengannya yang mana ingin bekalan elektrik sejak Malaysia mencapai kemerdekaan lagi dan setengah-setengah penyokong Kerajaan telah kembali kerahmatullah.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menarik perhatian Dewan bahawa walaupun kita boleh mengakui yang penduduk-penduduk di Malaysia belumlah sampai ke tahap kebuluran seperti di negara-negara lain, tetapi banyak juga terdapat bahawa kemiskinan di kampung masih ada oleh kerana tidak mempunyai pendapatan yang boleh menanggung kaum keluarga mereka dan terdapat banyak sekali tanah-tanah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangatlah mengalu-alukan Belanjawan tahun hadapan kerana peruntukan

besar diperuntukan bagi mengusahakan tanah-tanah terbiar di seluruh negara khasnya di kawasan Parlimen Larut. Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya tanah-tanah itu sepenuhnya diambilalih oleh Kementerian secara umum dimajukan dan hasil-hasil diagih-agihkan kepada waris-waris atau wakil-wakil waris setelah Kerajaan menolak perbelanjaan pelaksanaan bagi menanam apa-apa sahaja hasil ataupun pokok-pokok tanaman seperti padi, getah dan kelapa sawit kerana masalah yang mungkin timbul nanti ialah kerana biasanya tanah-tanah terbiar ini seperti sawah, ladang dan lain-lainnya. Setengah-setengah orang berkata pendapatannya tidak lumayan dan ekonomik. Pesawah-pesawah buat masa ini hanya tinggal orang-orang tua sahaja dan lapisan yang berminat tidak ada. Begitu juga kebun-kebun getah ketika harganya jatuh sebelum adanya penyakit, dengan izin, AIDS. Orang-orang kampung meninggalkan kebun getah buat masa itu tetapi semuanya diterokai sekarang oleh kerana harga getah baik dan begitu juga harga kelapa sawit.

Selain dari itu terdapat juga kemudahan sawah tidak dipedulikan oleh JPT, umpamanya air-air ampangan tidak dijaga. Misalnya di Selama, Perak, ada bendang-bendang parit yang dibuat di sekelilingnya dengan longkang-longkang atau parit-parit air dengan belanja yang bermilion-milion, tetapi apabila saya melawat sebagai Wakil Rakyat yang setia dan bertanggungjawab, terdapat bahawa parit-parit itu lebih rendah dari sawah atau dengan kata lain sawah-sawah tinggi dari parit-parit air. Ini adalah masalah yang ditimbulkan oleh manusia ataupun insan yang tidak kamil.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kalau JPT mempunyai jurutera-jurutera terlatih, saya pun hairan di manakah mereka dapat latihan, kalau sawah lebih tinggi dari parit, macam mana air hendak masuk ke sawah, samalah seperti menunggu air hujan. Adakah ini satu sabotaj dari orang-orang tertentu, menghabiskan wang begitu banyak tetapi faedahnya tidak berguna kerana jurutera-jurutera itu tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya suka menyentuh mengenai rumah-rumah murah sama ada di bandar ataupun di kampung-kampung terpencil. Apa yang diberitahu kepada saya sendiri dan saya sendiri melihatnya, rumah-rumah itu berharga \$25,000. Bagi orang-orang kampung dan desa, ini tidak murah kerana mereka terpaksa membayar di antara \$120-\$180 sebulan. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bagi rumah-rumah murah di kampung dan di desa harganya patut diturunkan antara \$5,000-\$8,000 ataupun \$18,000. Orang-orang desa tidak mesti mendapat rumah yang diperbuat daripada batu-bata, konkrit kerana rumah adalah tempat yang mana mereka perlu untuk berteduh. Sepertimana yang saya ucapkan di Bangunan Parlimen ini 2 tahun dahulu, penat sahaja berucap, apa tindakan pun belum dibuat. Kalau dibuat rumah-rumah murah seperti saya katakan itu dari kayu-kayu, maka rumah itu bolehlah dijual dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya berharap rakyat Malaysia berterima kasih atas nikmat yang diberi oleh Allah s.w.t. kerana Firman Tuhan: "walain shakartum la azidannakum katartun walain inna azaabi lashadiid". Janganlah pula parti-parti Pembangkang termasuk Pembangkang-pembangkang Bebas sewenang-wenangnya mengatakan

rakyat Malaysia kurang bernasib baik. Kita lihat selain daripada Ouran dan Hadis, Confucius pun ada berkata, dengan izin: "I thought I am unfortunate for having no shoes, when I went down the road, I saw a man without legs", yang bermaksud "Saya berfikir kurang bernasib baik kerana tidak mempunyai sepasang kasut tetapi bila saya keluar ke jalan raya, saya dapati seorang tidak mempunyai kaki". Jadi apa yang telah diperbuat oleh Kerajaan selama ini telah memberi manfaat kepada rakyat dan rakyat kita lebih mendapat faedah dan patut bersyukur sekurang-kurangnya kalau tidak ada kasut pun, kita mempunyai kaki dua; kalau tidak ada kereta Jaguar kita mempunyai Proton Saga; kalau tidak ada rumah besar, kita mempunyai rumah kecil; kalau tidak ada isteri banyak, kita mempunyai isteri satu (*Ketawa*). Begitulah apa yang dimaksudkan oleh Confucius walaupun ianya bukan Quran ataupun Hadis.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan itu mengandungi ciri-ciri atau, dengan izin, characteristics, yang penuh bertanggungjawab memenuhi kehendak semua rakyat merangkumi konsep Natural Justice, dengan izin, dan disusun dengan rapi menurut prinsip-prinsip demokrasi dan berperikemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya Belanjawan yang dibentangkan itu juga memenuhi kehendak berbagai-bagai peringkat hidup manusia di negara ini termasuk petani dan pekebun kecil serta lain-lain di tanahair kita ini. Langkah-langkah kebijaksana yang telah diambil oleh Kerajaan setelah negara dialami oleh kemelesetan ekonomi dunia adalah munasabah. Kita tidak boleh sekali-kali menyalahkan pemimpin-pemimpin negara sepertimana dikatakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak sayang kepada negara dan tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, langkah jimat-cermat adalah satu daripada ciri-ciri yang mustahak yang mana dipraktikkan oleh Kerajaan bagi membendung ketandusan perbelanjaan Kerajaan. Langkah-langkah bijaksana seperti ini patutlah diterima oleh kita dan harus diteruskan kerana Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri yang kita kasihi lebih mengutamakan pembangunan-pembangunan negara dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan tanggungjawab yang ditunjukkan oleh Kerajaan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak telah menyakinkan rakyat. Justeru itu, kadar pertumbuhan Keluaran Negara Kasar dijangka mencapai 7.4%. Angka ini perlu dibanggakan. Alhamdulillah, kita bersyukur harga barangan-barangan eksport kita juga masih berada di paras yang tinggi dan kukuh, umpamanya harga minyak kelapa sawit dan getah sungguh membanggakan oleh kerana banyak serangan-serangan penyakit "AIDS" sebagaimana yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kesan dan hasil usaha gigih dan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana telah menjelajah ke seluruh dunia bagi mengenalkan negara kita guna mempengaruhi negara-negara asing untuk terus berhubung baik dengan kita bagi tujuan perdagangan dan lain-lain. Usaha-usaha seperti ini memanglah tidak disenangi oleh DAP dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab kepada negara kerana pada anggapan mereka dengan banyak pertambahan ekonomi akan melemahkan perjuangan mereka dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang mana sentiasa berangan-angan, bercita-cita tinggi dan hasad dengki di dunia Allah ini, kerana mereka hidup dari hari ke sehari dengan iman yang minimum dan takwa yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa ajaran Al-Ouran dan Hadis sentiasa menunjukkan yang benar dan yang tidak benar akan luput.

"Bila kebenaran sudah menjelma, maka pergilah yang tidak benar, kerana yang tidak benar itu sentiasa terus luput".

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu dan mesti berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, walaupun ada setengah orang-orang di Malaysia ini telah mempengaruhi orang-orang luar supaya tidak melabur di negeri ini, tetapi dengan semangat yang tidak reda, dan tanggungjawab berterusan, Perdana Menteri dengan serangan-serangan hebat dari DAP dan Pembangkang-pembangkang lain, serangan-serangan hebat itu tidak memberi kesan kerana serangan-serangan mereka itu adalah serangan kosong, tidak berasas dan tidak memberi erti kepada sesiapa bagi mereka yang berfikir dan menggunakan fikiran dengan waras. Apa yang saya katakan ini termasuk ucapan bekas Timbalan Perdana Menteri di Hong Kong di Kelab Wartawan di sana, kerana kononnya perkara seperti itu memang sudah lama ia berkata dan hanya suratkhobar-suratkhobar tempatan sahaja tidak menyiarkannya. Saya percaya perbuatan seperti itu adalah khianat semata-mata dan ianya tidak berbuat demikian ketika menjadi pemimpin dahulu, walaupun sudah jadi orang bebas biarlah menjadi orang bebas yang "siuman" seperti ahli dari Simunjan.

Saya suka nasihatkan orang-orang

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun, ya!

Dr Eng Seng Chai: Minta Penjelasan Yang Berhormat dari Larut.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Yang Berhormat dari Larut, saya tidak baca dalam suratkhbar tempatan, dan saya pun tidak ada "order magazine", dari luar negeri. Saya tidak tahu apa yang bekas Timbalan Perdana Menteri kata di Hong Kong, bolehkah Yang Berhormat dari Larut quote di Dewan ini?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Lain kali banyak lagi baca, jadi senang orang hendak berucap, tidak buang masa, nanti kalau saya hendak quote di sini, saya tidak cukup masa enquiry time tidak ada. Saya pun

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Serai, sila.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Saya telah dengar ucapan Yang Berhormat dari Larut mengatakan kalau hendak jadi ahli Bebas, biarlah jadi ahli Bebas yang "siuman" oleh sebab Dato Musa menjadi seorang ahli Bebas dan telah mengeluarkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak kata begitu, perkataan lain.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ahli Simunjan bukan siuman.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ahli Bebas yang semboyan!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Simunjan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan sebelum daripada perkataan "semboyan" ini ada yang "siuman" kita akan lihat *Hansard* pagi besok. Saya hendak tanya adakah Dato Musa itu sebagai Ahli Parlimen yang tidak siuman?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya berkata seperti ahli Bebas dari Simunjan

Tuan Yang di-Pertua: Simunjan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: dan saya boleh beritahu Dewan untuk menjawab Ahli dari Bagan Serai bahawa Dato Musa "ahli siuman", kalaulah siuman. (*Ketawa*)

Saya suka nasihatkan orang-orang ini yang sudah jadi Bebas tidak dengan izin mempraktikkan "absolute freedom", kerana di dunia ini tidak ada absolute freedom, di akhirat pun tidak ada absolute freedom, mungkin di syurga sahaja. Justeru itu janganlah dengan mudah mengikut hawa nafsu didorongi oleh syaitan dan jin bukan Islam kerana Firman Allah bermaksud:

"Sesungguhnya jiwa itu sentiasa menyuruh kepada kejahatan".

Dan dalam Latinnya:

"NEMODET JUDEX IN CAUSA SUA POTEST"

Dalam bahasa Inggeris:

"No one can be judge in his own cause".

Saya menyeru supaya DAP dan ahli-ahli Bebas yang tidak suka lagi kepada negara ini bolehlah berpindah ke negara-negara lain dengan segera kerana kita tidak disuruh oleh Allah hidup di dunia ini menyusahkan orang sahaja seperti penyakit AIDS dan penyakit-penyakit lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup, minta golongan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Akhir sekali, injury time sedikit.

Akhir sekali, saya suka menyeru kepada kita untuk semuanya bersatu di dalam Barisan Nasional dan khasnya bersatu di dalam UMNO kerana tawaran ikhlas yang diberi oleh Perdana Menteri itu tidak boleh dipermainkan oleh mana-mana pihak lagi kerana Dato' Seri Perdana Menteri tidak boleh ditohmahkan lagi, dengan izin, we cannot blame him anymore for anything that happens to the Malay unity. Tawaran-tawaran itu adalah keluar dari hati dan sanubari yang ikhlas, jujur, yang mana didorongi oleh taufik dan hidayah.

Tuan Yang di-Pertua, persengketaan ini patutnya tidak berkekalan, tohmah-menohmah di antara satu dengan lain adalah bertentangan dengan ajaran Islam, adat resam orang Melayu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah akhir.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ingin saya sudah ucapan saya dengan pantun, yang pertama pantun untuk Ahli dari Gua Musang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan sebut nama.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Pantun untuk Ahli dari Gua Musang. Minta maaf.

Bermain guli di tepi pantai,
Memancing ikan di tepi ladang,
Ahli berkenaan janganlah lalai,
Apa yang terjadi kerana tok dalang.

Untuk Ahli dari Kota Tinggi:

Bangun pagi, pergi ke bukit,
Untuk mengutip buah asam.

Hati siapa tidak sakit,
Kerana perbuatan anak pak Hitam. (*Ketawa*)

Untuk kedua-duanya pula:

Tanam ubi, tanamlah lengkuas,
Duduk bermandi di tepi lautan.
Kalau Razaleigh-Musa berfikiran waras,
Kata tok dalang jangan pedulikan.

Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kapit.

5.25 *ptg.*

Tuan Jimbun anak Pungga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1989 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan bagi tahun 1989 ialah untuk lapisan masyarakat, ianya penduduk di luar bandar dan bandar, kakitangan Kerajaan, ahli perniagaan, pekerja-pekerja dan semua rakyat jelata dalam Malaysia.

Keadaan ekonomi Malaysia tidak dapat dicapai sekira mengharap dayausaha Kerajaan semata-mata sahaja. Untuk mencapainya ekonomi yang kukuh, sokongan dan bantuan daripada berbagai-bagai pihak amat diperlukan oleh semua rakyat Malaysia bagi menjayakan ekonomi kita untuk stabil

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membentangkan beberapa perkara, ingin saya memberi serba sedikit tentang Bahagian Kapit, iaitu satu bahagian yang besar di Sarawak, iainya kira-kira 38,935 kilometer persegi. Bagi Kapit dibahagikan kepada tiga buah daerah, Daerah Belaga yang di pendalaman sekati dan juga daerah yang terbesar di bahagian ini, Daerah Kapit adalah nombor dua

besar dan ketiga ialah Daerah Soong. Seperti di bahagian-bahagian lain ianya ada seorang residen dan ada pegawai-pegawai pentadbiran di setiap daerah. Semua daerah hanya dapat dihubungi melalui sungai kerana tidak ada jalan raya untuk menghubungi ketiga-tiga daerah tersebut. Dengan ini juga saya memohon izin untuk menghuraikan masalah pengangkutan di Bahagian Kapit dengan lebih mendalam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kapit tersisih dari bandar lain di Sarawak dengan ketiadaan jalan raya menghubunginya. Misalnya, Kapit dan Soong hanya dapat dihubungi dengan menggunakan bot laju-ekspres di mana perjalanannya yang memakan masa tiga atau empat jam ke bandar yang terdekat sekali, iaitu Bandar Sibul.

Daerah Belaga pun adalah lebih jauh dan perjalanannya lebih sukar, merbahaya, begitu juga perbelanjaannya lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan udara memang tidak dinafikan ada menghubungi Kapit dan Belaga tetapi cuma untuk dua hari sahaja iaitu hari Jumaat dan Ahad. Penerbangan ke Belaga dan Kapit dan Kapit ke Sibul bergantung lebih pada keadaan cuaca.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Kerjaraya akan mengambil daya usaha memperbanyakkan lagi pembinaan jalan raya di kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Dengan adanya pembinaan jalan raya ini nanti akan memberi banyak faedah serta kegunaan kepada rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, jalan raya adalah sesuatunya alat perhubungan yang boleh membawa rakyat lebih dekat dengan arus pembangunan dan dapat merapatkan lagi jarak perpisahan di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Dengan

pembinaan jalan raya terutama sekali di kawasan luar bandar negeri Sarawak akan membuka lebih banyak rancangan pembangunan tanah yang baru dapat diusahakan serta memberi kemudahan kepada para petani, membawa hasil tanaman mereka untuk dijual ke pasar atau bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kapit adalah terletak di kawasan pendalaman di Negeri Sarawak, sekiranya Kerajaan belum lagi bercadang untuk membina jalan raya sebagai alat perhubungan maka lambatlah pemikiran rakyat untuk menerima dan memahami segala rancangan yang telah atau akan diusahakan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, Bahagian Kapit sangat memerlukan perhubungan jalan raya untuk mempercepatkan lagi perkhidmatan perhubungan supaya segala berita tentang pembangunan dapat disampaikan serta merta kepada rakyat lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masih ada yang menyatakan Bahagian Kapit boleh lewatkan untuk membina jalan raya disebabkan adanya Batang Rajang yang boleh digunakan sebagai jalan perhubungan yang menggunakan bot-bot ekspres. Anggapan bahawasanya Sungai Batang Rajang seolah-olah seperti jalan raya yang digunakan sebagai jalan perhubungan haruslah kikiskan sama sekali. Fikiran yang beranggapan demikian sebabnya Sungai Batang Rajang adatah dianugerahkan oleh Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian diharap Kementerian Kerjaraya akan menyediakan peruntukan wang perbelanjaan bagi membina jalan raya untuk menyambung daerah Kapit dengan daerah Song seterusnya sambungkan ke daerah Kanowit. Kami bagi penduduk di Kapit, Ketibas dan Balih jangan dikecualikan apabila memberi peruntukan perbelanjaan bagi pembinaan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak Menteri Kerjaraya jangan mendengar cakap orang yang menyatakan orang di Kapit tidak memerlukan jalanraya sebabnya adanya Sungai Batang Rajang yang boleh dijadikan sebagai jalan perhubungan. Anggapan fikiran yang demikian tidak dapat diterima sekali, kalau demikian dengan secara langsung kita akan mengenenepikan orang luar bandar yang belum lagi mendapat pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak penduduk di Bahagian Kapit minta Menteri Kerjaraya akan memberi peluang supaya peruntukan belanja untuk membina jalanraya supaya dapat sama dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia yang menggunakan jalan raya sebagai jalan perhubungan utama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membuat rancangan pembangunan diharap pihak Kerajaan akan memberi keutamaan kepada penduduk di kawasan pedalaman yang tinggal di hulu sungai serta di Bahagian Kapit supaya hasil daripada kayu kayan, batu arang boleh digunakan dengan secara yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pandangan ini begitu ringkas, saya berharap ianya akan mencerminkan keadaan yang sukar bagi semua pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas di Bahagian Kapit. Tetapi yang tebih susah dan yang menghadapi kesukaran ini ialah Jabatan Pendidikan sama ada pegawai-pegawainya atau guru-gurunya dan murid-muridnya. Merekalah yang sukar dengan cabaran-cabaran di pelusuk kawasan Bahagian Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mohon izin untuk mengemukakan beberapa masalah yang dihadapi oleh Jabatan Pendidikan di Bahagian Kapit, khususnya di sekolah-sekolah. Masalah-masalah yang kita anggap serius ini ialah dari segi fizikal, tenaga dan

sebagainya. Masalah-masalah yang saya senaraikan di bawah ini nanti menjejaskan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Tetapi saya sangat berbesar hati kerana Jabatan Pendidikan Bahagian Kapit sudah bekerja kuat dan dengan sedaya upaya cuba menyelesaikan masalah-masalah untuk meringankan kerumitan di sekolah-sekolah kita.

Penyeliaan dan pemeriksaan ke sekolah-sekolah juga terus dijalankan tanpa mengira perjalanan yang jauh dan sukar supaya prestasi pengajaran dan pembelajaran terus dipertingkatkan. Tetapi kita perlu ingat bahawa di Bahagian Kapit sekolah-sekolah kita ditubuhkan di hulu sungai dan di kawasan yang terpencil. Ini bermakna bahawa perjalanan akan memakan belanja yang banyak bukan sahaja untuk pegawai-pegawai yang melawat ke sekolah-sekolah tetapi untuk para Guru Besar turun dan balik masa menjalankan tugas rasmi mereka. Oleh yang demikian, saya bercadang bahawa peruntukan pengangkutan dan perjalanan orang patut diberi lebih kepada. Jabatan Pendidikan Kapit supaya penyeliaan sekolah dan pentadbiran dapat dijalankan dengan rapi lagi demi kepentingan rakyat di bahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, ianya menjadi satu cabaran yang besar bagi guru-guru kita yang bertugas di Bahagian Kapit. Oleh yang demikian, juga kita harus memberi pertimbangan berat terhadap guru-guru kita yang bertugas di hulu sungai dengan memberi kemudahan asas seboleh-bolehnya untuk ketenteraman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan contoh masalah pengangkutan seperti saya sebut tadi. Dari Belaga ke Long Busang perahu panjang twin-engine 40 kuasa kuda memakan masa 2 hari naik dan turun 1 hari, minyak digunakan 220 gelen.

Dari Kapit ke Belaga dan balik speed boat twin engine, 85 kuasa kuda 4 jam naik dan turun 3 jam minyak 100 gelen. Perjalanan ini adalah merbahaya, ianya melintasi jeram-jeram yang sukar dilalui. Mtsalnya dari Belaga ke Long Busang, kita harus melalui 22 buah jeram yang merbahaya, begitu juga daripada Kapit ke Belaga, 3 buah jeram perlu dilalui bersama Jeram Pelagus yang merbahaya sekali. Oleh itu kita perlu memandang berat kesalahan guru-guru di pendalaman supaya cabaran-cabaran seperti ini tidak mengganggu fikiran mereka semasa bertugas di sekolah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru terlatih. Perkara-perkara ini juga menjejaskan prestasi penyertaan di sekolah-sekolah rendah di bahagian Kapit. Tetapi masalah ini telah diatasi secara beransur-ansur dan saya berharap ianya akan terus dipulihkan.

Misalnya:

Tahun	Bil. Guru	Bil. Guru Terlatih	Bil. Guru terlatih Terlatih
1986	694	430	264
1987	733	522	211
1988	742	579	163

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan guru terlatih meningkat hingga ke tahun 1988, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang sudah mengambil berat tentang perkara ini di Bahagian Kapit. Saya mohon agar bilangan guru terlatih terus dipertingkatkan lagi supaya prestasi penyertaan akademik dapat diperkembangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan fizikal. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa hampir semua sekolah-sekolah rendah dan menengah di Bahagian Kapit telah menghadapi kerumitan dari segi tempat tinggal

murid-murid, guru-guru dan kakitangan sekolah. Bangunan-bangunan dibina secara gotong-royong telah diberi untuk mengurangkan kesesakan. Kesesakan wujud kerana bilangan murid, kelas dan bilangan guru telah bertambah begitu mendesak. Dengan ini, izinkan saya memberi secara ringkas keadaan fizikal di Bahagian Kapit pada masa sekarang. Bilangan bilik darjah dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima, bilangan bilik darjah dalam ketiga-tiga rancangan tersebut ialah 167 buah sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan kelas sekolah-sekolah rendah sekarang ialah 277 buah kelas. Ini bermakna 110 buah terpaksa belajar di bilik-bilik darjah binaan Majlis Tempatan yang sudah uzur dan bilik-bilik darjah binaan secara gotong-royong. Perkara-perkara seperti ini di mana tempat pengajaran dan pembelajaran yang kurang sesuai akan menjejaskan pelajaran murid-murid dan menyinggung pemikiran guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga asrama-asrama murid-murid yang penuh sesak dan kurang selesa. Misalnya, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima, bilangan buah asrama dibina ialah 41 buah, di mana bilangan sekolah berasrama di Bahagian Kapit ialah 58 buah sekolah rendah Kerajaan. Untuk mengurangkan kesesakan 20 buah asrama dibina secara gotong-royong, 14 buah asrama binaan Majlis Tempatan yang sudah uzur.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita nafikan juga hal-hal kekurangan tempat tinggal murid-murid di asrama akan menjejaskan kesihatan dan pelajaran mereka. Adalah besar kemungkinannya bahawa keciciran murid sekolah berlaku di sekolah kita di hulu sungai kerana tidak tahan tinggal di asrama-asrama yang penuh sempit dan tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kekurangan bilik darjah di asrama, dewan makan yang kurang sempurna itu adalah menambahkan bebanan dan ianya menjadi satu cabaran yang besar bagi anak-anak kita di sekolah-sekolah yang terpencil. Kalaulah keciciran berlaku dan proses pengajaran dan pembelajaran terjejas, hasrat Kerajaan yang berkehendakkan semua rakyatnya ke pelajaran sekurang-kurang ke tingkatan tiga, ke peringkat sekolah menengah rendah juga terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bahawa kita harus mengambil berat tentang kemudahan-kemudahan yang kurang selesa dan yang tidak begitu sesuai di sekolah-sekolah yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berterima kasih kepada semua guru yang bertugas di Bahagian Kapit kerana mereka sudah sudi dan begitu tabah menghadapi masalah-masalah di sekolah-sekolah kita di kawasan pedalaman yang sukar. Mereka sudah bekerja tanpa mengira peluh-lelah untuk mempertingkatkan prestasi pencapaian murid-murid di bidang kurikulum mahupun di bidang ko-kurikulum. Mereka bertugas aktif dalam bidang sukan, kebudayaan dan juga melatih murid-murid dalam berbagai kelab di sekolah masing-masing walaupun bilangan guru di sebuah sekolah itu tidak begitu besar. Di kira purata bilangan guru di sebuah sekolah di bahagian Kapit ialah 9 orang tetapi yang lebih ramai sekolah-sekolah mempunyai 5 hingga 8 orang guru sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita perlu mengingatkan jasa mereka yang boleh kita katakan menjadi agen pembangunan mental, fizikal kerana merekalah mengiring rakyat di kawasan pedalaman ke arah pembangunan negara. Oleh itu, kita haruslah mengenang jasa titik-peluh

dan pengorbanan mereka supaya keraguan tidak timbul dan keyakinan mereka terhadap Kerajaan terus dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya di sini ialah kita perlu meninjau tempat tinggal mereka, rumah di mana mereka menginap tahun demi tahun. Mereka perlu ingat juga bahawa di hulu-hulu sungai tidak ada rumah sewa atau kemudahan-kemudahan lain dan guru-guru terpaksa tinggal di sekolah dan diam di beberapa jenis bangunan yang disediakan, misalnya pondok gotong-royong rumah-rumah lama yang uzur atau terpaksa berkongsi dua atau tiga orang kalau bujang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi memberi pandangan ringkas tentang masalah kekurangan rumah guru di bahagian Kapit. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima, bilangan rumah-rumah guru dibina sekolah rendah ialah 96 buah ada sekarang. Tuan Yang di-Pertua, bilangan rumah guru yang dibina oleh Majlis Tempatan yang sudah lama dan uzur dan juga tidak ada perabot ialah 109 buah, Bilangan rumah guru-guru binaan gotong-royong ialah 286 buah.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna hanya 96 orang guru kita di bahagian Kapit telah tinggal di rumah-rumah yang sempurna dan 646 orang tinggal di rumah-rumah lama Majlis Tempatan dan rumah-rumah gotong-royong.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ikut perhitungan seunit rumah untuk seorang guru pada tahun 1988 pandangannya adalah seperti berikut: Bilangan guru di Kapit 742 rumah, bilangan rumah semua rumah guru 491 orang, bilangan guru yang tidak ada rumah 251 orang. Ini menunjukkan masalah kekurangan rumah guru di Bahagian Kapit adalah besar dan keadaan seperti ini tidak memberansangkan sesiapa pun yang

bertugas di sekolah-sekolah kita di kawasan yang terpencil dan sukar dilawati.

Tuan Yang di-Pertua, bagi guru-guru kita di Bahagian Kapit, rela atau tidak mereka terpaksa berkongsi. Demi kepentingan guru dan anak-anak kita, saya bercadang bahawa rumah-rumah yang uzur dibina oleh Majlis Tempatan itu dan rumah-rumah gotong royong diganti dengan seberapa segera yang boleh. Mereka tidak memerlukan rumah yang besar seperti rumah Kelas IV dan sebagainya, tetapi berek-berek pun sudah memadai, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya berharap bahawa Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan akan terus memberi pertimbangan yang berat terhadap sekolah-sekolah kita di kawasan pendalaman.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita telah sedar tentang keadaan sekolah-sekolah kita di Sarawak semasa lawatan Yang Berhormat sendiri di negeri itu. Syabas saya ucapkan kepada beliau kerana sudah mengambil berat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan pula telah meJaksanakan projek membina paip air bagi menyediakan bekalan air yang bersih di beberapa tempat rumah panjang di negeri Sarawak. Dengan adanya projek seperti ini dapatlah penduduk yang tinggal di kawasan pendalaman menikmati kebersihan bekalan air untuk diminum dan mandi. Kerja-kerja yang begini sungguh murni dan baik sekali bagi penduduk di luar bandar yang telah dibekalkan dengan projek paip air supaya dapat memberi banyak faedah untuk menjaga kesihatan orang-orang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian masih banyak lagi rumah panjang yang belum mendapat projek pembina air paip ini yang kebanyakannya terletak di kawasan pendalaman di Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Kesihatan akan memberikan peruntukan yang lebih banyak lagi bagi menyediakan projek membina paip air terutama sekali bagi penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar di negeri Sarawak supaya dapat mereka merasai nikmat dari bekalan air yang bersih untuk mengurangkan lagi daripada terkena penyakit yang dibawa air yang kurang bersih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah memberi kelulusan peruntukan bagi menampung perbelanjaan membina bangunan tambahan Hospital Kerajaan Kapit yang sangat memerlukan tempat untuk memberi rawatan kepada para pesakit. Oleh yang demikian, saya minta Menteri Kesihatan dapat memberi peruntukan untuk membina Hospital Daerah Song yang telah saya mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini beberapa kali pada tahun yang lepas. Dengan ini saya berharap pihak Kementerian Kesihatan agar memandang masalah ini dengan serius dan mengambil tindakan segera tentang masalah rakyat di Daerah Song yang belum lagi mempunyai hospital bagi tempat untuk merawat pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bomba Negeri Sarawak telah pun diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan tetapi pejabatnya yang sempurna belum ada lagi di beberapa Bahagian di Sarawak. Buat masa sekarang pejabatnya yang ada di Bahagian Kapit adalah dilakukan secara kerja gotong-royong yang diletakkan di tempat letak kereta Majlis Luar Bandar Kapit. Walaupun Jabatan Bomba di Kapit mempunyai kakitangan serta alat kelengkapan pemadam api, kenderaan bomba di Kapit ini masih berkurangan disebabkan tidak mempunyai tempat bagi para ahli bomba untuk menjalankan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang sungguh menyedihkan sekali ialah di Daerah Song langsung tidak mempunyai kakitangan pekerja bomba, jauh sekali untuk mempunyai alat kelengkapan pemadam api atau kenderaan bomba seperti yang terdapat di bandar-bandar besar, dan kalaulah ada berlaku kebakaran di Daerah Song, Tuhan sahaja yang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab haruslah memberi perhatian yang lebih berat supaya menyediakan peruntukan untuk Bahagian Kapit dan juga di Daerah Song, kalau tidak dapat menyediakan alat kelengkapan pemadam api atau kenderaan bomba, alat-alat lain seperti enjin pam air serta water hose, dengan izin, sepatutnya disediakan. Oleh yang demikian, diharap janganlah membiarkan perkara yang begini, berilah perhatian yang wajar kepada masalah ini. Sebab Perkhidmatan Bomba ini janganlah diadakan dekat bandar-bandar sahaja, tetapi haruslah diperluaskan ke Bahagian-bahagian atau daerah yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat di Bahagian Kapit, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana sudah membantu dari segi projek-projek pembangunan bukan sahaja di peringkat sekolah tetapi di semua bidang demi kepentingan rakyat.

Saya menyokong Anggaran Belanjawan 1989.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marudu.

5.56 ptg.

Tuan Joe Ojhi Supiring (Marudu): Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan tahun ini kita dapati bahawa ada beberapa bahagian sebanyak sedikit mendapat sambutan yang baik daripada golongan tertentu terutama sekali kenaikan gaji

kakitangan awam tetapi disebaliknya ada juga golongan yang tidak berpuas hati, kerana tidak terlibat dalam penyusunan semula ini. Terutama sekali, saya suka menyentuh tentang personal assessment atau cukai pendapatan khususnya personal tax relief or relief for mortgage payment, relief for children and dependent and relief bagi pembelian insuran dan provident fund.

Saya percaya negara kita adalah yang memungut kadar personal income tax yang paling tinggi berbanding dengan negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, kadar cukai ini adalah tebih ketara dan dirasai terutama sekali di kawasan Sabah dan Sarawak di mana pada tikiran saya kos saraan hidup lebih tinggi sehingga lebih kurang 30% daripada penduduk di Semenanjung dan ini juga diakui oleh Kerajaan kerana apabila pegawai Semenanjung bertukar ke Sabah, mereka akan dibayar "special allowances" atau yang mungkin dipanggil elaun sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita banding kadar cukai negara jiran kita Singapura, personal tax relief dan dependant tax relief mereka adalah lebih tinggi berbanding dengan apa yang kita ada iaitu \$650 untuk anak pertama, \$750 untuk anak kedua dan \$800 bagi anak ketiga iaitu bagi rakyat negeri Sabah di mana amat rendah sekali bila mana kita bandingkan keadaan sara hidup dan kesesuaian negeri dalam Malaysia. Saya bukanlah meminta supaya rakyat Malaysia khususnya di Sabah, kita hendak hidup secara luxury, tetapi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, but we should enjoy life at least on decent one with no frills.

Demikian juga, cukai sara hidup atau relief for taxpayer's dependant di mana kita hanya dibolehkan \$1,000. Macam mana kita boleh dengan \$96 sebulan untuk menampung keluarga terutama sekali keluarga orang tua kita di mana terdapat masih ada

tanggungan, yang bersekolah dan orang tua kita yang tidak mampu untuk menyara hidup mereka. Dalam lain hal Kerajaan harus memberi kelonggaran dan review di mana hanya tiga orang anak yang dipertimbangkan mendapat personal relief tax atau dependant tax relief. Bagaimana dengan pembayar cukai yang mempunyai lebih anak, misalnya yang ada 10 anak. Adakah yang tujuh ini tidak makan, tidak bersekolah dan lain-lain saraan hidup. Kadar tax sebanyak 5% bagi pendapatan pertama \$2,500 juga amat tinggi berbanding dengan Singapura yang hanya 3.5% bagi pendapatan pertama \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun iklim ekonomi negara kita masih lagi dalam keadaan kemelesetan dan akan dijangka eksport barangan komoditi kita mungkin lebih rendah pada tahun hadapan, tetapi saya percaya dengan usaha-usaha menggalakkan perusahaan dalam negara kita ini dalam apa cara pun, dengan cara penyusunan semula struktur-struktur jabatan-jabatan Kerajaan dan Kementerian-kementerian, maka ianya secara langsung dapat membantu meningkatkan iklim ekonomi negara kita.

Dalam Anggaran Belanjawan pada tahun hadapan, iaitu 1989 kita dapati bahawa pertumbuhan ekonomi dijangka mencapai pertumbuhan KDNK sebanyak kira-kira 6% tahun hadapan. Saya percaya ramalan ini hanya boleh tercapai apabila sektor-sektor yang penting dapat dipertingkatkan seperti pertanian dan perkhidmatan di mana bagi peningkatan hasil dan pengeluaran pertanian ia akan melibatkan beberapa aspek yang penting terutama sekali penyusunan program dan perkhidmatan.

Apabila kita menyusun program ianya melibatkan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan-jalan baru, menaikkan taraf jalan dan

sebagainya. Pada umumnya ianya melibatkan pembangunan dan pengusahaan tanah-tanah dalam kawasan luar bandar yang masih sukar dihubungi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini saya percaya akan diakui oleh semua pihak bahawa infrastruktur yang saya maksudkan tadi adalah yang sangat penting. Kerajaan harus mengutamakan pembinaan jalan-jalan raya atau jambatan di semua jalan utama perhubungan di luar bandar kerana dengan ketiadaan ini, kita tidak payah katakan mengusaha, kita katakan pengeluaran hasil pun tidak akan tercapai.

Kerajaan harus mengeneipkan sikap ada hasil dan banyak kereta baru buat jalan atau jambatan, Ini akan menjejaskan peningkatan hasil daripada sektor pertanian,

Saya juga ini penjelasan apakah kriteria atau tahap kawasan baru boleh diberi pembangunan misalnya pembuatan jambatan. Yang saya maksudkan di Jambatan Bengkoka, di kawasan saya. Dan saya fikir ini adalah bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru yang kita sanjung-sanjung.

Demikian juga dengan kemudahan-kemudahan lain seperti tenaga elektrik. Kemudahan ini sepatutnya diperhebatkan di seluruh luar bandar di Malaysia khususnya di negeri Sabah di mana terdapat kawasan yang belum mempunyai bekalan tersebut. Dengan adanya tenaga elektrik di kawasan luar bandar maka orang-orang kampung dapatlah memulakan usaha-usaha seperti ternakan moden, perindustrian kecil dan sebagainya di mana ianya melibatkan tenaga elektrik.

Saya pernah lihat di kawasan saya di Kudat di mana tiang elektrik sudahpun di pasang, menunggu pemasangan wayar. Kemudian dicabut balik kerana kononnya tidak ada peruntukan. Dalam hal ini saya

menyambut baik keputusan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bahawa bekalan elektrik luar bandar ini akan diswastakan dan mungkin dengan ini maka dapatlah mempercepatkan perbekalan tenaga elektrik di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya fikir lebih penting ialah perkhidmatan awam di negeri Sabah. Perkara ini telahpun wujud sejak Sabah membuka tirai perbincangan untuk pembentukan Persekutuan Malaysia di awal tahun enam puluhan. Malah perkara ini telah menjadi salah satu daripada topik hangat yang menjadi landasan kepada kejayaan pembentukan negara ini. Sehingga masa ini setelah pembentukan Persekutuan Malaysia mencapai usia suku abad, 25 tahun, masalah ini masih berterusan dan masih menghantui fikiran kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah melaga-lagakan atau ekstrim dalam hal ini. Tetapi saya fikir perkara ini memadai jika saya timbulkan bagi mengatasi pengangguran yang kian meningkat di negeri Sabah. Masalahnya ialah setakat manakah dan banyak manakah kakitangan dari Sabah dalam perkhidmatan awam Persekutuan yang ada pada masa ini. Adakah bilangannya memuaskan atau bagaimana. Memandangkan hakikat kepada kurangnya bilangan ini sepertimana yang ditunjukkan oleh beberapa data statistik sepertimana yang dilihat sehari-hari saya ingin memohon di Dewan yang mulia ini agar bilangan kakitangan awam yang berasal dari Sabah hendaklah ditambah dalam perkhidmatan awam Persekutuan.

Saya tidaklah suka menyentuh sesebuah jabatan atau institusi di Sabah yang melibatkan hampir-hampir kesemua kakitangan dari

Semenanjung di mana terdiri dari jawatan tukang drebar ke pegawai. Saya menghormati Persekutuan yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin Borneo Utara, Sarawak dan Tanah Melayu dalam siri Mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC meeting) semasa memulakan proses pembentukan Persekutuan Malaysia yang antara lain menegaskan betapa pentingnya Borneonisasi. Maka jawatan-jawatan dalam jabatan awam Persekutuan dan negeri di Sabah iaitu mengikut Laporan IGC 1962 yang telah menegaskan, dengan izin, bahawa "The arrangements of the public services have three main purposes:

- (i) to provide for the proper functioning of the federalized state departments in the Borneo States when Malaysia comes into being while serving the 16 terms of service of serving officers;
- (ii) to provide for progressive Borneoisation of the state departments and over, an interim period of the federalized departments; and
- (iii) subject to this interim arrangement to provide for full integration of the federalized departments with the Federal Public Service as a whole."

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, matlamat yang pertama telah pun sebahagian besarnya tercapai. Bagaimanapun perkara yang berikutnya terutamanya mengenai dengan "progressive Borneoisation" masih lagi merupakan satu persoalan yang sangat besar. Berdasarkan kepada semangat pembentukan Malaysia yang memberi jaminan kepada rakyat Sabah untuk mengisi kebanyakan jawatan dalam perkhidmatan awam maka bilangan

mereka haruslah ditambah. Ini adalah satu lagi dimensi yang sungguh mencemaskan.

Pada tahun 1987, kadar pengangguran di Sabah adalah di sekitar 11% yang bermakna bahawa terdapat 45,000 orang Sabah yang menganggur. Pada tahun 1980, pembancian penduduk telah menganggarkan bahawa kadar pengangguran di Sabah adalah di sekitar 8.4%. Jumlah yang menggerunkan ini termasuklah lepasan-lepasan sekolah di semua peringkat dan juga siswazah-siswazah lepasan universiti, maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Kini bilangan siswazah-siswazah menganggur dianggarkan berada sekitar antara 400 hingga 600 orang di Sabah. Masalah pengangguran ini amat terasa kerana negeri Sabah adalah tidak seperti negeri-negeri lain di Semenanjung yang mempunyai pusat-pusat pembangunan industri yang pesat. Peluang-peluang pekerjaan di Sabah hanya terdapat di beberapa sektor yang terhad dan kecil dan oleh kerana itu salah satu daripada bidang pekerjaan yang besar adalah di sektor awam. Jika tidak dibendung, Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran ini boleh mengakibatkan terjadinya masalah sosial yang lain seperti jenayah dan sebagainya.

Sebelum saya mendalami sebab yang ketiga ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut rekod JPA terdapat 4,251 pemegang jawatan di Sabah dalam semua kumpulan yang dipegang oleh pegawai-pegawai dari Semenanjung. Angka tadi menunjukkan bilangan kakitangan Semenanjung yang berkhidmat di Sabah adalah cukup tinggi. Data ini agak mengelirukan kerana bilangan kakitangan dari Semenanjung Malaysia di Sabah yang berjumlah 21,107 orang pada rekod yang didapati dalam tahun 1985 adalah tidak sama dengan angka yang terbaru

iaitu cuma 4,251 orang. Angka-angka ini sangat menghairankan kerana hakikatnya bahawa terdapat jumlah 4,497 orang guru-guru Semenanjung yang berkhidmat di Sabah. Apa yang menjadi masalahnya sekarang ialah kita tidak tahu berapakah jumlah sebenarnya kakitangan Semenanjung di Sabah.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kepada Kerajaan agar menyatakan dengan jelas bilangan sebenar kakitangan awam di Malaysia, kakitangan Semenanjung yang berkhidmat di Sabah, kakitangan Sabah yang berkhidmat di Semenanjung dengan turut menjelaskan bidang-bidang mana mereka terlibat.

Walaupun kita belum mendapat angka yang paling tepat, tetapi kita sudah cukup yakin bahawa jumlah kakitangan daripada Semenanjung yang berkhidmat di Sabah adalah sangat tinggi. Angka ini juga meningkat dari setahun ke setahun. Ini adalah sungguh mengejutkan jika dibandingkan dengan jumlah yang berkhidmat di Sarawak iaitu hanya berada di sekitar 3,000 orang pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran ramai kakitangan bukan tempatan ini juga mendatangkan beberapa masalah, seperti mereka tidak memahami keadaan alam sekitar serta sosial budaya dan psikologi rakyat tempatan. Keadaan persekitaran sosial, ekonomi dan budaya orang Sabah juga harus difahami dan rakyat Sabah juga harus mendapat layanan ataupun perkhidmatan yang dapat memuaskan hati rakyat tempatan. Di dalam hal ini rakyat Sabah haruslah dipertimbangkan khas dalam pengisian jawatan-jawatan tersebut, kerana mereka lebih memahami permasalahan mereka sendiri dan oleh itu berada dalam kedudukan yang amat baik untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Melihat kepada jumlah kakitangan Semenanjung yang ramai di Sabah dan diikuti pula dengan elaun-elaun mereka yang lumayan berbanding dengan kakitangan tempatan serta sikap-sikap yang dipersoalkan tadi, maka adalah perlu bagi Kerajaan untuk mengkaji dan meneliti sebab-sebab wujudnya masalah-masalah tersebut dan mencari jalan bagaimana mengatasinya. Salah satu cara yang paling baik dan berkesan ialah melalui pertambahan bilangan kakitangan dari Sabah. Kita sungguh tidak mahu ada di antara kita yang mungkin bersikap seperti penjajah dan mengatakan bahawa rakyat Sabah kurang berkelayakan—itu berterusan, kerana alasan ini yang sering kali dinyatakan untuk menjustifikasikan kekurangan kakitangan dari Sabah. Dalam perkhidmatan awam tidak seharusnya timbul. Mungkin inilah sebabnya kenapa kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam di Kota Kinabalu pada bulan lepas yang mengatakan bahawa Sabah masih kekurangan orang yang berkelayakan dan telah mendapat kecaman dan kutukan daripada rakyat tempatan di Sabah terutama sekali pemegang ijazah dan diploma.

Usaha menambahkan kakitangan dari Sabah dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan ini bukan hanya terhad kepada penambahan angka-angka statistik tetapi apa yang lebih penting ialah mesti dilihat sebagai satu usaha yang menggalakkan sumbangan tenaga, fikiran dan kepakaran rakyat Sabah untuk membantu membangunkan negara kita. Usaha pertambahan ini juga mestilah ikhlas dan mengambil kira ataupun memberikan peluang kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira keturunan, agama dan kepercayaan. Bagaimanapun, peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia khususnya Fasal 153 yang menjamin kedudukan istimewa bumiputera di Sabah dan Sarawak harus sentiasa dihormati dan dipatuhi.

Selama ini bilangan pengambilan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomat dari rakyat Sabah khususnya adalah sangat kurang. Misalnya pada tahun 1987 di mana hanya 3 orang sahaja yang diambil dari Sabah walaupun pengambilannya berjumlah 150 orang. Pada tahun ini cuma 4 orang sahaja yang diambil dari Sabah daripada jumlah seramai 120 orang yang diambil dari seluruh negara. Janji Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Mac tahun ini bahawa pihaknya akan menambahkan bilang PTD (Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik) dari Sabah dan Sarawak akan ditambah pada tahun lepas haruslah dikota dan dilaksanakan secepat mungkin. Calon-calon bumiputera yang berasal dari berbagai latar belakang agama dan dialek juga harus dipertimbangkan. Ini memang langkah yang paling munasabah, kerana pada masa ini seperti mana yang dikatakan tadi jumlah kakitangan Semenanjung yang memegang jawatan-jawatan dalam kumpulan C dan D pun terlalu besar di negeri Sabah. Rakyat Sabah selalu mempersoalkan bahawa adakah rakyat Sabah tidak layak memegang jawatan-jawatan dalam kumpulan C dan D ini. Kita mesti berlaku adil kepada penganggur-penganggur lepasan sekolah di Sabah.

Pada masa ini cuma 15% sahaja daripada keseluruhan jabatan dan agensi Persekutuan di Sabah yang diketuai oleh pegawai-pegawai tempatan. Ini adalah satu keadaan yang tidak menepati jaminan Borneosasi dan tidak sihat untuk integrasi nasional. Oleh itu pegawai-pegawai Sabah hendaklah diberi peluang untuk mengetuai jabatan-jabatan tersebut terutamanya jawatan-jawatan utama yang mana program-programnya mempunyai kesan langsung kepada kehidupan seharian rakyat Sabah. Oleh itu Kerajaan Persekutuan hendaklah memastikan bahawa terdapat ramai orang-orang

Sabah yang dilantik ke jawatan-jawatan di kategori A dan B untuk mengambil alih daripada ketua-ketua mereka yang datangnya daripada Semenanjung selepas mereka mendatangi matlamat jabatan masing-masing.

Nampaknya galakan kepada kakitangan Kerajaan dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah adalah jauh berbeza dengan galakan kepada kakitangan Kerajaan Sabah untuk berkhidmat di Semenanjung. Buktinya kita boleh lihat bagaimana perbezaan elaan kemudahan rumah untuk kedua-dua pihak. Kesimpulannya perbelanjaan untuk membiayai kakitangan-kakitangan Semenanjung yang berkhidmat di Sabah adalah terlalu tinggi.

Contohnya, bayaran sewa rumah untuk seramai 11,564 kakitangan Semenanjung dari kumpulan D dan tingkatan biasa untuk setiap bulan adalah \$6,360,200. Bukankah orang Sabah juga layak memegang jawatan seperti buruh kasar ini? Jika Kerajaan mengambil orang-orang Sabah untuk memegang jawatan rendah ini tidak mungkin ia terpaksa membelanjakan wang yang sebegitu besar. Berdasarkan kepada permasalahan yang saya maksudkan di atas tadi, Kerajaan hendaklah menyelidik perbelanjaannya dalam Perkhidmatan Awam di Sabah dan mencari jalan bagaimana dapat memaksimumkan segala faedahnya. Oleh itu sekali lagi saya mohon agar bilangan orang Sabah ditambah dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Ahli dari Kota Belud telah membuat pertanyaan dalam Dewan ini mengenai dengan sekatan Kerajaan ke atas kitab atau bible yang mengandungi perkataan "Allah" hasil daripada terjemahan perkataan "God". Saya sangat bersetuju kepada seorang Ahli dalam Dewan yang mulia

ini yang menyatakan bahawa soal agama harus jangan diungkapkan dalam Dewan yang mulia ini demi keutuhan para pemimpin dalam Dewan yang mulia ini dan saya berpendapat dan mencadangkan supaya masalah agama haruslah diperbincangkan melalui dialog di antara orang-orang tertentu iaitu di antara pemimpin agama-agama dalam negara kita ini dan saya percaya hanya melalui permaufakatan mereka di antara pemimpin-pemimpin agama ini saya percaya akan menyelesaikan masalah agama.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya fikir sangat mustahak ialah tentang peraturan baru iaitu membuat kad pengenalan. Saya telah menerima banyak sungutan dari pihak bumiputera bahawa sebilangan besar pihak bumiputera di Sabah yang tinggal di luar bandar di mana terdapat banyak kanak-kanak yang tidak mempunyai surat beranak (birth certificate). Apabila ia mencapai umur untuk membolehkan membuat kad pengenalan maka permohonan ini tidak akan dilayan kerana polisi baru. Oleh itu saya minta Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran supaya menerima dan meluluskan permohonan-permohonan ini setelah permohonan ini mendapat endorsement atau sokongan dan juga bukti-bukti yang cukup daripada pihak-pihak tertentu terutama sekali endorsement daripada pihak Penghulu, Ketua anak Negeri, Ketua-ketua Kampung atau Pengerusi-pengerusi JKKK. Dan tindakan ini amat dikehendaki secepat mungkin kerana ia akan menjejaskan persekolahan kepada budak-budak rakyat tulin Malaysia. Saya minta supaya pihak Jabatan Pendataran juga harus mengadakan "task force" untuk mendaftar kanak-kanak di luar bandar yang tidak mampu turun ke bandar dan juga sikap mereka yang masih "ignorant", orang-orang kampung di Sabah yang saya maksudkan tadi.

Saya menganggarkan bahawa di kawasan saya sendiri, iaitu di kawasan Marudu masih terdapat beratus-ratus budak-budak yang tidak mempunyai birth certificates, terutama sekali daripada kepulauan Banggi dan Ulu Bengkoka Pitas kerana mereka ini dilahirkan di kampung dengan cara tersendiri. Oleh itu mereka tidak punyai dorongan untuk memiliki surat kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tawau.

6.21 ptg.

Tuan Samson Chin Chee Tsu (Tawau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin mengambil bahagian perbahasan dalam Belanjawan Tahun 1989 yang disampaikan oleh Menteri Kewangan di Dewan ini. Saya ingin membangkitkan perkara mengenai pendatang-pendatang haram ke Sabah, Hospital di Tawau, Mahkamah-mahkamah Tuntutan Kecil dan Penerbangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bertindak tegas terhadap pelarian-pelarian Vietnam. Selepas pendaratan mereka di pantai-pantai kita, mereka diberi amaran dengan segera bahawa mereka tidak boleh menjadikan Malaysia sebagai tempat perlindungan. Kedatangan mereka dengan segera telah dipindahkan ke satu pulau terponcil, iaitu Pulau Bidong sementara menunggu tindakan selanjutnya oleh Kerajaan kita.

Sebelum penghujung tahun ini lebih kurang 13,000 orang pelarian Vietnam akan dipulangkan ke negara asal mereka yang telah ditinggalkan dengan ketakutan dan putus asa. Kerajaan bangga telah menghantar satu rombongan yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Tuan

Abdul Ghafar Baba, ke Vietnam untuk benar-benar memastikan yang usaha-usaha kita akan mendapat kerjasama daripada Kerajaan Vietnam. Satu kejayaan yang membanggakan tetapi yang menarik perhatian ialah cara Kerajaan mengatasi di antara sejumlah kecil pelarian Vietnam dan kemasukan pendatang-pendatang haram ke Sabah yang kelihatannya tidak akan berkesudahan daripada negara-negara jiran kita Filipina dan Indonesia. Beratus-ratus ribu orang pendatang haram bergerak dengan bebas di pantai-pantai dekat pantai kita dan lebih ramai yang datang setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid dan General Zulkifli Abdul Hamid dalam lawatan masing-masing mereka ke Sabah baru-baru ini mengakui bahawa Sabah pada masa ini telah dibanjiri oleh pendatang-pendatang haram dan satu antara tiga orang yang ada di bandar-bandar dekat pantai kita adalah pendatang haram. Pendatang-pendatang haram ini lelah lama menggambarkan satu ancaman kepada masyarakat kita. Mengikut statistik rasmi mereka adalah menyebabkan 65% daripada jenayah berat di negeri ini. Orang ramai hidup dalam keadaan ketakutan yang berterusan. Para pelabur tempatan dan juga asing di dalam sektor perladangan meninggalkan estet-estet mereka kerana seringkali diserang secara kejam yang menyebabkan kehilangan nyawa dan juga hartabenda. Secara spontan pihak yang bertanggungjawab seolah-olah tidak melihat bahawa satu penyelesaian segera perlu diambil terhadap keadaan yang semakin menjadi sukar untuk dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri yang lalu dipercayai telah berjaya menggunakan jalan dan cara yang hanya mereka mengetahuinya untuk mengesan pendatang-pendatang haram ini supaya mereka berhak

mengundi bagi pihak Kerajaan di dalam pilihanraya negeri. Kerajaan PBS sekarang setakat ini hanya berupaya berjanji terhadap perkara ini sebagai modal untuk kejayaan mereka di dalam pilihanraya negeri. Kerajaan PBS mengeneppikan perkara ini dengan mengatakan ini adalah urusan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil langkah yang tegas.

Tuan Michael Asang (Jambongan): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak apa?

Tuan Michael Asang: Minta jalan.

Tuan Samson Chin Chee Tsu: Tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak beri.

Tuan Samson Chin Chee Tsu: Saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil langkah yang tegas terhadap pendedatang-pendedatang haram dari Filipina dan Indonesia di Sabah sebagaimana hanya dilakukan terhadap pelarian Vietnam. Tidak ada sebab yang munasabah seharusnya membenarkan layanan yang berbeza terhadap kedua-dua katedog pendedatang haram di dalam tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan peruntukan kewangan dari Kerajaan Persekutuan dan perkhidmatan

kesihatan yang kurang memuaskan di Sabah telah menimbulkan perasaan ketidakpuasan di kalangan rakyat Sabah, ini terutamanya benar di Hospital Tawau. Sejak beberapa bulan yang lalu ramai doktor dan pakar perubatan yang berkhidmat secara kontrak terpaksa menamatkan kontrak mereka bila tempoh mereka tamat untuk membolehkan doktor-doktor baru kelulusan universiti tempatan mengambil tempat mereka Memandangkan doktor-doktor baru ini kurang pengalaman ada di antara ramai pesakit yang tidak dapat dirawat dengan betul. Perkara ini telah menyebabkan bilangan aduan yang diterima semakin meningkat. Orang awam mengadu tentang perkhidmatan pegawai-pegawai perubatan serta jururawat yang bertugas kerana mereka didapati kurang berdedikasi terhadap kewajipan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tawau, minta sambung esok.

Tuan Samson Chin Chee Tsu: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap dan kita hanya ada 3 hari lagi, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat mulai pada esok menghadkan ucapan-ucapan mereka itu kepada 20 minit.

Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.